

**POLITIK  
MELAYU  
PULAU  
PINANG  
1945-1957**

84-1735

SIRI KAJIAN SEJARAH SETEMPAT

**POLITIK  
MELAYU  
PULAU  
PINANG  
1945-1957**

Oleh  
**MD. SALLEH BIN MD. GAUS**

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
KUALA LUMPUR  
1984

330442

KK. 391-2861 0101

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

© Hakcipta Md. Salleh bin Md. Gaus 1984  
Cetakan Pertama 1984

11  
320-9595/13  
MSM

Dicetak oleh  
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur

\$8.00

330445

3 - AUG 1985

Perpustakaan Negara  
Malaysia

---

# PENGHARGAAN

*Bismillahirrahmannirrahim .*

Penulis mengucapkan syukur kepada Allah kerana, dengan limpah rahmat-Nya, penulis telah berjaya menyempurnakan Latihan Ilmiah ini dalam jangka masa yang ditentukan.

Dalam usaha menyempurnakan Latihan Ilmiah ini, penulis terhutang budi kepada mereka yang telah memberi pertolongan yang sangat diperlukan. Penulis mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih dan penghargaan tinggi kepada Ketua Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Datuk Prof. Zainal Abidin bin Abdul Wahid yang telah menyediakan berbagai kemudahan bagi memudahkan penyelidikan Latihan Ilmiah ini, juga selaku penyelia Latihan Ilmiah ini, beliau telah memberi banyak nasihat, panduan dan meneliti dengan tekun rangka pertama Latihan Ilmiah ini.

Ucapan terima kasih dan penghargaan yang tinggi juga dirakamkan kepada Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Arkib Negara, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Negeri Pulau Pinang dan juga semua responden yang turut memberikan butir-butir yang sangat berharga untuk Latihan Ilmiah ini.

Akhirnya, terima kasih dan penghargaan tinggi juga ditujukan kepada Cik Noraini binti Husain yang telah bertekun menaip Latihan Ilmiah ini.

Md. Salleh bin Md. Gaus

---

# PENDAHULUAN

Tahun 1945 hingga 1957 merupakan jangka masa yang penting dalam sejarah perkembangan politik orang-orang Melayu di Tanah Melayu. Dalam jangka masa dua belas tahun, Tanah Melayu mengalami beberapa peristiwa politik yang menentukan masa depan orang Melayu. Di antaranya ialah penubuhan Kerajaan *Malayan Union* dan penentangan orang Melayu terhadapnya; penubuhan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan satu perlembagaan yang meletakkan orang Melayu pada kedudukan yang lebih terjamin daripada *Malayan Union*; keadaan Darurat; pelaksanaan institusi Pilihanraya pada peringkat Daerah, Negeri dan Persekutuan; dan usaha-usaha mendapatkan kemerdekaan.

Peristiwa tersebut tidak dapat tidak mempengaruhi perkembangan dan kegiatan politik orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai dalam jangka masa yang dikaji itu. Dalam hubungan ini, apakah bentuk dan sifat gerak balas yang ditunjukkan oleh orang-orang Melayu Negeri Pulau Pinang terhadap perkembangan itu? Apakah faktor yang mempengaruhi bentuk dan sifat gerak balas itu? Sejauh manakah keberkesanan gerak balas itu? Persoalan ini merupakan salah satu faktor yang mendorong penulis membuat pengkajian mengenai tajuk Latihan Ilmiah ini.

Satu lagi faktor yang mempengaruhi minat penulis memilih tajuk ini ialah kerana kurangnya bilangan penulisan sejarah mengenai Pulau Pinang dan Seberang Perai khususnya mengenai orang Melayu. Beberapa percubaan telah dibuat untuk menghuraikan perkembangan politik orang Melayu di Tanah Melayu. Penulisan Mohd. Yunus Hamidi, *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*, (Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1961) adalah merupakan pengalaman penulis tersebut dalam pergolakan politik

selepas pendudukan Jepun. Radin Soenarno, "Malay Nationalism 1900-1945", dalam *Journal of Southeast Asian History* (Vol. I, No. 1, Mac 1960) dan W.R. Roff, *The Origin of Malay Nationalism*, (University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1967) menulis mengenai perkembangan politik Melayu sehingga Perang Dunia Kedua. Sementara itu, N.J. Funston, *Malay Politics In Malaysia: 1945-1969: A Case Study of the UMNO and PAS*, (Tesis Sarjana, Universiti Monash, 1973) dan Mohamad Noordin Sopiee, *From Malayan Union To Singapore Separation*, (Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974) menulis dengan mendalam mengenai perkembangan politik Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Bagaimanapun, penulis tersebut memberi penekanan kepada perkembangan politik kebangsaan dan menyentuh mengenai orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai secara sepintas lalu.

J.D. Vaughn, "Notes On The Malays of Penang and Province Wellesly", dalam *Logan's Journal of the Indian Archipelago*, (Singapore New Series, Vol. II, No. 2, 1857) adalah satu-satunya tulisan yang ada mengenai orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai. Bagaimanapun, di samping jangka masa yang dikaji itu agak jauh ke belakang, pengkajian itu cuma memberi penekanan kepada aspek-aspek kebudayaan.

Dengan itu ternyata penulisan mengenai orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai adalah terhad sekali. Dengan adanya pengkajian ini, sekurang-kurangnya penulis dapat memberi sumbangan yang paling kecil dalam penulisan sejarah tempatan khususnya sejarah orang Melayu.

Pengkajian ini memberi penekanan kepada aspek-aspek politik orang Melayu. Sikap ini bukan pula bermakna bahawa penulis menafikan kepentingan aspek ekonomi dan sosial dalam pengkajian mengenai sesuatu masyarakat. Malah, Penulis menyedari bahawa ketiga-tiga aspek itu tidak dapat dipisahkan secara mutlak kerana mereka saling pengaruh-mempengaruhi antara satu sama lain. Pemisahan itu dibuat secara sengaja semata-mata untuk memudahkan pengkajian dan dengan harapan dalam jangka masa dan ruang yang terhad membolehkan penulis membuat satu pengkajian yang agak mikro.

Latihan Ilmiah ini dibahagikan kepada empat bab yang tiap-tiap satunya membicarakan aspek tertentu dalam perkembangan pergerakan politik orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai. Dalam bab pertama penulis membicarakan perkara mengenai

kemunculan pergerakan politik Melayu dan perkembangannya sehingga Perang Dunia Kedua. Ruang masa dan bahan dalam bab ini adalah agak luas. Bagaimanapun, penumpuan adalah diberikan kepada kemunculan kesedaran kebangsaan Melayu dan kemunculan gerakan politik Melayu.

Penentangan orang Melayu terhadap Kerajaan *Malayan Union* dibicarakan dalam bab kedua. Di antara lain yang disentuh ialah mengenai gerak balas awal terhadap cadangan *Malayan Union* dan penyusunan gerakan untuk menggalakkan gagasan tersebut apabila dilaksanakan. Bab ini berakhir apabila Kerajaan British memansuhkan *Kerajaan Malayan Union*.

Dalam bab ketiga, penulis membicarakan Gerakan Pengasingan (*Secession Movement*) iaitu satu gerakan orang bukan Melayu untuk mengasingkan Pulau Pinang dan Seberang Perai daripada Persekutuan Tanah Melayu. Juga akan dibicarakan apakah sikap dan gerak balas orang Melayu terhadap gerakan tersebut.

Sementara itu, dalam bab keempat, perbincangan ditumpukan kepada kegiatan yang berkisar di sekitar Pilihanraya Munisipal (1951), Pilihanraya Negeri (1955) dan Pilihanraya Persekutuan (1955). Antara lain yang dibicarakan ialah sambutan, sikap dan tindakan orang Melayu terhadap institusi Pilihanraya; bentuk penyertaan orang Melayu dalam Pilihanraya; dan apakah kesan yang ditinggalkan oleh Pilihanraya itu terhadap masa depan pergerakan politik orang-orang Melayu.

Dalam bahagian kesimpulan, penulis mengemukakan, antara lain, apakah unsur-unsur yang terdapat di dalam dan di luar pergerakan politik orang Melayu. Bagaimanakah unsur itu mempengaruhi perkembangan pergerakan politik, dan bagaimanakah pula unsur yang berbagai itu bertindak balas dan mewujudkan satu pergerakan politik Melayu yang agak unggul di Pulau Pinang dan Seberang Perai dalam jangka masa yang dikaji itu.

Dalam melakukan pengkajian ini, penulis mengikut dua tatacara iaitu pengumpulan butir-butir dan diikuti kemudiannya oleh penilaian. Penulis berasa amat beruntung kerana dapat membaca dan mengumpulkan butir-butir dari akhbar-akhbar *Warta Negara* (1948–1957) dan *Straits Echo* (1945–1957) yang diterbitkan di Pulau Pinang. Di samping itu, butir-butir bertulis juga didapati dari akhbar, *New Straits Times*, *Malay Mail*, *Malayan Observer*, *Utusan Melayu* dan akhbar *Majlis*. Selain dari itu butir-butir untuk bab pertama juga diperolehi dari akhbar *Saudara*, *Idaran Zaman*

dan majalah Al Ikhwan. Selain daripada akhbar dan majalah, butir asas juga diperolehi dari dokumen-dokumen kerajaan dan pertubuhan yang masih tersimpan. Butir-butir tambahan didapati dari responden-responden.

Setelah butir-butir itu terkumpul, penulis membuat penilaian dan menjalankan temutanya dengan lebih mendalam. Tidak kurang daripada lima belas responden telah ditemutanya dan pemilihan responden-responden itu adalah berdasarkan kepada hubungan mereka dengan sesuatu perkara yang dibicarakan itu. Adalah menjadi matlamat utama penulis agar Latihan Ilmiah ini mendekati kebenaran. Untuk mencapai matlamat itu, penulis membuat kajian silang (*cross-examination*): umpamanya, sesuatu butir yang diperolehi dari sebuah akhbar seberapa boleh akan dirujuk kepada akhbar yang lain dan responden. Begitu juga halnya dengan butir-butir dan maklumat yang didapati dari responden dirujuk kepada akhbar dan responden yang lain. Dalam kebanyakan sesi temutanya itu, penulis tidak menggunakan alat-rakaman walaupun disedari peri pentingnya. Langkah ini diambil adalah kerana penulis berpendapat bahawa responden akan dapat bertutur dengan lebih berani dan butir-butir yang agak sulit dapat diperolehi.

Dalam melakukan pengkajian ini penulis tidak kurang menghadapi beberapa masalah. Di antaranya ialah perkara masa yang agak terhad dan justeru itu, pengumpulan butir-butir terpaksa dijalankan dengan 'terburu-buru'. Di samping itu, penulis juga kurang bernasib baik kerana tidak dapat menggunakan butir-butir dari fail-fail UMNO Negeri Pulau Pinang kerana fail-fail tersebut dikatakan 'dibakar'. Sementara itu, fail PKMM juga tidak diperolehi oleh penulis kerana tiada dalam simpanan bekas pemimpin-pemimpinnya kesan dari penggeledahan yang dilakukan oleh Pemerintah British. Begitu juga dengan fail-fail PMA tidak dapat penulis gunakan sepenuhnya kerana kurangnya kerjasama dari salah seorang bekas pemimpinnya yang ada menyimpan fail-fail tersebut. Bagaimanapun, untuk mengatasi masalah tersebut, penulis menggunakan sepenuhnya akhbar dan fail yang masih tersimpan di Arkib Negara. Dengan itu, masalah itu dapat diatasi sekadar yang terdaya supaya mutu akademik pengkajian ini tidak terjejas. Berdasarkan kepada butir-butir dan kemampuan yang ada, penulis mengemukakan Latihan Ilmiah ini.



---

## SINOPSIS

Sebelum Perang Dunia Kedua, beberapa pertubuhan Melayu telah ditubuhkan untuk memperjuangkan kepentingan ekonomi, sosial dan politik orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai. Pertubuhan-pertubuhan ini lahir dalam alam persekitaran masyarakat Melayu yang berbeza, mempunyai ahli dan pemimpin yang mempunyai sikap, nilai dan pandangan hidup yang berbeza. Justeru itu, sebelum Perang Dunia Kedua, kegiatan pertubuhan Melayu adalah berbeza antara satu sama lain.

Selepas Perang Dunia Kedua, kesan daripada Pendudukan Jepun dan langkah Kerajaan British hendak menubuhkan Kerajaan Malayan Union, kegiatan politik orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai bertambah cergas. Pertubuhan orang-orang Melayu mengenyepikan perbezaan yang diwarisi dan bergabung tenaga bersama orang Melayu di tanah besar semenanjung bagi menggagalkan rancangan Kerajaan British.

Kerjasama politik yang padu itu menyebabkan Kerajaan British tunduk kepada tuntutan orang Melayu apabila Kerajaan *Malayan Union* digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu pada 1hb. Februari 1948. Di samping itu, peranan pertubuhan Melayu yang lama seperti PMA, KMPP dan PMSP digantikan oleh UMNO. UMNO membuka cawangan-cawangannya di kawasan luar bandar dan memberi peluang kepada lebih ramai orang Melayu menyertai kegiatan politik.

Kedudukan politik orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai sekali lagi tergugat apabila pada tahun 1948–1949 orang Bukan Melayu melancarkan Gerakan Pengasingan (*Secession Movement*), iaitu satu gerakan hendak mengasingkan Pulau Pinang dan Seberang Perai daripada Persekutuan Tanah Melayu. Gerakan ini ditentang oleh orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai melalui UMNO, dan dengan kerjasama pemimpin UMNO Malaya,

mereka berjaya menumpaskannya.

Dalam keadaan orang bukan Melayu yang tidak berpuas hati dengan keadaan politik ketika itu, Pemerintah British telah mengadakan Pilihanraya Munisipal pada bulan Disember 1951. Calon-calon Melayu yang kebanyakannya bertanding di bawah UMNO hanya berjaya mendapat satu daripada sembilan kerusi yang dipertandingkan. Bagaimanapun, dalam Pilihanraya Munisipal yang diadakan tiap-tiap tahun selepas ini, kerusi orang Melayu dalam Majlis Munisipal kian bertambah.

Dalam Pilihanraya Negeri dan Persekutuan pada tahun 1955, ternyata konsep 'kerjasama politik' telah diterima oleh sebahagian besar orang Melayu apabila calon Perikatan telah berjaya dengan mendapat kelebihan undi yang banyak. Melalui Pilihanraya Persekutuan, orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai telah memberi mandat kepada Perikatan mengambil langkah memperjuangkan kemerdekaan.

Pada mulanya Syarikat Hindia Timur Inggeris tidak mengadakan satu bentuk kerajaan dan pentadbiran yang khusus di Negeri Pulau Pinang.<sup>5</sup> Bagaimanapun untuk menjaga kepentingannya di kawasan baru itu Syarikat tersebut telah melantik seorang *superintendent*. Kemudian memandangkan Pulau Pinang dan Seberang Perai bertambah maju dari segi ekonomi pada tahun 1805, Syarikat itu menjadikannya sebagai sebuah kerajaan yang bertaraf *residency* dan mempunyai seorang gabenor. Untuk memudahkan pentadbiran dan menjimatkan perbelanjaan, Pulau Pinang dan Seberang Perai bersama dengan Singapura, Melaka dan Dinding telah dicantumkan ke dalam Negeri-Negeri Selat pada tahun 1826. Bagaimanapun kepentingan Negeri Pulau Pinang dari segi ekonomi pula tergugat dengan tertubuhnya pengkalan Syarikat Hindia Timur Inggeris di Singapura pada tahun 1819 yang menjadi salah satu sebab mengapa Negeri Pulau Pinang diturunkan ke taraf yang lebih rendah dari *residency* dan perannya sebagai pusat pentadbiran Negeri-Negeri Selat berpindah ke Singapura. Pada tahun 1867 Syarikat itu telah menyerahkan miliknya termasuk Negeri Pulau Pinang kepada Kerajaan British. Mulai dari tarikh itu Negeri Pulau Pinang menjadi sebahagian daripada tanah jajahan British.

Perubahan politik dan pentadbiran sebagaimana yang disebutkan di atas mempunyai kaitan yang rapat dengan perkembangan ekonomi Tanah Melayu. Pada ketika itu masa depan Negeri Pulau Pinang dapat dikatakan sebahagian besarnya bergantung kepada sejauh manakah sumbangannya kepada kekayaan Syarikat Hindia Timur Inggeris pada awalnya dan kepada Kerajaan British kemudiannya. Tetapi apa yang lebih penting dalam mengkaji politik Negeri Pulau Pinang ialah kesan yang ditinggalkan oleh pendudukan British selama lebih dari seratus lima puluh tahun itu. Pada umumnya sebelum meletus Perang Dunia Kedua Negeri Pulau Pinang telah menjadi sebuah negeri yang bukan sahaja mempunyai penduduk berbilang kaum tetapi juga bersifat majmuk.<sup>6</sup>

Semasa Francis Light menduduki Pulau Pinang penduduk negeri

---

<sup>5</sup> Fred. A. Thomasz, *A School Geography and History of Penang*. The Methodist Printing House, Singapore, 1917, h. 28.

<sup>6</sup> Masyarakat majmuk difahamkan sebagai satu masyarakat di mana kegiatan dan organisasi kehidupan tiap-tiap kaum diselenggarakan berasingan. Konsep majmuk dikemukakan oleh J.S. Furnivall, *Colonial Policy and Practice*. Cambridge, 1948.

---

# KANDUNGAN

Muka Surat

<i>PENGHARGAAN</i> .....	v
<i>PENDAHULUAN</i> .....	vii
<i>SINOPSIS</i> .....	xi
<i>SENARAI KEPENDEKAN</i> .....	xiii
<b>Bab 1</b> Pergerakan Politik Melayu Negeri Pulau Pinang sebelum 1945 .....	1
<b>Bab 2</b> Politik Melayu dan Malayan Union .....	29
<b>Bab 3</b> Politik Melayu dan Gerakan Pengasingan .....	56
<b>Bab 4</b> Politik Melayu dan Pilihanraya .....	84
<i>Penutup</i> .....	118
<i>Bibliografi</i> .....	121
<i>Lampiran</i> .....	123

# 1

## PERGERAKAN POLITIK MELAYU NEGERI PULAU PINANG SEBELUM 1945\*

Politik<sup>1</sup> Melayu Negeri Pulau Pinang seperti negeri-negeri Melayu lain di Tanah Melayu bermula sejak wujudnya unit Kesultanan Melayu.<sup>2</sup> Dengan hilangnya kewibawaan Kesultanan

---

\* Untuk mengelakkan kekeliruan, penulis menggunakan 'Negeri Pulau Pinang' bagi merujuk kepada kedua-dua Pulau Pinang dan Seberang Perai. Sementara 'Pulau Pinang' dirujuk kepada pulau dan 'Seberang Perai' bahagian tanah besarnya. Penulis menggunakan 'pemerintah British' bagi merujuk kepada kerajaan kolonial di Tanah Melayu, dan 'Kerajaan British' bagi merujuk kepada kerajaan induk di Great Britain.

<sup>1</sup> Politik, mengikut Pye dan Verba, tidak dapat dibuat penggolongan. Banyak unsur-unsur yang teradun yang menggerakkan sesuatu tindakan politik seperti kehormatan (*honour*), mertabat (*prestige*), kesetiaan (*loyalty*), benci (*hatred*), pencerobohan (*aggression*), tanggungjawab (*duty*), kesedaran (*consciousness*), keuntungan kebendaan (*material advantage*), kepentingan diri (*self-interest*) dan segala bentuk usaha mencari keselamatan. Lihat, L.W. Pye & S. Verba, *Political Culture and Political Development*, Princeton University Press, New Jersey, 1966, h.3. Ini bermakna sempadan politik itu tidak dapat ditentukan dan sentiasa berubah-ubah. Dengan itu adalah susah untuk menentukan apakah 'politik' dan apakah yang 'bukan politik'. C.A. Leeds memberikan lima bidang yang dikatakan mempunyai hubungan dengan politik iaitu perebutan kuasa, satu sistem bagi mengadakan peraturan-peraturan asas, penglibatan pemerintah, politik mikro, dan usaha mewujudkan satu masyarakat yang sempurna. Lihat, C.A. Leeds, *Political Studies*, The Garden City Press, London, 1975, h.4-5. Jadi, pada umumnya 'politik' mempunyai hubungan dengan 'kekuasaan' dan 'kewibawaan' itu, dan 'berpolitik' merujuk kepada kegiatan yang bertujuan untuk mempengaruhi keputusan atau tindakan yang dibuat oleh pemegang 'kekuasaan' dan 'kewibawaan' itu. Matlamat akhir 'berpolitik' ialah untuk mewujudkan satu masyarakat yang sempurna.

<sup>2</sup> Sebelum diperintah oleh Inggeris, Negeri Pulau Pinang merupakan sebahagian daripada Negeri Kedah. Terdapat dua sumber yang menerangkan asal usul Kerajaan Kedah. Sumber pertama menyebut raja Negeri Kedah yang pertama ialah Maharaja Derbar Raja, seorang raja buangan yang berasal dari Negeri Parsi. Lihat, Muhammad Hassan bin Tok Kerani Mohd Arshad, *Al Tarikh Selasilah Negeri Kedah*, D.B.P., Kuala Lumpur, 1968, h. xii-xxiii. Sumber kedua menyebut raja Kedah yang pertama ialah Merung Mahawangsa (Pa' Ong Mahawangsa). Lihat, *ibid.*, h. xiii-xxiii.

Kedah ke atas Negeri Pulau Pinang pada tahun 1786, politik orang Melayu di negeri ini mempunyai hubungan yang rapat dengan kegiatan orang Inggeris di Tanah Melayu amnya dan di Negeri Pulau Pinang khususnya. Inggeris sama ada secara langsung atau tidak langsung telah membawa masuk unsur-unsur baru dan menambahkan pengalaman orang Melayu dari segi sosial, ekonomi dan politik.

Sementara itu kesedaran Islah di negara-negara Asia Barat pada penghujung abad kesembilan belas dan awal abad kedua puluh telah menular ke Tanah Melayu dan pada satu ketika dalam perkembangan Negeri Pulau Pinang telah menjadi pusat kegiatan golongan yang membawa kesedaran ini. Dengan itu sebelum Perang Dunia Kedua politik Melayu Negeri Pulau Pinang adalah berkembang di atas asas-asas yang disediakan oleh pihak Inggeris dan kesedaran yang menjadi tema utama politik Melayu pada masa itu digerakkan oleh kegiatan-kegiatan gerakan Islah dari Asia Barat itu.

#### ↳ *Latar Belakang Politik Negeri Pulau Pinang Sebelum Tahun 1945*

Sebelum Perang Dunia Kedua, Negeri Pulau Pinang, Singapura dan Melaka menjadi sebahagian daripada tanah jajahan British. Kewibawaan dan kekuasaan ke atas Pulau Pinang berpindah dari tangan orang Melayu kepada British kesan daripada perjanjian<sup>3</sup> yang ditandatangani pada tahun 1786 di antara Francis Light bagi pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris dengan Sultan Abdullah Mukkaram Shah dari Kedah. Apabila Syarikat Hindia Timur Inggeris gagal memenuhi syarat-syarat perjanjian itu orang Melayu berusaha mendapat balik Pulau Pinang melalui perundingan dan kemudiannya dengan kekerasan. Tetapi semua usaha itu juga gagal. Ini mengukuhkan pegangan Syarikat Hindia Timur Inggeris ke atas pulau itu dan menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi perjanjian tahun 1800 yang membawa kepada penyerahan Seberang Perai kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris.<sup>4</sup>

---

<sup>3</sup> Lihat, "Agreement With the King of Quedah for the Cession of Prince of Wales' Island in 1786". Kedudukan Syarikat diperkukuh melalui perjanjian tahun 1791. Lihat, "Treaty With the King of Quedah 1791". Kedua-dua perjanjian ini dapat dibaca dalam W.G. Maxwell, *Treaties and Engagements Etc.*, London, 1924, h. 95-98.

<sup>4</sup> Lihat, "Treaty With the King of Quedah, 1800", dalam, *ibid.*, h. 98-100. Perkembangan yang membawa kepada penyerahan Pulau Pinang dan Seberang Perai kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris dapat dibaca dalam, Alfred P. Rubin, *The International Personality of the Malay Peninsula*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974, h. 125-151.

itu berjumlah cuma lima puluh orang sahaja tetapi lapan tahun kemudiannya angka itu telah meningkat menjadi 20,000 orang terdiri dari orang Melayu, Cina, India dan lain-lain kaum.<sup>7</sup> Pada tahun 1947 angka ini telah bertambah menjadi 446,321 orang bagi seluruh Negeri Pulau Pinang. Dari jumlah ini orang Melayu semenanjung ialah seramai 133,205 orang, lain-lain rumpun Melayu 2,958, Cina 247,366, India 57,157, Eropah dan Serani 3,651 dan kaum-kaum lain 1,948 orang.<sup>8</sup> Seramai 86,288 orang Melayu tinggal di Seberang Perai sementara 46,912 tinggal di Pulau Pinang iaitu 19,513 di kawasan bandar dan yang bakinya di kawasan luar bandar.<sup>9</sup>

Dari angka di atas dapat dibuat satu kesimpulan umum bahawa sejumlah besar orang Melayu tinggal di kawasan luar bandar di mana kegiatan ekonomi mereka terhad kepada aktiviti pertanian sahaja. Sementara itu kaum bukan Melayu kebanyakannya tinggal di bandar dan bergiat dalam bidang perdagangan dan perusahaan. Keadaan ini bukan sahaja mempengaruhi perkembangan ekonomi tetapi juga mendatangkan kesan yang berbeza kepada berbagai kaum. Keadaan ini menjadi salah satu sebab penting yang menimbulkan dan menggerakkan kesedaran terhadap masa depan orang Melayu di Negeri Pulau Pinang.

Salah satu faktor yang melemahkan kedudukan orang Melayu di Negeri Pulau Pinang ialah kerana kecilnya bilangan penduduk Melayu berbanding dengan lain-lain kaum. Tambahan pula oleh kerana ia terputus dari pemerintahan tradisi dalam jangka masa lebih dari seratus tahun, orang Melayu Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai elit tradisi.<sup>10</sup> Peranan elit tradisi ini penting dalam politik Melayu kerana mereka bukan sahaja merupakan golongan 'terpelihara' oleh pemerintah British tetapi mereka juga dapat bertindak sebagai pemimpin dan tenaga 'check and balance' terhadap tindak tanduk

---

<sup>7</sup> *Straits Echo*, 12.8. 1947, h.6

<sup>8</sup> Federation of Malaya, *A Report on the 1947 Census of Population*. Govt. Printer, Kuala Lumpur, 1949, h. 134.

<sup>9</sup> *Ibid.*, h. 134.

<sup>10</sup> Pada umumnya elit adalah dirujuk kepada segolongan orang yang mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat. Mereka adalah golongan yang penting dalam sesuatu bidang tertentu, terutama dalam pemerintahan. Dari kelompok elit ini muncul ahli-ahli pemerintah. Lihat, Julius Gould & William L. Kolb, *A Dictionary of Social Sciences*, Tavistock Publication Ltd., London, 1959, h. 234. Perbincangan mengenai elit boleh dibaca di dalam, Harold D. Lasswell & Daniel Lerner, *World Revolutionary Elites*, The M.I.T. Press, Massachusetts, 1965, pp. 1-28; dan, William Kornhauser, *The Politics of Mass Society*, Routledge & Kegan Paul, London, 1965, h. 51.

British.<sup>11</sup> Ketiadaan golongan elit tradisi ini meletakkan harapan politik orang Melayu di negeri ini semata-mata kepada pemerintah British. Sementara itu sesiapa sahaja di kalangan orang Melayu boleh muncul sebagai pemimpin asalkan ia berkebolehan. Dengan ini bermakna tempat elit tradisi yang kosong itu akan dipenuhi oleh elit moden yang mendapat pendidikan. Ini juga bermakna bahawa golongan yang kaya dan mempunyai kemampuan untuk mendapat pelajaran akan mengisi kekosongan itu. Ini merupakan satu pola dalam perkembangan kesedaran Melayu di Negeri Pulau Pinang sebelum Perang Dunia Kedua. Pada masa ini kita dapati munculnya orang Melayu yang berpelajaran dan mempelopori penubuhan persatuan-persatuan Melayu bagi memajukan orang Melayu di Negeri Pulau Pinang di samping menanam semangat kesedaran yang menuju ke arah kesedaran umat Melayu.

### *Kemunculan Kesedaran Kebangsaan Melayu*

Kesedaran kebangsaan<sup>12</sup> Melayu mempunyai hubungan yang rapat dengan gerakan Islah Islam di Asia Barat yang dipelopori oleh Syed Jamaluddin Al Afghani, Mohamad Abduh dan Rashid Ridha. Melalui majalah Al Manar yang diterbitkan di Kahirah dan Al Urwatuk Wuthqa yang diterbitkan di Paris golongan Al Manar ini telah memajukan beberapa gagasan pembaharuan.<sup>13</sup> Kegiatan Islah

---

<sup>11</sup> Rahmat bin Saripan, "Kemajuan Pelajaran: Suatu Tema Penting Dalam Kegiatan Bercorak Politik Kebangsaan Melayu Di Tahun-Tahun 1930-an", *Jurnal Sejarah*, Jil. XI, 1972/1973, h. 1.

<sup>12</sup> Mengikut Walter Theimer, 'kesedaran kebangsaan' adalah satu sentimen kepuakan (*group sentiment*) berdasarkan ciri-ciri bangsa terutamanya bahasa dan kebudayaan, dengan kecenderungan menekankan perbezaan antara satu bangsa dengan satu bangsa yang lain dan sebagai perlakuan membesar-besarkan sentimen tersebut. 'Kesedaran kebangsaan' itu dikaitkan dengan faktor-faktor politik, sosial dan ekonomi untuk mencapai kemantapan ekonomi dan keadilan sosial. Lihat Ahmad Boestamam, "Gerakan Nasionalisme Di Malaysia", *Dewan Masyarakat*, Nov. 1971, h. 25. Jadi, 'kesedaran kebangsaan' dapat difahami sebagai cita-cita yang mempunyai hubungan dengan bangsa dan kebudayaan, dan mengenai bangsa dan kebudayaan itu dengan bangsa dan kebudayaan lain yang terdapat dalam sesuatu masyarakat. Pada umumnya dapatlah dirumuskan bahawa kesedaran kebangsaan itu sebagai cita-cita yang mengingini serba kebaikan bangsa. Dalam hubungan ini kita dapat melihat masyarakat berbagai kaum dan majmuk itu selain daripada penjajahan itu sendiri sebagai pencepat kemunculan dan perkembangan kesedaran kebangsaan.

<sup>13</sup> Majalah Al Manar mengandungi makalah-makalah Islah dalam bidang agama dan sosial, sementara Al Urwatuk Wuthqa banyak membincangkan isu penjajahan.



Islam ini juga mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu yang menuntut pelajaran di Timur Tengah terutama di Universiti Al-Azhar<sup>14</sup> dan bersama-sama dengan pelajar-pelajar dari Indonesia mereka telah menubuhkan persatuan dan menerbitkan akhbar Seruan Azhar.<sup>15</sup>

Gagasan Islah Islam ini telah dibawa dan dikembangkan ke Tanah Melayu oleh Sheikh Mohd Tahir Jalaluddin, Syed dan Haji Abbas bin Mohd. Taha. Pada dekad awal abad kedua puluh dengan berpusat di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang, golongan Islah ini menerbitkan majalah dan akhbar bagi menyampaikan gagasan Islah Islam kepada orang Melayu. Di Singapura mereka telah menerbitkan majalah Al Imam pada tahun 1906 dan kemudiannya majalah Al Ikhwan (1926), akhbar Idaran Zaman (1925) dan Saudara (1928) di Pulau Pinang. Pada umumnya golongan Islah Islam ini adalah terdiri dari orang terpelajar yang tidak puas hati dengan keadaan masyarakat Islam pada masa itu. Dalam perlumbaan antara tamadun Islam dan tamadun Barat, penganut Islam telah muncul sebagai satu tenaga yang lemah dan tidak mampu membawa kemajuan. Kesannya kebudayaan Islam dianggap sebagai kebudayaan yang tidak dapat mengikut perubahan zaman terutamanya dalam menghadapi kepungan kebudayaan Barat. Golongan Islah Islam ini berpendapat bahawa Islam bukanlah sebagai unsur yang bertanggungjawab melemahkan umat Islam. Tetapi mereka berpendapat kelemahan umat Islam itu adalah disebabkan oleh penganut-penganutnya yang tidak mengikut ajaran-ajaran Islam yang betul sebagaimana yang terkandung di dalam Al-Quran dan Hadis.

Di Tanah Melayu golongan terpelajar ini telah lahir sebagai satu tenaga sosial yang baru dalam masyarakat Melayu. Gagasan dan idea-idea baru yang mereka cuba kembangkan itu mengancam kepentingan golongan ulama tradisi hingga menyebabkan mereka digelar sebagai Kaum Muda. Mulai abad kedua puluh, dengan menggunakan majalah, akhbar, surau dan sekolah agama kedua

---

<sup>14</sup> Seorang pelajar dari Tanah Melayu, Mohamad Tahir telah menulis beberapa buah makalah dalam Al Manar mengenai gagasan Islah ini. Lihat, W.R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974, h. 59-61.

<sup>15</sup> Pada tahun 1922 pelajar-pelajar dari Tanah Melayu dan Indonesia di Universiti Al Azhar telah menubuhkan satu persatuan kebajikan bernama Al Jamiah Al Khariah. Pada tahun 1925, persatuan ini telah menerbitkan sebuah majalah bulanan Seruan Azhar dengan bantuan kewangan dari seorang pelajar Tanah Melayu bernama Haji Othman bin Abdullah. Majalah kedua persatuan ini, Pilihan Timoer terbit pada tahun 1927. Kedua majalah ini diharamkan terbit di Indonesia tetapi dibenarkan di Negeri-negeri Selat. Lihat, *Ibid.*, h. 87-88.

golongan ini saling bidas-membidas antara satu sama lain hingga menimbulkan kekecohan dalam masyarakat Melayu.<sup>16</sup> Kesan daripada polemik ini pemimpin-pemimpin Islam ini mendapati mereka agak sukar untuk bergerak di Negeri-negeri Melayu kerana ulama-ulama tradisi lebih berpengaruh di negeri-negeri tersebut. Jadi Negeri-negeri Selatlah yang menjadi pusat tumpuan kegiatan mereka.

Majalah Al Imam dan Al Ikhwan serta akhbar Idaran Zaman dan Saudara adalah akhbar serta majalah terpenting yang bertujuan untuk memimpin orang Melayu ke arah mencapai kemajuan. Semua akhbar dan majalah tersebut kecuali Al Imam diterbitkan di Pulau Pinang semasa kegiatan Islah Islam sedang pesat dikembangkan. Apabila penerbitan terpaksa diberhentikan, peranannya diambil alih oleh Al Ikhwan.<sup>17</sup> Dalam keluaran Al Ikhwan yang pertama pengarangnya menulis:

... wahai sekalian ikhwan kami yang sedang nyenyak dalam tidurnya ... yang sedang lena bersedap-sedap dalam keelokan mimpinya, memadailah ... memadailah tidurmu itu kerana telah melampau sempadan mengambil kesenangan .... hampir-hampir pula masuk kamu kepada bilangan pengsan atau orang mati yang bernafas. Bangunlah segera .... kemudian lihat alam yang baharu di keliling .... bermula sekalian manusia yang lain daripada bangsa kamu ini telah berubah .... menurut kehendak-kehendak peredaran alam ...<sup>18</sup>

Petikan di atas nyata menyeru orang Melayu bangun supaya membuat perubahan sebagaimana yang sedang dilakukan oleh bangsa-bangsa lain pada masa itu. Dalam satu rencana yang lain, Al

---

<sup>16</sup> Tulisan mengenai Gerakan Islah Islam ini dapat dibaca dalam, H.A.R. Gibbs, *Modern Trend In Islam*, University of Chicago Press, Chicago, 1947; Shariff Wahab, "Muhammad Abduh Pelopor Kaum Muda", dalam, *Kiblat*, Julai 1976; W.R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974; ZAABA, "*Recent Malay Literature*", dalam, *JMBRAS*, 1940.

<sup>17</sup> Al Ikhwan, majalah tulisan jawi, diterbitkan oleh Syed Sheikh bin Ahmad Al Hadi di Pulau Pinang pada 16.9.1926. Majalah ini diterbitkan sekali sebulan. Majalah ini menerbitkan makalah-makalah berunsur agama termasuk ayat-ayat Al-Quran.

<sup>18</sup> Al Ikhwan, Jil. 1 Bil. 1, September 1926. Sila bandingkan kutipan di atas dengan kutipan dari Al Imam keluaran pertamanya seperti di bawah:

..... mengingatkan mana-mana yang lalai dan menjagakan mana-mana yang tidur dan menunjukkan mana-mana yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebajikan pada mereka itu [orang-orang Melayu]

Petikan dari Abdul Aziz bin Mat Ton, "Al Imam Sepintas Lalu", dalam, *Jurnal Sejarah*, Universiti Malaya, Jil. XI, 1972/1973, h. 29.

Ikhwan juga berpendapat bahawa pembesar-pembesar Melayu adalah salah satu penghalang kepada kemajuan orang-orang Melayu. Al Ikhwan berpendapat:

Tinggallah olehmu akan segala leter dan sungut orang yang gemar dan suka mencampuri dan membahaskan perkara-perkara siasah kerajaan .... yang patut bagi kamu pada masa ini mengucapkan terima kasih pada Kerajaan Inggeris .... sebab dengan kerananyalah terlepas kamu daripada perhambaan sekalian pembesar-pembesar kamu serta mendapat kamu kebebasan di bawah undang-undang yang tidak sekali-kali menjadi sekatan antara kamu dengan perjalanan kemajuan...<sup>19</sup>

Seruan untuk kemajuan seperti ini terus dibuat oleh akhbar-akhbar Idaran Zaman<sup>20</sup> dan Saudara.<sup>21</sup> Pengarang pertama bagi kedua akhbar ini ialah Mohd. Yunus bin Abdul Hamid, seorang pemuda yang berasal dari Langkat, Sumatera. Sikap reformis pengarang ini didapati hasil daripada perhubungannya yang rapat dengan Syed Sheikh bin Ahmad Al Hadi. Selain daripada menerima pendidikan Melayu beliau juga pernah mendapat pendidikan Belanda. Walaupun Mohd. Yunus bukan seorang *Islamic scholar* tetapi ia dikatakan mempunyai latar belakang agama yang kukuh yang banyak mempengaruhi perjuangannya dalam alam persuratkhabaran. Di bawah pimpinannya dalam Idaran Zaman dan Saudara dapat dikatakan menjadi akhbar reformis yang membawa gagasan untuk memajukan orang Melayu dalam lapangan ekonomi, sosial dan politik. Sikap Islah kedua akhbar tersebut ternyata melalui beberapa buah rencana yang diterbitkannya. Menyentuh kemajuan orang-orang Melayu, pengarang Idaran Zaman menulis:

Selagi kita suka pemalas,  
Tak dapat tiada kuranglah beras dengan perkakas.  
Selagi kita tidak berusaha,

---

<sup>19</sup> Al Ikhwan, Jil. 1, Bil. 2, Oktober 1926.

<sup>20</sup> Idaran Zaman diterbitkan di Pulau Pinang pada tahun 1925. Pengarangnya yang pertama ialah Mohd. Yunus bin Abdul Hamid, Roff mengatakan bahawa akhbar ini adalah akhbar reformis yang pertama di Pulau Pinang. Lihat, Roff, *Ibid.*, h. 165.

<sup>21</sup> Saudara diterbitkan oleh Syed Sheikh bin Ahmad Al Hadi dengan kerjasama Syed Alwi bin Syed Sheikh, Haji Abu Bakar, Hashim bin Abu Bakar dan Mohd Yunus bin Abdul Hamid.

Selama-lamanya tak boleh berjaya.  
Selagi kita tak berperasaan,  
Tentulah kurang daripada kemajuan.  
Selagi kita tiada bermuafakat,  
Tiap-tiap keuntungan susahlah dapat.  
Selagi kita suka bergaduh,  
Tiap-tiap persetiaan tak dapat kukuh.  
Selagi kita tak mahu berkasih-kasihan,  
Kuranglah rahmat daripada Tuhan.  
Selagi kita suka bermusuhan  
Kemajuan kita seumpama buluh.  
Selagi kita kurang persetiaan,  
Serba tak boleh kejayaan.  
Selagi kita kurang cermat,  
Jauhlah daripada nikmat.  
Selagi kita tak mahu berinsaf,  
Kesusahan kita tak makna apa.  
Selagi kita tiada berpengetahuan,  
Selama-lamalah kita dalam keaiban.  
Selagi kita suka mengumpat,  
Tiap hal tak dapat semuafakat.  
Selagi kita tiada tahan berjemur,  
Susahlah kita mendapat makmur.  
Selagi kita tiada bermalu-maluan,  
Tiap pekerjaan tidaklah bergandaan.  
Selagi kita suka kesombongan,  
Susahlah kesenangan di dalam pencarian.<sup>22</sup>

Dalam petikan di atas *Idaran Zaman* mengemukakan beberapa faktor yang menyebabkan kelemahan dan kemunduran orang Melayu. Kemajuan dan kejayaan menurut akhbar itu hanya dapat dicapai sekiranya orang Melayu mampu meninggalkan semua sifat-sifat yang merugikan itu.

Selain daripada perkara mengenai orang Melayu, akhbar-akhbar di Pulau Pinang juga menyentuh berkenaan dengan kedudukan kaum bukan Melayu di Tanah Melayu. Dalam salah satu rencananya akhbar *Saudara* menulis:

... bahawa anak Sultan Lela Mahkota dan anak Wak

---

<sup>22</sup> *Idaran Zaman*, 2.5.1925, h. 2.

Foyotoma ... sama saja pihak keMelayuannya dengan putera jati Semenanjung, bahasanya, pakaian, makanannya sama-sama mengharamkan babi, resam, agama, dan seumpamanya mengaku bertuankan raja kepada raja-raja di mana saja mereka menumpang tetapi sebaliknya, Mr. Chong Cheong Chan tidak sama malah hatinya bulat ke Tongsan selama-lamanya ... walaupun moyangnya telah diperanakan di Melaka pada zaman Sultan Ahmad sebelum zaman Portugis dan Belanda. Begitu juga Mr. Phanabalam atau Mr. Thambayah Manikam hatinya dan resamnya atau kulitnya tidak akan berubah dari resam moyangnya walaupun diperanakan dia di kemuncak Gunung Bubu sekalipun...<sup>23</sup>

Petikan di atas menunjukkan bahawa akhbar Saudara mempunyai satu pendirian politik berhubung dengan hak-hak kaum bukan Melayu di Tanah Melayu. Sikap terhadap kaum Bukan Melayu ini timbul hasil daripada kesedaran bahawa orang Cina dan India itu menduduki tempat yang tinggi dari segi ekonomi. Dengan kuasa ekonomi itu mereka mahu pula merebut keistimewaan-keistimewaan politik di Tanah Melayu.<sup>24</sup>

Masalah ekonomi orang Melayu Pulau Pinang terutamanya berhubung dengan perkara pemilikan tanah di bandar telah wujud sejak awal abad kedua puluh lagi. Salah satu perkara yang diperjuangkan oleh beberapa buah pertubuhan di Pulau Pinang ialah untuk mendapatkan tanah dari kerajaan bagi dijadikan kawasan

---

<sup>23</sup> Saudara, 19.7.1930, h. 5.

<sup>24</sup> Lim Ching Yan, seorang ahli Majlis Mesyuarat Negeri-Negeri Selat, telah menyuarakan hak-hak orang Cina di Tanah Melayu pada 6.2.1931 di dalam satu perjumpaan Persatuan Cina Hu Yew Seah. Lim Ching Yan mengatakan bahawa Negeri-Negeri Selat bukanlah negeri Melayu. Semasa Francis datang ke Pulau Pinang umpamanya tiada didapati kampung atau orang Melayu. Datuk nenek orang Cina telah datang ke Pulau Pinang dan bekerja keras, tinggal di pulau itu dan tidak menghantar wang ke negeri China sehingga dapat kerajaan menjadikan negeri ini sebuah negeri yang bertamadun. Berhubung dengan itu, Lim Ching Yan meminta supaya orang Cina Peranakan di Tanah Melayu dijadikan rakyat British dan memberi kemudahan sosial seperti pelajaran. Intisari ucapan Lim Ching Yan dipetik dari Al Ikhwan, 16.2.1931, h. 182-189, dan Saudara, 14.2.1931, h.5. Ucapan itu telah mendapat perhatian akhbar-akhbar pada masa itu. *Straits Echo* bersetuju dengan ucapan itu, sementara *Malayan Daily Express* (10.2.1931) mahukan orang Cina Peranakan membuktikan yang mereka berhak mendapat taraf rakyat British itu. Saudara dan Al Ikhwan tidak bersetuju diberikan taraf kerakyatan British kepada orang Cina Peranakan kerana akan mengancam hak-hak orang Melayu terutamanya di Negeri-Negeri Selat. Lihat, *Saudara*, 28.2.1931, h. 1; dan, *Al Ikhwan*, 16.2.1931, h. 182-189.

penempatan Melayu. Di samping itu perkara-perkara kebajikan umat Islam di Pulau Pinang juga diberi perhatian.<sup>25</sup> Saranannya bertujuan untuk memajukan ekonomi orang Melayu keluaran 14 Mac 1931. Rencana akhbar ini menyerahkan berbagai langkah yang harus diambil oleh orang Melayu untuk mencapai kemajuan. Antaranya ialah syor supaya orang Melayu bersatu dan menubuhkan jawatankuasa dari kalangan pembesar-pembesar Melayu dan orang-orang yang tidak bekerja dengan kerajaan; memanggil mesyuarat sekalian orang Melayu di Tanah Melayu untuk menentang tuntutan orang-orang bukan Melayu; mempelajari Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan Ilmu Pertukangan; menyelesaikan hutang dan mengelakkan diri dari terus berhutang; meminta kerajaan menyediakan satu tempat kediaman yang berhampiran dengan bandar; menuntut jawatan-jawatan dalam perkhidmatan kerajaan dibuka lebih banyak untuk orang Melayu serta meminta kerjasama kerajaan Inggeris dan Belanda supaya membawa masuk orang-orang Melayu Indonesia ke Tanah Melayu dan menambahkan usaha dan jangan bergantung kepada nasib semata-mata.<sup>26</sup> Ternyata bahawa dalam usaha untuk menimbulkan kesedaran di kalangan orang Melayu, akhbar Saudara seperti akhbar-akhbar lain yang diterbitkan di Pulau Pinang pada masa itu telah menyentuh perkara-perkara mengenai politik, sosial dan ekonomi. Keadaan ini membawa kita membuat kesimpulan bahawa orang Melayu pada masa itu adalah lemah dalam bidang tersebut.

Satu perkara yang ketara ialah akhbar-akhbar *Idaran Zaman* dan *Saudara* serta majalah *Al Ikhwan* menjadi alat kepada orang Melayu terutamanya bagi golongan Islah Islam mengubah sikap orang Melayu. Kesan yang ditinggalkan ke atas masyarakat Melayu di Negeri Pulau Pinang merupakan kesedaran kebangsaan Melayu yang dijemakan dalam bentuk persatuan pada penghujung tahun 1930-an. Satu lagi tenaga sosial yang muncul di Negeri Pulau Pinang pada awal abad kedua puluh ialah munculnya golongan pertengahan Melayu yang mendiami kawasan di sekitar George Town. Golongan ini terdiri dari saudagar-saudagar dan orang Melayu yang

---

<sup>25</sup> Hasrat untuk memajukan umat Islam di Negeri Pulau Pinang telah dilaksanakan dengan menubuhkan *The Young Muslim Union* pada tahun 1911. Menurut Hamid Khan, Yang Dipertua persatuan itu pada tahun 1925, persatuan itu tertubuh atas tiga dasar; iaitu memelihara dan mengangkat nama anak-anak Islam di Negeri Pulau Pinang; melatih ahli-ahlinya supaya gemar kepada membaca akhbar dan menjaga kesihatan badan; dan menggalakkan sekalian ahli-ahlinya bersahabat antara satu sama lain. *Idaran Zaman*, 19.2.1925, h. 3.

<sup>26</sup> *Saudara*, 14.3.1931, h. 5.

menerima pendidikan Inggeris. Walaupun orang Melayu Pulau Pinang merupakan golongan kecil terutamanya di bandar, namun perkembangan perdagangan sehingga abad kedua puluh telah dapat melahirkan saudagar-saudagar Islam terutamanya dari golongan peranakan India dan Arab. Golongan ini berhak menggunakan kemudahan-kemudahan pelajaran untuk anak-anak mereka yang disediakan oleh pemerintah Negeri-Negeri Selat.

Pelajaran Inggeris secara formal yang disediakan oleh pemerintah Negeri-Negeri Selat hanya bermula pada tahun 1816 apabila Penang Free School ditubuhkan. Seperti Kolej Melayu Kuala Kangsar yang ditubuhkan kemudiannya, Penang Free School merupakan institusi bagi melatih bakal pegawai-pegawai tadbir rendah yang terdiri dari kalangan penduduk tempatan.<sup>27</sup> Sekolah ini umumnya menampung golongan yang mampu seperti anak-anak golongan aristokrat Melayu dari Negeri-Negeri Melayu. Sekolah ini juga menampung anak-anak golongan pertengahan Melayu yang mendiami kawasan di sekitar George Town. Golongan pertengahan Melayu yang menerima pendidikan dari Penang Free School ini kemudian menjadi pegawai-pegawai tadbir rendah pemerintah British di Negeri Pulau Pinang. Pendidikan Inggeris yang diterima serta hubungan rapat mereka dengan pegawai-pegawai Inggeris dan dengan sistem organisasi Inggeris meletakkan mereka itu sebagai golongan yang mempunyai potensi kepimpinan.

Pada awal abad kedua puluh Negeri Pulau Pinang mengalami kemunculan dua kumpulan elit berpendidikan. Satu kumpulan ialah mereka yang berorientasikan gagasan Islah Islam yang mempunyai pengetahuan agama Islam yang mendalam dan dapat dikelompokkan sebagai elit berpendidikan agama. Sementara satu kumpulan lagi muncul dari golongan pertengahan Melayu yang berpendidikan Inggeris dan sekular. Mereka ini dapat dikelompokkan sebagai elit berpendidikan sekular. Dalam konteks kesedaran kebangsaan dan kesedaran politik yang membawa kepada kemunculan gerakan kebangsaan dan gerakan politik, kedua-dua golongan elit ini memainkan peranan dan bertindak sebagai penggerak, pemaju dan pemimpin bagi orang Melayu.

### *Kemunculan Gerakan Politik Melayu*

Sebelum Perang Dunia Kedua lagi telah tertubuh beberapa

---

<sup>27</sup> Rahmat bin Saripan, *op. cit.*, h. 1.

persatuan Melayu di Negeri Pulau Pinang. Di antaranya termasuk *Penang Malay Association*, (PMPP) Persatuan Sahabat Pena, Kesatuan Melayu Pulau Pinang (KMPP) dan Persatuan Melayu Seberang Perai (PMSP). Pada umumnya persatuan-persatuan ini mahu memperjuangkan kepentingan orang Melayu di Negeri Pulau Pinang.<sup>28</sup> *Penang Malay Association* atau Persatuan Melayu Pulau Pinang (PMPP) telah ditubuhkan di Pulau Pinang pada tahun 1927 oleh segolongan orang Melayu yang berpendidikan Inggeris. Di antara tujuan penubuhannya ialah untuk menyediakan segala perkara yang melatih adab, meninggikan kesihatan dan mengukuhkan kesetiaan di antara ahli-ahlinya; menggalakkan di antara anak-anak Melayu supaya menuntut pelajaran dan ilmu yang tinggi termasuk ilmu pertukangan; mencari jalan dan segala ikhtiar yang sah di sisi undang-undang untuk kebajikan orang Melayu amnya terutama untuk orang Melayu Pulau Pinang; membantu kerajaan dalam usaha meninggikan kedudukan orang Melayu; menyeru serta menjalankan apa-apa idea orang Melayu.<sup>29</sup>

Bagi mengendalikan PMPP dan melaksanakan rancangan serta tujuan persatuan itu sebuah Jawatankuasa telah dilantik terdiri dari Dr. A.O. Merican sebagai Yang Dipertua dan Dr. Mohammad Ariff sebagai Setiausaha.<sup>30</sup> Penaungnya ialah Hugh Clifford (Gabenor Negeri-Negeri Selat), Sultan Alang Iskandar (Sultan Perak) dan Tengku Ibrahim (Raja Muda Kedah).<sup>31</sup>

Ditinjau dari senarai tujuan yang dirakamkan di dalam perlembagaannya dan senarai ahli Jawatankuasa dapat dikatakan bahawa PMPP adalah sebuah persatuan Melayu yang progresif dan mendapat penghormatan dari kerajaan Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu. PMPP merupakan persatuan yang pertama memperjuangkan kepentingan sosial, ekonomi dan perpaduan

---

<sup>28</sup> Selain daripada pertubuhan di atas, terdapat juga pertubuhan sosial dan kebajikan yang memberikan kemudahan kepada ahli-ahlinya. Umpamanya pertubuhan *Young Muslim Union* (tertubuh pada tahun 1911) dan Persekutuan Al Ikhwan Al Masakin (tertubuh pada tahun 1926).

<sup>29</sup> Buku Perlembagaan *The Penang Malay Association*, Pulau Pinang, 1927. h. 1.

<sup>30</sup> Lain-lain pegawai PMPP ialah Naib-Naib Yang Dipertua: Mohammad Rouse, M.Z. Merican dan S. Mohammad Hashim; Bendahari: M.N. Merican; dan Ahli Jawatankuasa: A. Abdullah, M.S.A. Ariffin, U.M. Bakar, C.M. Che Din, Haji Murshid, Md. Hussin, T. Nyak Puteh, dan S. Mohammad Tamby. Sementara Juruodit ialah C. Mohammad Ismail dan Baba Ahmad. *Ibid.*, h. 1.

<sup>31</sup> *Ibid.*, h. 1.



orang Melayu Negeri Pulau Pinang. Walaupun sebelum tertubuhnya PMPP telah wujud persatuan-persatuan lain seperti *The Young Muslim Union* dan Persekutuan Al Ikhwan Al Masakin<sup>32</sup> tetapi kegiatan kedua pertubuhan tersebut meliputi seluruh orang Islam dan bukan terhad kepada orang Melayu sahaja. Walaupun PMPP menerima keahlian dari orang Islam yang bukan dilahirkan di Semenanjung Tanah Melayu tetapi peranan mereka dalam PMPP terhad sebagaimana yang tercatat dalam perlembagaannya yang menyatakan bahawa PMPP menerima semua orang Melayu rakyat British menjadi ahli dan akan dinamakan ahli-ahli biasa. Orang Islam yang bukan peranakan Semenanjung Tanah Melayu dibenarkan masuk menjadi ahli bersekutu .... dibenarkan segala faedah dan kebajikan bagi seseorang menjadi ahli persatuan ini melainkan tidaklah boleh menjadi pegawai atau pengundi.<sup>33</sup>

Selain daripada berusaha memajukan kehidupan orang Melayu Negeri Pulau Pinang, PMPP juga cuba mewujudkan perpaduan di kalangan ahli-ahlinya dan menjadi suara orang Melayu yang tinggal di negeri Pulau Pinang. Menurut kapten Mohamad Noor bin Mohammad yang pernah menjadi setiausaha PMPP selama dua belas tahun, PMPP mempunyai dua objektif utama iaitu meminta hak yang lebih bagi orang Melayu di Negeri Pulau Pinang. Objektif ini diutamakan memandangkan kepada sikap Pemerintah Inggeris pada masa itu yang lebih memberi perhatian kepada aspek-aspek ekonomi. Justeru itu orang Melayu yang tidak begitu penting kepada ekonomi British kalau dibandingkan dengan kaum Cina dan India, tidak begitu dihiraukan oleh kerajaan Negeri-Negeri Selat. Jadi suasana diskriminasi oleh pemerintah British ke atas orang Melayu telah wujud pada masa itu.<sup>34</sup> Objektif kedua ialah menjadi mulut atau alat penghubung di antara orang Melayu dengan pemerintah British dan sebaliknya. Dalam keadaan ini dapatlah dikatakan bahawa PMPP bertindak bagi menjaga

---

<sup>32</sup> Persekutuan ini telah ditubuhkan dengan rasmi di halaman Masjid Jelutong Pulau Pinang pada 13.2.1926. Persekutuan ini membuka 'pintunya kepada sekalian orang Islam dalam negeri ini [Pulau Pinang]! Tujuan utamanya ialah 'memberi khairat kematian kepada ahli-ahlinya dan tanggungan mereka'. Lihat, Buku Cenderamata Jubli Mas 50, Persekutuan Al-Ikhwan Al-Masakin, 1976, h. 7.

<sup>33</sup> Lihat Buku Perlembagaan, *The Penang Malay Association*, Pulau Pinang, 1927, h. 2.

<sup>34</sup> Keterangan dari Kapten Mohamad Noor bin Mohammad. Temutanya diadakan di rumah beliau pada 7.5.1976. Keterangan disahkan oleh Mohamed Nor bin Ahmad. Temutanya diadakan di rumah beliau pada 2.6.1976. Berkenaan dengan Kapten Mohamad Noor bin Mohammad dan Mohamed Nor bin Ahmad, lihat Lampiran A.

kepentingan Melayu Negeri Pulau Pinang sebagaimana Pertubuhan *The Straits Chinese British Association* (SCBA)<sup>35</sup> bertindak bagi menjaga kepentingan orang Cina di Negeri-Negeri Selat. Sejauh manakah PMPP benar-benar mewakili kepentingan orang Melayu Negeri Pulau Pinang sebagaimana yang tercatat dalam perlembagaannya? Sejauh manakah PMPP memperjuangkan kepentingan keseluruhan orang Melayu dan sejauh manakah PMPP merupakan satu pertubuhan politik Melayu di Negeri Pulau Pinang?

Sebenarnya walaupun tercatat dalam perlembagaan bahawa PMPP ialah persatuan yang menjadi suara dan mewakili kepentingan orang Melayu Negeri Pulau Pinang tetapi dalam beberapa tahun perjalanannya ternyata hasrat itu tidak tercapai. PMPP lebih merupakan persatuan yang dianggotai oleh orang Melayu Peranakan yang tinggal di Pulau Pinang khususnya mereka yang tinggal di sekitar George Town.<sup>36</sup> Oleh kerana itu Jawatankuasa yang dipilih adalah terdiri dari orang Melayu Peranakan yang tinggal di sekitar bandar sahaja. Dikatakan sehingga tahun 1932 mesyuarat Agung PMPP hanya dihadiri oleh sebahagian kecil sahaja daripada ahli-ahli.<sup>37</sup> Tambahan pula pegawai-pegawai tinggi dalam PMPP adalah terdiri dari orang Melayu Peranakan yang menjadi para pentadbir kerajaan dan ada yang pernah dianugerahkan bintang kehormatan oleh Kerajaan British.<sup>38</sup> Menurut Mohamed Nor bin Ahmad ahli-ahli Jawatankuasa PMPP hanya berminat mengadakan perayaan menyambut Hari Keputeraan Raja England dan Hari Bunga Poppy. Walaupun pada namanya PMPP kelihatan mewakili orang Melayu Negeri Pulau Pinang tetapi hakikat sebenarnya tidak begitu kerana PMPP tidak disokong oleh sebahagian besar orang

---

<sup>35</sup> Yeap Joo kin, *The Patriarch*, Times Printers, Singapore, 1975, h. 28.

<sup>36</sup> Keterangan dari Ibrahim bin Mahmood. Temutanya di rumah beliau pada 17.4.1976 dan disahkan oleh Mohamed Nor bin Ahmad. Mengenai Ibrahim bin Mahmood, Lihat Lampiran A.

<sup>37</sup> Keterangan Mohamed Nor bin Ahmad. Temutanya pada 2.6.1976. Pada tahun 1946, "Anuar Rushdi" menulis agar PMPP meluaskan kegiatannya ke serata Negeri Pulau Pinang bukan sekadar di bandar George Town sahaja. *Warta Negara*, 16.2.1946, h. 2.

<sup>38</sup> Keterangan Mohamed Nor bin Ahmad. Temutanya pada 2.6.1976. 'Melayu Peranakan' selalu digunakan untuk merujuk kepada orang Melayu keturunan dari perkahwinan antara lelaki India atau Arab dengan perempuan Melayu. Di Pulau Pinang, 'Jawi Peranakan' atau 'Jawi Pekan' juga digunakan bagi merujuk kepada orang Melayu keturunan dari perkahwinan antara lelaki dari India Selatan dengan perempuan Melayu. Tetapi, penggunaan panggilan itu kian merosot dan diganti dengan panggilan 'Anak Mami' atau 'Anak Mamak'.

Melayu Negeri Pulau Pinang yang kebanyakannya tinggal di Seberang Perai dan di kawasan luar bandar George Town. Sikap PMPP yang tidak menghiraukan orang Melayu ini telah dikecam dalam akhbar Bumiputera oleh Jin Islam<sup>39</sup> dalam tahun 1933. Bagaimanapun di samping kelemahan itu PMPP telah berjaya mendapatkan sekeping tanah untuk menjadi kawasan penempatan orang Melayu berhampiran dengan bandar.<sup>40</sup> Perubahan pada PMPP berlaku pada tahun 1933 apabila satu cadangan dibuat supaya semua pertubuhan dan persatuan Melayu yang ada di Negeri Pulau Pinang digabungkan dengan PMPP. Cadangan ini telah diterima oleh Jawatankuasa dan mulai dari tahun tersebut. PMPP bolehlah dikatakan mewakili kepentingan orang Melayu Negeri Pulau Pinang.<sup>41</sup>

Namun demikian PMPP masih disebut sebagai Persatuan DKK atau Persatuan Darah Keturunan Keling kerana sifat keanggotaan dan kepimpinannya kebanyakannya dimonopoli oleh orang Melayu Peranakan.<sup>42</sup> Panggilan ini kian menjolok apabila timbul satu polemik berhubung dengan takrif Melayu. Konotasi DKK dan DKA dan usaha-usaha untuk menentukan takrif Melayu menjadi persoalan pokok sejak dari tahun-tahun 1930-an sehingga meletus Perang Dunia Kedua. Polemik mengenai takrif Melayu dan konotasi DKK-DKA ini timbul dan mempunyai hubungan rapat dengan keadaan ekonomi akibat zaman meleset, sikap bangsa bukan Melayu terhadap Tanah Melayu, kegiatan bukan Melayu dari segi ekonomi dan politik dan dasar Pemerintah British yang menggalakkan kemasukan orang India dan Cina ke Tanah Melayu.<sup>43</sup> Faktor ini sedikit sebanyak telah menyedarkan orang

---

<sup>39</sup> Akhbar Bumiputera diterbitkan di Pulau Pinang pada tahun 1933. Nama sebenar "Jin Islam" ialah Mohamed Nor bin Ahmad. Beliau mengecam PMPP kerana tidak memberi perhatian lebih pada orang Melayu.

<sup>40</sup> PMPP berjaya mendapatkan sekeping tanah dari kerajaan bernilai \$401,000.00 di sebuah kawasan sekarang ini bernama Kampung Baharu untuk dijadikan kawasan penempatan Melayu. Lihat, Saudara, 6.9.1929.

<sup>41</sup> Keterangan Mohamed Nor bin Ahmad. Temutanya pada 2.6.1976.

<sup>42</sup> Keterangan Ibrahim bin Mahmood. Temutanya pada 17.4.1976.

<sup>43</sup> Berhubung dengan kegiatan politik orang Cina, pada tahun 1931 orang Cina Peranakan Negeri-Negeri Selat yang diwakili oleh *The Straits Chinese British Association* (SCBA) telah menghantar satu permohonan (*petition*) kepada kerajaan meminta kerajaan supaya tiap-tiap persatuan hanya mempunyai seorang wakil dalam Majlis Mesyuarat Negeri-Negeri Selat. Kerajaan juga diminta menubuhkan satu jawatankuasa bagi menimbangankan perubahan yang patut dilakukan berkenaan dengan keanggotaan Majlis Mesyuarat Undang-Undang dan Majlis Kerja dalam Negeri-Negeri Selat. Lihat, Saudara, 14.3.1931, h. 5.

Melayu tentang kedudukan masa depan politik, ekonomi dan sosial mereka. Kesedaran ini telah menimbulkan semangat keMelayuan di kalangan mereka. Justeru itu timbul keinginan untuk menyatukan tenaga orang Melayu dalam usaha memperjuangkan politik, mempertingkatkan ekonomi dan sosial melalui kegiatan berpersatuan. Polemik takrif Melayu dapat dikatakan sebagai usaha untuk menentukan identiti Melayu dan langkah awal dalam perkembangan kesedaran kebangsaan Melayu. Polemik ini ketara sekali di Selangor dan Singapura. Tetapi kesan pada masyarakat Melayu juga terasa di Negeri Pulau Pinang sebagaimana yang dialami oleh PMPP pada tahun 1930-an itu.

Untuk memuaskan kehendak kesedaran kebangsaan itu berbagai takrif Melayu telah dikemukakan. Takrif itu adalah berbeza dari satu negeri dengan satu negeri yang lain berdasarkan kepentingan masing-masing. Satu takrif yang umum yang dipakai di Negeri Pulau Pinang dan di beberapa buah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ialah sebarang bangsa dalam gugusan pulau-pulau Melayu yang beragama Islam tidak terkecuali Arab, Cina dan India yang beraja dan bernegeri di sini dengan syarat mereka meninggalkan kebudayaan asal mereka dan mengamalkan kebudayaan Melayu serta memutuskan hubungan mental dan fizikal dengan negeri asalnya.<sup>44</sup> Takrif ini dipersempitkan lagi kemudiannya dengan merujuk orang Melayu sebagai mereka yang "berbangsa pada sebarang bangsa di dalam gugusan pulau-pulau Melayu yang beragama Islam; dilahirkan di Semenanjung Tanah Melayu daripada ibu bapa Melayu; dan anak orang Islam yang dilahirkan di Semenanjung yang mengaku berbangsa Melayu dan mengamalkan resam Melayu."<sup>45</sup> Takrif yang lebih sempit lagi telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri Selangor untuk kegunaan negeri Selangor. Takrif ini berkehendakkan orang bukan Melayu harus ditapis kepada dua keturunan dahulu sebelum ia diterima sebagai Melayu. Sementara di Singapura pula takrifnya agak longgar iaitu seseorang akan diterima sebagai Melayu berdasarkan keturunan bapanya.<sup>46</sup>

Polemik mengenai takrif Melayu dan konotasi DKK-DKA ini ternyata melemahkan kedudukan PMPP dalam arena gerakan kebangsaan Melayu di Tanah Melayu. Ketegangan juga telah

---

<sup>44</sup> Majlis, 20.5.1938, h. 3.

<sup>45</sup> *Ibid.*, h. 3.

<sup>46</sup> *Ibid.*, h. 3.

wujud di antara PMPP dengan persatuan-persatuan Melayu yang lain terutamanya Persatuan Melayu Singapura dan Persatuan Melayu Selangor. Walaupun persatuan-persatuan itu menggunakan nama Melayu tetapi maknanya tentang siapakah yang dikatakan Melayu itu adalah berbeza antara satu sama lain. PMPP mengaku bahawa anak-anak Negeri-Negeri Selat yang beragama Islam walau apa jua keturunan ibu bapanya ialah Melayu,<sup>47</sup> sementara Persatuan Melayu Singapura dan Persatuan Melayu Selangor tidak menerima takrif itu. Yang diterima oleh kedua persatuan itu ialah Melayu itu sebagai keturunan yang asal yang mendiami segala pulau-pulau gugusan pulau-pulau Melayu dan di Tanah Melayu sahaja. Untuk menyelesaikan perselisihan ini satu kongres Melayu telah dicadangkan bagi membahaskan masalah takrif Melayu. Tetapi dalam kongres yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1939, PMPP tidak dijemput dan keputusan yang diambil dalam kongres tersebut berhubung dengan takrif Melayu itu nyata merugikan PMPP.<sup>48</sup>

Sementara itu peranan PMPP sebagai pertubuhan yang mewakili orang Melayu Negeri Pulau Pinang sebagai yang didakwa semakin merosot. Sejak tahun 1930 lagi sebuah pertubuhan Melayu di Seberang Perai iaitu Persatuan Melayu Seberang Perai telah ditubuhkan.<sup>49</sup> Tambahan pula PMPP tidak berjaya mengatasi masalah ekonomi orang Melayu dan PMPP sendiri tidak banyak mengambil langkah yang berkesan untuk mengatasi masalah itu.<sup>50</sup> Di Pulau Pinang sendiri orang Melayu yang merasa diri mereka tidak diwakili oleh PMPP mula tertarik kepada Kesatuan Melayu Pulau Pinang dan Kesatuan Melayu Muda.<sup>51</sup>

Persatuan Melayu Seberang Perai (PMSP) telah ditubuhkan oleh segolongan orang Melayu Seberang Perai yang berpendidikan agama. Pada umumnya PMSP bertujuan untuk bekerja menjaga keamanan atau kebajikan orang Melayu Seberang Perai dengan cara meninggikan pelajaran, menambahkan pelajaran agama, membuang adat resam yang membawa 'kecederaan' dan meninggikan martabat anak-anak Melayu.<sup>52</sup> Keahlian persatuan ini terbuka kepada orang Melayu yang beragama Islam yang

---

<sup>47</sup> *Saudara*, 18.4.1931, h.1.

<sup>48</sup> Keterangan Mohamed Nor bin Ahmad. Temutanya pada 2.6.1976.

<sup>49</sup> *Saudara*, 19.9.1931, h.8.

<sup>50</sup> *Ibid.*, 23.10.1937, h.4.

<sup>51</sup> Lihat, Abdul Malik bin Haji Md. Hanafiah, *op. cit.*.

<sup>52</sup> *Saudara*, 19.9.1931, h.8.

dilahirkan di Tanah Melayu. Ini bermakna keahlian dalam PMSP tidak terhad kepada penduduk di Seberang Perai sahaja kalau dibandingkan dengan PMPP yang menghadkan keahliannya kepada orang Melayu rakyat British sahaja. Satu lagi perbezaan yang ketara ialah pengaruh Islam dalam organisasi PMSP. Persatuan ini mempunyai lima buah majlis iaitu Majlis Presiden, Majlis Penasihat, Majlis Penyelidikan, Majlis Petua dan Majlis Jawatankuasa. Kebanyakan mereka yang menganggotai majlis-majlis tersebut adalah terdiri daripada alim ulama dan orang yang berpengaruh dalam masyarakat di Seberang Perai seperti kadi, penghulu, imam dan guru-guru sekolah agama. PMPP dan PMSP mempunyai perbezaan yang ketara walaupun keduanya adalah persatuan yang mewakili perjuangan orang Melayu. Pada umumnya PMPP lebih berbentuk pertubuhan sekular sementara PMSP lebih berbentuk keagamaan. Dari segi keanggotaan dan kepimpinan PMPP lebih dipengaruhi oleh golongan yang berpendidikan Inggeris yang sama ada menjadi pentadbir atau menjadi saudagar, sementara keanggotaan dan kepimpinan PMSP lebih dipengaruhi oleh golongan yang berpendidikan agama.

Jika ditinjau dari segi tujuan PMSP lebih menekankan aspek sosial iaitu meninggikan kedudukan sosial dan kebajikan orang Melayu. Berbeza dari PMSP, selain daripada mempunyai tujuan sosial, PMPP juga mempunyai tujuan politik. Sebagaimana yang telah dinyatakan PMPP mahu menjadi mulut atau alat penghubung antara orang Melayu dengan kerajaan. Bagaimanapun berhubung dengan ini ada pendapat yang mengatakan bahawa PMPP bukan sebuah pertubuhan politik tetapi sebuah pertubuhan kebajikan dan sosial sahaja.<sup>53</sup> Kalau dilihat dari segi kegiatannya sehingga Perang Dunia Kedua anggapan ini ada benarnya. Sehingga Perang Dunia Kedua, PMPP bergiat dalam bidang sosial dan kebajikan seperti mendapatkan tanah bagi orang Melayu dan meninggikan pelajaran orang Melayu di George Town. Keadaan ini berlaku kerana sebahagian besar daripada pemimpin-pemimpin PMPP mempunyai hubungan yang rapat dengan pegawai-pegawai Inggeris di Negeri Pulau Pinang terutamanya apabila PMPP diberi kuasa untuk memilih calon orang Melayu bagi dianugerahkan Jaksa

---

<sup>53</sup> Keterangan dari Ibrahim bin Mahmood. Temutanya pada 17.4.1976. Pendapat beliau disokong oleh Omar bin Mohamad. Temutanya di rumah beliau pada 9.4.1976. Mengenai Omar bin Mohamad, lihat Lampiran A.

Pendamai atau Justice of the Peace (JP).<sup>54</sup> Ini melemahkan PMPP dan menghalang PMPP daripada muncul sebagai sebuah pertubuhan politik dan gagal meletakkan kepentingan politik orang Melayu mengatasi lain-lain kepentingan.

Bagaimanapun ada juga pihak yang mengatakan bahawa PMPP itu sebagai sebuah pertubuhan politik.<sup>55</sup> Pendapat ini didasarkan kepada salah satu tujuan PMPP itu ditubuhkan iaitu menjadi ganti bagi orang Melayu yang mendiami di Pulau Pinang, Seberang Perai dan Dinding serta menyeru dan menjalankan apa-apa fikiran orang Melayu.<sup>56</sup> Dengan tertubuhnya PMPP orang Melayu akan bertindak dalam satu kesatuan dan pertubuhan yang berusaha mewujudkan kesatuan itu dapat dikatakan sebagai pertubuhan politik kalau gerakan politik mahu dimengertikan sebagai gerakan yang menyatukan rakyat dalam satu tindakan.<sup>57</sup> Tambahan pula di dalam perlembagaannya tidak tercatat sama ada PMPP itu pertubuhan politik atau tidak. Cuma pada tahun 1949 baharulah PMPP diarahkan oleh Pemerintah British supaya memasukkan satu ayat di dalam perlembagaan yang melarang PMPP berpolitik.<sup>58</sup> Sejak itu adalah sah bahawa PMPP bukan sebuah pertubuhan politik walaupun ada ahli-ahlinya yang mengambil bahagian dalam kegiatan politik.

Daya usaha untuk meluaskan kesedaran supaya meliputi seluruh anggota masyarakat Melayu telah dijalankan oleh akhbar Saudara dengan menubuhkan satu pertubuhan Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM). PASPAM sebenarnya berasal dari idea yang dikemukakan oleh Daud bin Kassim dari Singapura.<sup>59</sup> Sejak tahun 1932 lagi Saudara mengadakan ruangan khas "Halaman Kanak-kanak" bagi mengisi makalah yang bercorak pendidikan dan pelajaran dan makalah-makalah yang bercorak pendidikan dan

---

<sup>54</sup> Keterangan Mohamed Nor bin Ahmad. Temutanya pada 2.6.1976. Pandangan ini juga dikemukakan oleh Mohamad Noor bin Mohamad. Temutanya pada 7.5.1976. Keterangan ini juga diberi oleh Omar bin Mohamad. Temutanya di rumah beliau pada 9.4.1976.

<sup>55</sup> Di antara mereka yang berpendapat demikian ialah Mohamad Noor bin Mohamad, Mohamed Nor bin Ahmad dan Mohd. Zain bin Ahmad.

<sup>56</sup> Lihat Buku Perlembagaan, *The Penang Malay Association*, Pulau Pinang 1927, h.1

<sup>57</sup> Pengertian diberikan oleh Mohd. Zain bin Ahmad. Temutanya secara bersurat bertarikh 10.6.1976. Mengenai Mohd Zain bin Ahmad, lihat Lampiran A.

<sup>58</sup> Federation of Malay, Registrar of Societies, (Surat Arahan) No. 2 in R. of S (FM) 1054/49 bertarikh 13.6.1950. Lihat juga *Straits Echo*, 1.10.1949, h.6

<sup>59</sup> Lihat, surat Ariffin bin Ishak dalam, *Saudara*, 17.1.1934, h. 11; dan, surat

pelajaran dan makalah-makalah dari pembaca-pembaca muda. Idea Daud bin Kassim ini disokong dan dimajukan oleh Ariffin bin Ishak.<sup>60</sup> Pada 7 April 1934 Sahabat Pena sebagaimana yang diterangkan oleh Mohamad Yunus bin Abdul Hamid ialah hendak mendirikan suatu perhubungan berkenal-kenalan dan persahabatan yang sempurna di antara ahli-ahlinya bagi menjiwakan satu ikatan persahabatan yang kukuh di antara satu sama lain, menggalakkan karang-mengarang dan kegemaran membaca di dalam bahasa Melayu di antara ahli-ahlinya; berdiri, meluas dan mengetatkan sejarah, adat resam dan bahasa Melayu dan mendirikan satu kutub khanah Melayu bagi penggunaan ahli-ahlinya.<sup>61</sup>

Di antara peraturan Sahabat Pena ialah tiap-tiap ahli hendaklah memakai lencana Sahabat Pena pada baju bahagian dada sebelah kiri dan memberi salam apabila berjumpa di antara satu dengan lain. Mereka juga hendaklah membaca Halaman Kanak-kanak menulis dalam ruangan ini dan menyertai pertandingan yang dianjurkan oleh halaman tersebut. Setiap ahli dikenakan bayaran permulaan sebanyak lima puluh sen dan kemudiannya dua puluh sen bagi tiap-tiap satu tahun.<sup>62</sup> Persatuan Sahabat Pena ini berkembang terus walaupun dicemuh sebagai persatuan yang menggalakkan ahli-ahlinya menulis surat cinta. Ini menyebabkan Saudara menerbitkan amaran dalam keluaran 23 Mei 1934 supaya ahli-ahli lelaki menulis kepada ahli-ahli lelaki sahaja. Begitu juga dengan ahli-ahli perempuan. Langkah ini bertujuan untuk mengelakkan kecaman masyarakat.<sup>63</sup> Sahabat Pena juga dikatakan sebagai persekutuan kemudaan dan kongsi gelap.<sup>64</sup> Bagaimanapun di samping rintangan itu Sahabat Pena mendapat sambutan di luar dari Negeri Pulau Pinang. Wakil-wakilnya telah dilantik di Perak, Kedah, Kelantan dan Singapura. Keahliannya juga termasuk dari Borneo dan Siam. Apabila nama-nama ahli disiarkan dalam Saudara keluaran 7 November 1934 iaitu selepas tujuh bulan Sahabat Pena dirasmikan—keahliannya menjadi lebih dari dua ratus orang iaitu dari Pulau Pinang (29), Seberang Perai (1), Singapura (4), Perak (88), Selangor (30), Perlis (7), Negeri Sembilan (8),

---

Daud bin Kassim dalam akhbar berjudul sama bertarikh 17.2.1934, h.8

<sup>60</sup> Saudara, 17.1.1934, h.11

<sup>61</sup> *Ibid.*, 6.2.1935, h.8

<sup>62</sup> *Ibid.*, 7.5.1934, h.6

<sup>63</sup> Roff, *op. cit.*, h.213

<sup>64</sup> Tuduhan ini dinafikan oleh seorang penulis Abdul Rahman bin Alwi dalam Saudara, 15.9.1934, h.8



Pahang (14), Johor (28), Kelantan (25), Trengganu (5), Kedah (6), Labuan (4), Sarawak (3) dan Siam (1).<sup>65</sup>

Bilangan ahli dari Pulau Pinang semakin bertambah apabila Syed Alwi bin Syed Sheikh Al Hadi mengambil ahli jawatan Ketua Pengarang Saudara pada bulan September 1934.<sup>66</sup> Jawatankuasa Sahabat Pena yang terdiri dari Zainal Abidin bin Sutan Maidin<sup>67</sup> (Yang Dipertua), Syed Alwi bin Syed Sheikh Al Hadi (Setiausaha), Md. Ali bin Kalam (Penolong Setiausaha) dan beberapa orang Melayu Peranakan yang lain mula membuat perubahan pada Sahabat Pena. Peraturan menjadi ahli juga telah dipinda. Halaman Kanak-kanak diganti dengan Halaman Sahabat Pena. Sebanyak dua muka lagi diperuntukkan bagi ruangan ini untuk membolehkan lebih ramai ahli menulis di dalamnya.

Pada 11 November 1934 Sahabat Pena berjaya mengadakan persidangannya yang pertama di Taiping dengan dihadiri oleh wakil-wakil dari seluruh Tanah Melayu. W.R. Roff mengatakan bahawa persidangan ini merupakan perhimpunan orang Melayu seluruh Tanah Melayu yang pertama yang pernah diadakan.<sup>68</sup> Antara ahli-ahli dari Pulau Pinang yang hadir di persidangan itu ialah Zainal Abidin bin Sutan Maidin (kemudiannya dilantik

---

<sup>65</sup> Saudara, 17.11.1934, h.8

<sup>66</sup> Syed Alwi bin Syed Sheikh Al Hadi (Ahli Sahabat Pena bilangan (205), salah seorang wartawan dan reformis pada tahun 1930-an, dilahirkan di Melaka pada tahun 1893. Beliau mendapat pelajaran Melayu di Riau dan di Sekolah Melayu Kampung Gelam Singapura dan kemudiannya mendapat pelajaran Inggeris di *The Victoria Bridge School* sehingga Darjah VII. Pada tahun 1914 Syed Alwi bin Syed Sheikh Al Hadi dihantar menuntut di sekolah Arab dan kemudiannya di *Syrian Protestant College* di Beirut. Beliau bertugas dalam tentera British selepas bertugas dalam tentera Turki selama setahun. Pulang ke Tanah Melayu, beliau mengajar di Sekolah Anglo Chinese Pulau Pinang dan kemudiannya di Sekolah Al Masyhur. Pada tahun 1930 beliau menjadi pengarang akhbar Saudara dan pada tahun 1933 pengarang kepada akhbar *Warta Malaya*. 1934-1935 sekali lagi beliau menjadi pengarang Saudara sebelum berpindah ke akhbar *Lembaga Melayu* pada tahun 1936 sehingga kedatangan Jepun.

<sup>67</sup> Zainal Abidin bin Sutan Maidin atau lebih dikenali sebagai S.M. Zainal Abidin B.A. (Ahli Sahabat Pena bilangan 206) dilahirkan di Pulau Pinang pada tahun 1898, anak kepada seorang saudagar dari Madras yang berhijrah ke Tanah Melayu pada tahun 1878 dan berkahwin dengan perempuan Melayu. Beliau mendapat pelajaran di Penang Free School dan kemudiannya menjadi guru di sekolah tersebut pada tahun 1918. Pada tahun 1930 beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda (Ilmu Alam) dari Universiti London. Pada tahun 1938, beliau menjadi Guru Besar Sekolah Francis Light, Pulau Pinang. Beliau berminat dalam lapangan kebudayaan dan kesusasteraan Melayu, kerap menulis dalam akhbar-akhbar dan terkenal kerana pandangannya yang reformis.

<sup>68</sup> Lihat, Roff, *op. cit.*, h.215-216.

menjadi Yang Dipertua Agung Pertama PASPAM), Syed Alwi bin Syed Sheikh Al Hadi [ketua pengarang Saudara], Mohd Yunus bin Abdul Hamid (pengarang), Mohamad Ali bin Kalam, Nyak Mohamad Amin, Hussin Baba, Mohamad Soro Manas dan Mohamad Hashim.<sup>69</sup>

Selain daripada mempertemukan ahli-ahli dari seluruh Tanah Melayu dan membincangkan perjalanan serta matlamat Sahabat Pena persidangan di Taiping ini juga berjaya menggerakkan lebih ramai lagi orang Melayu menjadi ahli Sahabat Pena. Ini menimbulkan kebimbangan dan syak wasangka pemerintah British. Jelaslah bahawa PASPAM merupakan satu gerakan orang Melayu yang berpusat di Pulau Pinang. Jentera pentadbiran PASPAM pada peringkat pusatnya dikendalikan oleh orang Melayu Pulau Pinang seperti Zainal Abidin bin Sutan Maidin (Yang Dipertua Agung), S.M. Che Teh (Naib Yang Dipertua Agung), Syed Alwi bin Syed Sheikh Al Hadi (Setiausaha Agung), Nyak Mohamad Amin (Ahli Jawatankuasa) dan Mohamad Yunus bin Abdul Hamid pengarang yang banyak menyumbangkan makalah-makalah kepada akhbar Saudara.<sup>70</sup>

Selain daripada persidangan pertama di Taiping PASPAM juga berjaya mengadakan persidangan agung seterusnya di Kuala Lumpur (1935), Pulau Pinang (1936), Singapura (1937), Ipoh (1938) dan Seremban (1939). Bagaimanapun pada akhir tahun 1937 satu perselisihan telah berlaku di antara ibu pejabat yang dikuasai oleh Melayu Peranakan dengan cawangan-cawangannya yang dikuasai oleh orang Melayu Jati. Walaupun dikatakan perselisihan itu timbul dari pembahagian autonomi kepada cawangan tetapi ada ciri-ciri yang menunjukkan bahawa perselisihan itu berasaskan kepada konflik kepimpinan. Cawangan-cawangan tidak bersetuju kepimpinan pusat PASPAM yang dipegang oleh orang Pulau Pinang yang dikatakan bukan Melayu Jati.<sup>71</sup> Kemuncak kepada konflik ini ialah perletakan jawatan Setiausaha Agung oleh Syed Alwi bin Syed Sheikh Al Hadi. Zainal Abidin bin Ahmad (ZABA) dilantik menggantikan Sheikh Abdullah sebagai Penasihat Agung. Satu rombakan kepada perlembagaan juga telah dibuat dengan memberi kuasa yang lebih luas kepada cawangan-cawangan. Dengan itu peranan orang Melayu Pulau Pinang khususnya

---

<sup>69</sup> Saudara, 7.11.1934, h.8

<sup>70</sup> *Ibid.*, 4.2.1935, h.11

<sup>71</sup> Lihat, Roff, *op. cit.*, h.220; Lihat juga Majlis, 4.2.1938, h.6

golongan peranakan dalam gerakan Melayu di Tanah Melayu mulai pudar. Sebaliknya tampuk kekuasaan gerakan tersebut mulai berpindah kepada pemimpin Melayu di Selangor dan Singapura.

Sementara itu sekumpulan orang Melayu Pulau Pinang yang berpendidikan Melayu dan Arab mula tertarik dengan kegiatan orang Melayu Singapura. Pada awal tahun 1937 Kesatuan Melayu Pulau Pinang (KMPP) telah ditubuhkan di Pulau Pinang. KMPP adalah cawangan kepada Persatuan Melayu Singapura yang ditubuhkan dahulu.<sup>72</sup> Bagaimanapun apabila Kesatuan Melayu Muda (KMM) ditubuhkan pada tahun yang sama, ramai di antara ahli-ahli dan pemimpin-pemimpinnya menjadi ahli dan menyertai perjuangan KMM itu.<sup>73</sup>

KMM telah ditubuhkan di Kampung Baru Kuala Lumpur pada bulan Mei 1937 atas kesedaran mahu memperjuangkan pembebasan dari penjajah dan mengembalikan kemerdekaan bangsa dan tanahair.<sup>74</sup> Pengaruh KMM mulai meresap ke Pulau Pinang melalui ceramah-ceramah dan syarahan-syarahan yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin pusat KMM. Syarahan dan ceramah dari pemimpin-pemimpin pusat ini mendapat sambutan dari penduduk tempatan terutamanya golongan muda yang tinggal di sekitar George Town, termasuk pelajar-pelajar Sekolah Al Masyhur dan Sekolah Al Huda. Salah seorang pemimpin pusat KMM yang mendapat sambutan ialah Ibrahim bin Yaakob. Berikutan dengan itu satu perjumpaan telah diadakan di rumah Puteh Badri bin Che Mat di No. 251 Malacca Street, Pulau Pinang. Tujuan perjumpaan ini ialah untuk menubuhkan KMM cawangan Pulau Pinang. Perjumpaan yang dihadiri oleh lebih kurang lima belas orang itu telah membentuk sebuah Jawatankuasa<sup>75</sup> sendiri dari Puteh Badri bin Che Mat (Presiden), Shuib bin Ahmad (Naib Presiden), Mohd. Saman bin Rais (Setiausaha) dan Abu Bakar bin Mohd. Noor (Ben-

---

<sup>72</sup> Roff, *op. cit.*, h.236

<sup>73</sup> Keterangan Mohamed Nor bin Ahmad. Temutanya secara bersurat bertarikh 25.10.1976. Keterangan ini disokong oleh Mohd Zain bin Ahmad. Temutanya secara bersurat bertarikh 10.6.1976.

<sup>74</sup> Keterangan mengenai KMM di Pulau Pinang diperolehi dari Mohamed Nor bin Ahmad, Ibrahim bin Mahmood, Mohd Zain bin Ahmad dan rujukan kepada Abdul Malek bin Haji Md Hanafiah, Perjuangan Kesatuan Melayu Muda 1937-1945, Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974.

<sup>75</sup> Nama-nama ahli Jawatankuasa ini dipetik dari Abdul Malek bin Haji Md Hanafiah, *op. cit.*, h.169. Jawatan-jawatan Presiden, Naib Presiden, Setiausaha dan Ahli Jawatankuasa Hashim bin Mohamad disahkan oleh Ibrahim bin Mahmood. Temutanya di rumah beliau pada 17.4.1976.

dahari)<sup>76</sup> Puteh Badri bin Che Mat ialah seorang kerani di Eastern Smelting Pulau Pinang. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Al Masyhur Pulau Pinang dan fasih berbahasa Inggeris. Sementara ahli-ahli Jawatankuasa lain yang juga mendapat pelajaran mereka di Sekolah Al Masyhur ialah Abu Bakar bin Mohd. Noor, Mohamad Nor bin Ahmad dan Hashim bin Mohamad.<sup>77</sup>

Beberapa keputusan telah dibuat dalam perjumpaan penubuhan itu. Di antaranya termasuklah usaha untuk menambahkan keahlian KMM dengan menubuhkan ranting KMM cawangan Pulau Pinang di Sekolah Al Masyhur dan melalui ruangan akhbar *Saudara*. Di samping itu usaha juga dijalankan untuk menyebarkan pengaruh KMM kepada beberapa buah persatuan sosial Melayu yang terdapat di Pulau Pinang ketika itu. Penubuhan KMM telah mendapat sambutan penduduk Melayu Pulau Pinang khususnya mereka yang tinggal di sekitar bandar George Town. Pejabat KMM di Malacca Street sentiasa dikunjungi oleh ahli-ahli yang kebanyakannya mengeluarkan rasa tidak puas hati mereka terhadap majikan masing-masing.<sup>78</sup> Kejayaan KMM Cawangan Pulau Pinang pada peringkat awalnya terletak di atas beberapa faktor. Keradikalan Ibrahim bin Yaakob dan pemimpin-pemimpin KMM pusat serta asas perjuangan yang dibawa oleh KMM lebih memberi keyakinan daripada pertubuhan-pertubuhan Melayu yang lain di Pulau Pinang. Laungan kebebasan dan kemerdekaan bangsa adalah sesuatu yang belum pernah diperkatakan dan diperjuangkan sebelum ini. Tambahan pula pada masa itu telah wujud prasangka di kalangan orang Melayu Pulau Pinang terhadap perjuangan PMPP.<sup>79</sup> Apabila KMM ditubuhkan mereka yang belum berpersatuan dan ahli-ahli PMPP yang tidak puas hati dengan kepimpinan PMPP telah memasuki KMM. Di samping itu ramai di antara pemimpin KMM Cawangan Pulau Pinang adalah ahli PASPAM. Ini membolehkan ahli-ahli KMM menggunakan akhbar

---

<sup>76</sup> Ahli-ahli Jawatankuasa ialah Abdul Majid, Syed Alwi bin Syed Sheikh Al Hadi, Mohamed Nor bin Ahmad, Hashim bin Mohamad dan Hassan bin Sheikh Ahmad.

<sup>77</sup> Lihat, Abdul Malek bin Haji Md Hanafiah, *ibid.*, h.145. Disahkan oleh Ibrahim bin Mahmood.

<sup>78</sup> *Ibid.*, h.170

<sup>79</sup> Keterangan Ibrahim bin Mahmood. Temutanya pada 17.4.1976. Keterangan ini dinafikan oleh Mohd. Zain bin Ahmad yang mengatakan tidak ada permusuhan KMM dengan PMPP kerana ramai di antara ahli PMA menjadi ahli KMM.

Saudara sebagai medan untuk meluaskan perjuangan KMM. Bagaimanapun sebagai sebuah pertubuhan yang radikal pada masa itu KMM dicurigai oleh pemerintah Inggeris. KMM terpaksa menjalankan kegiatannya secara sulit apabila beberapa orang pemimpin-pemimpinnya ditahan oleh pemerintah Inggeris.<sup>80</sup>

Sebagai satu kesimpulan dapat dikatakan bahawa pada dekad awal abad kedua puluh hingga meletusnya Perang Dunia Kedua Negeri Pulau Pinang khususnya telah menjadi arena kegiatan gerakan kesedaran orang Melayu. Gerakan kesedaran ini timbul dan berkembang hasil dari penglibatan dan pengalaman mereka berhubung dengan kegiatan orang bukan Melayu dalam aspek sosial, ekonomi dan politik. Tambahan pula masyarakat Melayu merasa bimbang dengan keadaan orang Melayu pada masa itu dan ramalan-ramalan buruk tentang kemungkinan masa depan sosial, ekonomi dan politik mereka.


Kesedaran ini pada mulanya dijelmakan dalam bentuk seruan dan saranan melalui akhbar Saudara dan Idaran Zaman serta majalah Al Ikhwan. Kemudian muncul pula pertubuhan Melayu seperti PMPP, PMSP, KMPP, KMM dan PASPAM. Pertubuhan yang awal seperti PMPP dan PMSP lebih memperlihatkan kecenderungan masing-masing untuk memperjuangkan kebajikan sosial dan ekonomi orang Melayu. Tetapi pada tahun-tahun akhir 1930-an pertubuhan-pertubuhan seperti PASPAM, KMPP dan KMM lebih memperlihatkan kecenderungan masing-masing memperjuangkan kepentingan politik. Pada masa inilah gerakan kesedaran orang Melayu Negeri Pulau Pinang mula memperlihatkan ciri-ciri yang jelas sebagai sebuah gerakan politik. Bagaimanapun perkembangan yang menuju ke arah satu bentuk gerakan politik Melayu yang padu di Negeri Pulau Pinang terhalang kerana adanya hubungan tidak baik dengan gerakan Melayu di Negeri-negeri Melayu berhubung dengan polemik DKK-DKA dan takrif Melayu. Ini juga telah mewujudkan suasana tidak bersatu di kalangan masyarakat Melayu di Negeri Pulau Pinang. Tambahan pula gerakan kesedaran Melayu yang mirip kepada perjuangan politik anti-British sentiasa menghadapi tindakan yang merugikan dari pemerintah Inggeris.

Gerakan kesedaran dan politik orang Melayu menghadapi tahap baru dalam perkembangannya semasa Pendudukan Jepun.

---

<sup>80</sup> Zainal Abidin bin Abdul Wahid, (ed.), *Glimpses of Malaysian History*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, h.95.

Walaupun pertubuhan-pertubuhan Melayu kecuali KMM tidak dibenarkan bergerak namun pengalaman orang Melayu pada masa itu telah menguatkan kesedaran politik mereka. Kesedaran politik yang lebih padu ini ditunjukkan dalam tahun 1946 apabila orang Melayu bersatu menentang Inggeris dan gagasan Malayan Union.



PETA I: PULAU PINANG DAN SEBERANG PERAI

# 2

## **POLITIK MELAYU DAN MALAYAN UNION**

Pendudukan Jepun selama lebih dari tiga tahun (1942–1945) telah banyak meninggalkan kesan ke atas kehidupan penduduk di Tanah Melayu. Layanan yang berbeza kepada kaum-kaum yang berbeza melahirkan bentuk kesedaran kebangsaan yang berbeza. Di kalangan orang Cina dan India bentuk kesedaran mereka lebih terikat kepada negeri asal mereka masing-masing. Sementara bagi orang Melayu pula kesedaran kebangsaan berbentuk keMelayuan semakin bertambah kukuh. Bagaimanapun pada umumnya selepas pendudukan Jepun, ketiga-tiga kaum itu semakin berahi mempersoalkan kedudukan, kepentingan dan masa depan sosial, ekonomi dan politik mereka masing-masing di negeri ini. Gagasan politik dan pentadbiran yang cuba diperkenalkan oleh Kerajaan British selepas pendudukan Jepun tidak dengan mudah diterima oleh ketiga-tiga kaum itu. Gagasan politik dan pentadbiran yang cuba diperkenalkan itu mendapat sambutan yang berbeza dan tidak kurang pula percubaan itu menimbulkan pertentangan di antara ketiga-tiga kaum itu. Walaupun penyelesaiannya dapat dicapai tetapi perasaan tidak puas hati masih wujud dan kemudiannya keresahan ini menimbulkan pertentangan baru. Keadaan ini pada umumnya menyebabkan politik selepas Pendudukan Jepun lebih berbentuk politik penentangan. Penentangan yang pertama digerakkan oleh rancangan penubuhan Malayan Union yang cuba diperkenalkan oleh Kerajaan British terhadap Negeri-negeri di Tanah Melayu.

### *Politik Melayu Sebelum Malayan Union*

Pemerintahan Jepun di Negeri Pulau Pinang tamat apabila Bendera Union Jack dinaikkan di dalam satu upacara di padang



Victoria Institution Pulau Pinang pada 12 September 1945.<sup>1</sup> Seperti negeri-negeri lain di Tanah Melayu, Negeri Pulau Pinang diletakkan di bawah Pentadbiran Tentera British atau *British Military Administration* (BMA). Langkah ini bertujuan untuk mengelakkan kekacauan berterusan dan mengekalkan ketenteraman awam di samping menjaga keperluan ketenteraan.<sup>2</sup> Untuk tujuan-tujuan di atas juga pentadbiran BMA ini tidak menggalakkan perbincangan mengenai isu-isu politik melalui akhbar-akhbar. Di samping itu untuk mengembalikan kepercayaan awam pentadbiran BMA telah menubuhkan Majlis Penasihat bagi Kawasan Bandar, Luar bandar dan Seberang Perai.<sup>3</sup> Kedatangan Inggeris kali yang kedua ini disambut baik oleh segolongan besar penduduk Negeri Pulau Pinang terutamanya orang Melayu. Sikap ini dipengaruhi oleh kegiatan Jepun semasa pendudukan dahulu. Walaupun disedari bahawa kedatangan Inggeris itu tidak mengubah taraf politik Tanah Melayu sebagai tanah jajahan tetapi sekurang-kurangnya sebagai penjajah, Inggeris tidak seganas penjajah Jepun. Tambahan pula berdasarkan pengalaman mereka yang lalu pentadbiran British tidak banyak menyusahkan rakyat dan ini membolehkan kegiatan ekonomi, sosial dan politik dapat dijalankan tanpa banyak gangguan.

Sikap Inggeris ini dianggap membolehkan pemimpin-pemimpin Melayu di Pulau Pinang dan Seberang Perai bergiat semula dalam arena politik. Mereka mengambil langkah menghidupkan semula pertubuhan yang telah dibubarkan oleh pemerintah Jepun dan mengembangkan kegiatan-kegiatan mereka ke kawasan yang lebih luas terutamanya ke kawasan luar bandar. Seruan kemerdekaan dan kebebasan yang ditanam oleh pemimpin-pemimpin KMM sebelum dan semasa pendudukan Jepun semakin mendapat perhatian orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai.<sup>4</sup> Pertubuhan politik yang pertama ditubuhkan di Negeri Pulau Pinang

---

<sup>1</sup> *Malay Mail*, 13.9.1945, h.1. Tentera British yang diketuai oleh Lt. Col. Grant telah mendarat di Swettenham Pier Pulau Pinang lebih awal lagi iaitu pada 4.9.1945. Lihat, *Malay Majl*, 5.9.1945, h.1.

<sup>2</sup> Malaya, *British Military Administration Gazette*, No.1, Vol. I, Nov. 1945.

<sup>3</sup> Warta Negara, 8.4.1946, h.4

<sup>4</sup> Mengikut Mohamed Nor bin Ahmad pemerintah Jepun membenarkan KMM bergerak. Sikap Jepun ini adalah kuat dipengaruhi oleh peranan pemimpin-pemimpin KMM, seperti Ibrahim bin Yaakob, yang dikatakan sebagai 'penyokong' Jepun. Ibrahim bin Yaakob juga dikatakan 'membawa Jepun masuk' ke Tanah Melayu. Keterangan Mohamed Nor bin Ahmad. Temutannya secara bersurat bertarikh 25.10.1976.

selepas Pendudukan Jepun ialah Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)<sup>5</sup> dan diikuti dengan Semangat Pemuda Melayu Jelutong (SPMJ). Kedua-kedua pertubuhan ini pada umumnya memperlihatkan pengaruh perjuangan KMM.

PKMM Cawangan Negeri Pulau Pinang yang pertama telah ditubuhkan di George Town pada bulan November 1945. Cawangan ini dipimpin oleh Mohamed Nor bin Ahmad (Pengerusi), dengan dibantu oleh Hashim Al (Setiausaha) dan Abdul Manan bin Nordin (Bendahari).<sup>6</sup> Pemimpin PKMM Cawangan George Town ini terdiri daripada bekas pemimpin KMM. Justeru itu tidak hairanlah dasar perjuangan PKMM cawangan George Town ialah untuk membebaskan Tanah Melayu dari penjajahan Inggeris dan kemudian menyatukannya dengan Indonesia sebagai sebuah negara yang merdeka. Bagaimanapun cawangan ini tidak dapat hidup lama kerana beberapa minggu kemudian Mohamed Nor bin Ahmad telah menarik diri dari menyertai pertubuhan tersebut.<sup>7</sup> Tindakan ini menjadikan PKMM cawangan George Town kehilangan seorang pemimpin. Tambahan pula pemimpin-pemimpin lain yang kebanyakannya pernah bergiat dalam PMPP tidak berminat untuk menyertai PKMM kerana mengikut kata seorang pemimpin tempatan orang-

---

<sup>5</sup> PKMM ditubuhkan di Perak oleh bekas pemimpin-pemimpin KMM seperti Dr. Burhanuddin Alhelmy, Ahmad Boestamam dan Ishak Haji Muhamad pada 17.10.1945. Lihat, Mohammad Yunus Hamidi, Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1961, h.10; lihat juga, Ahmad Boestamam, Tujuh Tahun Malam Memanjang, Penerbitan Amir Enterprise, Kuala Lumpur, 1976, h.4.

<sup>6</sup> Mesyuarat penubuhan PKMM cawangan George Town diusahakan oleh Hashim Al dan Dr. Buyong dengan dihadiri oleh tidak lebih dari enam orang termasuk Mohamed Nor bin Ahmad, Abdul Manan bin Nordin, Abdul Hashim Tamim dan Aman Shah Bokhari. Kesemua yang hadir itu dilantik duduk dalam Jawatankuasa PKMM Cawangan George Town. Keterangan Mohamed Nor bin Ahmad. Temutanya secara bersurat bertarikh 25.10.1976.

<sup>7</sup> Mengikut Mohamed Nor bin Ahmad, beliau meletakkan jawatan Pengerusi dan menarik diri dari PKMM adalah disebabkan beliau curiga dengan perjuangan PKMM itu. Rasa curiga itu timbul apabila Hashim Al yang mengambil daya-usaha menubuhkan PKMM itu tidak dapat menerangkan sumber-sumber kewangan PKMM. Ini menyebabkan Mohamed Nor bin Ahmad merasa yakin bahawa PKMM mendapat bantuan dari golongan komunis. Keterangan dari Mohamed Nor bin Ahmad. Temutanya secara bertulis bertarikh 15.10.1976. Perihal PKMM dipengaruhi oleh komunis sebelum Kongres Pertama di Ipoh telah dipersetujui oleh Mohamad Ali bin Arshad. Keterangan Mohamad Ali bin Arshad. Temutanya di rumah beliau pada 4.11.1976. Mengenai Mohamad Ali bin Arshad, lihat Lampiran A.

orang bandar tidak banyak yang mengerti perjuangan PKMM.<sup>8</sup> Di samping itu hubungan pemimpin-pemimpin PKMM tidak terjalin dengan baik dengan pemerintah British kerana bentuk perjuangan yang dibawa oleh PKMM mencurigakan pemerintah British. Dalam keadaan ini PKMM cawangan George Town menghadapi ancaman tindakan dari pemerintah British. Bagi pemimpin yang mementingkan kedudukan dan kepentingan, PKMM merupakan pertubuhan yang membahayakan kedudukan dan kepentingan mereka itu.<sup>9</sup> Tambahan pula golongan peranakan di George Town menganggap PKMM sebagai pertubuhan Melayu Jati dan untuk memperkecilkan mereka sering menyatakan bahawa PKMM itu komunis.

Kemerosotan PKMM cawangan George Town mendorong Hashim Al menubuhkan cawangan-cawangan PKMM di Balik Pulau dan Bukit Mertajam.<sup>10</sup> Satu perhimpunan orang Melayu dari dua belas buah mukim telah diadakan di Masjid Sungai Burung pada 23 November 1945. Perjumpaan ini mengambil ketetapan dengan sebulat suara untuk menubuhkan PKMM cawangan Balik Pulau. Cawangan ini dipimpin oleh Hashim bin Sulaiman (Pengerusi) dengan dibantu oleh Ahmad bin Mohd Zain (Naib Pengerusi), Abdul Razak bin Mohamad Zain (Setiausaha), Hussain bin Said (Bendahari) dan ahli-ahli Jawatankuasa terdiri dari seorang wakil bagi tiap-tiap mukim yang hadir dalam perjumpaan tersebut.<sup>11</sup> Perjumpaan yang dihadiri oleh wakil dan orang perseorangan dari dua belas buah mukim itu membayangkan hasrat orang Melayu Balik Pulau yang mahukan pimpinan dan pertubuhan untuk menjaga kepentingan mereka. Keadaan ini dapat dikaitkan dengan beberapa peristiwa pergaduhan antara orang Cina dengan orang Melayu yang berlaku di Balik Pulau pada

---

<sup>8</sup> Keterangan Mohamed Nor bin Ahmad. Temutanya secara bersurat bertarikh 25.10.1976.

<sup>9</sup> Keterangan Mohamed Nor bin Ahmad. Temutanya secara bersurat bertarikh 25.10.1976. Keterangan ini disetujui oleh Mohamad Ali bin Arshad. Temutanya di rumah beliau pada 4.11.1976.

<sup>10</sup> Keterangan Md Desa bin Hussain. Temutanya di rumah beliau pada 21.11.1976. Kenyataan ini dipersetujui oleh Hashim bin Sulaiman. Mengenai Md Desa bin Hussain, lihat Lampiran A.

<sup>11</sup> Keterangan Hashim bin Sulaiman. Temutanya di rumah beliau pada 2.6.1976.

bulan Ogos 1945.<sup>12</sup> Peristiwa ini menyedarkan orang Melayu di Balik Pulau betapa perlunya mereka bersatu padu. Isu ini digunakan sepenuhnya oleh Hashim Al dan dengan kebijaksanaannya berseleluai di sebalik seruan agama, PKMM bukan sahaja dapat bertapak tetapi juga dapat menarik pemimpin-pemimpin agama tempatan bagi pemimpin PKMM cawangan Balik Pulau.<sup>13</sup> Dengan sokongan yang menggalakkan yang diberi oleh penduduk tempatan, PKMM Cawangan Balik Pulau dapat bergerak cergas sehinggalah ia dibubarkan pada tahun 1949. Sementara itu Hashim Al juga berjaya menubuhkan PKMM Cawangan Bukit Mertajam. Satu perjumpaan telah diadakan di *Bukit Mertajam Recreation Club* pada bulan Disember tahun 1945. Sekali lagi Hashim Al berjaya mempengaruhi pemimpin-pemimpin agama dan penduduk tempatan menyertai PKMM dengan menggunakan seruan agama Islam.<sup>14</sup> Cawangan ini dipimpin oleh Mohamad Ali bin Arshad (Pengerusi) dengan dibantu oleh Hussain bin Omar (Setiausaha).<sup>15</sup>

Berbeza dengan cawangan George Town PKMM cawangan Balik Pulau dan Bukit Mertajam dapat menyusun rancangannya dengan teratur. Perkembangan ini disebabkan pemimpin-pemimpin PKMM pada peringkat pusat dan cawangan cenderung untuk menjadikan agama Islam sebagai landasan perjuangan mereka terutama selepas Kongres PKMM berlangsung di Ipoh di mana pemimpin-pemimpin yang condong kepada perjuangan komunis dapat disingkirkan. Tambahan pula di kedua kawasan ini semangat keIslaman di kalangan penduduknya adalah lebih kuat dari penduduk Melayu di George Town kerana sebahagian besar penduduk Melayu di Balik Pulau dan Bukit Mertajam lebih

---

<sup>12</sup> Pergaduhan antara orang Cina dengan orang Melayu berlaku pada 20.8.1945 kesan dari peranan yang berbeza yang dimainkan oleh kedua-kaum itu semasa pendudukan Jepun. Mengikut Hashim bin Sulaiman, pergaduhan itu berpunca dari sikap membalas dendam. Keterangan Hashim bin Sulaiman. Temutanya di rumah beliau pada 1.11.1976.

<sup>13</sup> Majlis penubuhan PKMM Cawangan Balik Pulau itu dimulakan dengan acara membaca ayat-ayat suci al Quran dan syarahan Agama. Keterangan Hashim bin Sulaiman. Temutanya di rumah beliau pada 1.11.1976.

<sup>14</sup> Di antara beberapa orang pemimpin PKMM Pusat yang berucap di Majlis tersebut ialah Dr. Burhanuddin Al Helmy. Salah satu kalimah yang menimbulkan minat pemimpin-pemimpin agama tempatan kepada PKMM ialah 'Kasih pada tanah air itu sebagai sebahagian daripada iman'. Keterangan Mohamad Ali bin Arshad. Temutanya di rumah beliau pada 4.11.1976.

<sup>15</sup> Keterangan Mohamad Ali bin Arshad. Temutanya di rumah beliau pada 4.11.1976. Hashim bin Sulaiman mengesahkan bahawa Pengerusi PKMM Cawangan Bukit Mertajam ialah Mohamad Ali bin Arshad.

terdedah dengan unsur-unsur keislaman berbanding dengan penduduk Melayu di George Town. Di samping itu perjuangan dan seruan kemerdekaan lebih mudah diterima oleh pemimpin-pemimpin di Balik Pulau dan Bukit Mertajam berbanding dengan kebanyakan pemimpin-pemimpin di George Town. Pemimpin-pemimpin di George Town kebanyakannya lebih cenderung berada di bawah pemerintah British dan mempunyai sikap tidak percaya bahawa orang Melayu boleh memerintah negeri sendiri.<sup>16</sup> Kecenderungan PKMM menggunakan surau, masjid dan madrasah untuk meluaskan semangat kemelayuan tidak kurang pentingnya menjadi faktor yang dapat menarik minat penduduk tempatan di kedua kawasan itu. Melalui institusi-institusi agama ini PKMM bukan sahaja dapat melaksanakan tujuan dan matlamat perjuangannya tetapi juga dapat mengurangkan kemungkinan tindakan yang tidak disenangi dari pemerintah British. Tambahan lagi kedua kawasan itu berada agak jauh dari pusat pemerintah British iaitu George Town.

Sambutan orang Melayu terhadap PKMM di Balik Pulau dan Bukit Mertajam memungkinkan penubuhan cabang PKMM seperti Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) bagi menyatu dan menggerakkan tenaga muda. Kepercayaan penduduk tempatan terutamanya di Balik Pulau selain daripada perjuangannya yang berlandaskan prinsip-prinsip keislaman dan berjaya mengurangkan ketegangan kaum adalah juga disebabkan kerana ia berjaya menentang langkah pemerintah British hendak membatalkan pemberian kupon barang-barang makanan terutamanya beras kepada penduduk luar bandar termasuk Balik Pulau.<sup>17</sup> PKMM juga telah menubuhkan beberapa buah jawatankuasa untuk memajukan ekonomi dan pelajaran bagi penduduk di Balik Pulau.<sup>18</sup> Kegiatan PKMM cawangan Balik Pulau

---

<sup>16</sup> Satu kenyataan yang kerap kali digunakan oleh pemimpin-pemimpin golongan ini ialah 'orang Melayu tidak boleh membuat jarum bagaimana hendak merdeka'. Keterangan Mohamad Ali bin Arshad. Temutanya di rumah beliau pada 4.11.1976.

<sup>17</sup> Satu perhimpunan ramai berbagai kaum telah dianjurkan oleh PKMM Cawangan Balik Pulau pada 24.12.1945 bagi menubuhkan satu jawatankuasa antara kaum untuk membantah langkah Pemerintah British (BMA) mahu membatalkan pengeluaran kupon-kupon makanan kepada penduduk luar-bandar. Jawatankuasa berbagai kaum itu diketuai oleh Hashim bin Sulaiman, Ng Swee Can dan P. Dass telah berjaya mendesak Pemerintah British membatalkan rancangan itu. Keterangan Hashim bin Sulaiman. Temutanya di rumah beliau pada 1.11.1976.

<sup>18</sup> PKMM cawangan Balik Pulau berjaya mengendalikan sebuah kedai runcit untuk ahli-ahlinya dan mendirikan sebuah sekolah agama. Keterangan Hashim bin Sulaiman.

yang progresif ini memberi sumbangan kepada pertambahan ahli berdaftar yang kemudian meningkat ke angka lima atau enam ribu orang selepas beberapa tahun ia ditubuhkan.<sup>19</sup>

Sambutan yang diberikan kepada PKMM oleh kedua kawasan itu menunjukkan bahawa pertubuhan ini mempunyai kecenderungan untuk berkembang sebagai sebuah pertubuhan Melayu yang kuat di Negeri Pulau Pinang. Bagaimanapun perjuangan terutamanya pada peringkat Pusat agak membimbangkan pemerintah British. Dengan itu pemerintah British telah bertindak menggeledah pejabat dan rumah-rumah ahli PKMM serta menangkap beberapa orang tokoh pemimpinnya. Langkah pemerintah British itu sedikit sebanyak memberi kesan terhadap perkembangan PKMM. Apabila timbul rancangan penubuhan Malayan Union ada kecenderungan PKMM di kedua kawasan itu hendak bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan Melayu lain yang sedia ada pada masa itu bagi menentang gagasan tersebut. Tetapi pendirian yang diambil oleh PKMM Pusat kemudiannya menyebabkan PKMM di kedua kawasan itu mengurangkan kerjasama dengan pertubuhan Melayu yang ada itu. Dalam keadaan di mana sikap PKMM kurang jelas berhubung dengan penubuhan Malayan Union, PMPP, KMPP dan PMSP telah membuat pendirian yang kukuh bagi menentang Malayan Union. Di samping faktor-faktor lain seperti jauh dari pusat pentadbiran Negeri Pulau Pinang tindakan pemerintah British yang merugikan PKMM dan lebih-lebih lagi kerana tindakan yang melibatkan dasar yang ditentukan di Pusat menyebabkan PKMM cawangan akhirnya semakin lemah terutama dalam perjuangannya menentang Malayan Union. Penentangan itu terus dimainkan oleh PMPP, KMPP dan PMSP.

Perjuangan kebangsaan Melayu yang dimulakan oleh PKMM selepas Perang Dunia Kedua sedikit sebanyak mempengaruhi sikap pemuda-pemuda Melayu Jelutong. Satu perjumpaan telah diadakan di Jelutong pada 10 Oktober 1945 dan dalam pertemuan itu Semangat Pemuda Melayu Jelutong (SPMJ) telah ditubuhkan. Pertubuhan ini dipimpin oleh Said bin Abbas (Yang Dipertua) dan dibantu oleh Ibrahim bin Hussain (Setiausaha). Di antara tujuan SPMJ ini ialah untuk menggalakkan kemajuan orang Melayu dalam

---

<sup>19</sup> Keterangan Hashim bin Sulaiman. PKMM cawangan Balik Pulau dicadangkan menjadi tuan rumah Kongres PKMM kali kelima pada tahun 1950. Utusan Melayu, 2.1.2.1949, h.6.

bidang politik, memperjuangkan kebebasan orang Melayu dan memperjuangkan penyertaan ahli-ahlinya di dalam Kerajaan Negeri. Perjuangan SPMJ ini telah berjaya mempengaruhi pemuda-pemuda Mukim Jelutong kecuali Kampung Giam. Bagaimanapun corak perjuangan SPMJ yang agak radikal dan kebanyakan pemimpin-pemimpinnya yang pro kepada perjuangan di Indonesia menimbulkan perpecahan di kalangan penduduk Jelutong. Perpecahan yang dihadapi oleh pertubuhan itu sendiri menyebabkan peranannya untuk menentang gagasan Malayan Union tidak begitu jelas. Walaupun begitu ramai di antara ahli-ahlinya secara bersendirian memainkan peranan yang aktif dalam usaha menghapuskan Malayan Union itu.<sup>20</sup>

### *Malayan Union*

Gagasan Malayan Union<sup>21</sup> adalah satu rancangan oleh Kerajaan British yang cuba untuk menyelesaikan masalah politik dan pentadbiran di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Tindakan Kerajaan British ini banyak dipengaruhi oleh tujuan ketenteraan dan keinginannya hendak menyediakan Tanah Melayu kepada taraf berkerajaan sendiri di samping menunjukkan rasa kecewa terhadap sikap orang Melayu semasa pendudukan Jepun.<sup>22</sup> Tujuan ini mahu dicapai dengan menukarkan taraf politik Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat dari negeri naungan kepada koloni. Ini cuba dilaksanakan dengan memujuk Raja-raja Melayu supaya menyerahkan kuasa politik dan pentadbiran negeri masing-masing kepada Kerajaan British dan dengan itu membolehkan *Foreign Jurisdiction Act 1890* dikuatkuasakan ke atas Tanah Melayu.<sup>23</sup>

---

<sup>20</sup> SPMJ "Penyata Mesyuarat Agung Yang Kedua Semangat Pemuda Melayu Jelutong 4.11.1947" dalam Fail UMNO, Bil. SG-169/47.

<sup>21</sup> Cadangan Malayan Union telah diistiharkan oleh Setiausaha Tanah Jajahan British George Hall di *House of Common* pada 10.10.1945. Berikutan dengan itu, Harold MacMichael telah diutuskan ke Tanah Melayu untuk mendapatkan persetujuan Raja-Raja Melayu. Ini diikuti dengan terbitnya Kertas Putih Malayan Union pada 23.1.1946. Walaupun terdapat penentangan dari orang-orang Melayu, Kerajaan British melaksanakan juga cadangan Malayan Union pada 1.4.1946. Lihat, *Warta Negara*, 24.1.1946, h.1; *Malay Mail*, 13.10.1945, p.1; dan, *Straits Echo*, 11.11.1945, h.1.

<sup>22</sup> Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union To Singapore Separation*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974, h.16

<sup>23</sup> Zainal Abidin bin Abdul Wahid, (ed.), *Glimpses of Malaysian History*, DBP., Kuala Lumpur, 1970, h.100

Gagasan ini juga mencadangkan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu bersama Pulau Pinang, Seberang Perai dan Melaka disatukan menjadi sebuah entiti politik di bawah satu Kerajaan Pusat yang diketuai oleh seorang Gabenor Inggeris. Raja-Raja Melayu mempunyai kuasa yang terhad iaitu cuma dalam hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu. Sebuah Majlis Agama Islam akan dibentuk dan dianggotai oleh Raja-Raja sementara pengerusi majlis ini ialah Gabenor Inggeris sendiri. (Perlembagaan Malayan Union juga memperkenalkan prinsip *Jus Soli* yang memberi hak kerakyatan kepada sesiapa sahaja yang dilahirkan di Tanah Melayu selepas Malayan Union diisytiharkan. Selain daripada Majlis Agama kerajaan Malayan Union juga akan mempunyai sebuah Majlis Penasihat Pusat atau *Central Advisory Board* yang akan dianggotai oleh orang-orang yang dilantik khas oleh pemerintah British. Pada peringkat negeri tiap-tiap negeri akan mempunyai sebuah Majlis Negeri atau *Settlement Council* bagi Negeri Pulau Pinang dan Melaka dengan dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Residen.

Gagasan Malayan Union ini bukan sahaja mengubah kedudukan pentadbiran tetapi juga membawa perubahan dari segi taraf politik rakyat dan Negeri Pulau Pinang. Penerimaan gagasan ini dengan sendirinya akan memansuhkan perjanjian pada tahun 1826 yang membentuk Negeri-Negeri Selat dan menjadikannya sebagai sebahagian daripada sebuah entiti politik yang lebih besar. Tertakluk kepada prinsip *Jus Soli*, penduduk Negeri Pulau Pinang yang sebelum ini dikenali sebagai rakyat British akan menjadi warganegara Malayan Union yang sebenarnya tidak banyak perbezaan kecuali pada namanya sahaja. Oleh sebab Singapura tidak dimasukkan ke dalam gagasan ini, ini juga bermakna Malayan Union menjauhkan hubungan politik dan ekonomi antara Negeri Pulau Pinang dengan Singapura. Di samping itu Malayan Union juga akan merapatkan kembali hubungan Negeri Pulau Pinang dengan tanah besar semenanjung yang telah dipisahkan oleh pihak Inggeris dahulu.

Perubahan ini menimbulkan dua kesan yang bertentangan bagi orang Melayu dan bukan Melayu terutamanya orang Cina. Orang Melayu menganggap perubahan ini sebagai pemulihan semula ikatan persaudaraan yang telah lama terputus. Sementara orang bukan Melayu menganggapnya sebagai faktor yang merugikan mereka dari segi sosial, ekonomi dan politik. Perpisahan Negeri



Pulau Pinang dari Singapura dalam bentuk yang lebih kekal ini kemudiannya menambahkan ketegangan di antara orang Melayu dan bukan Melayu.<sup>24</sup>

### *Sikap Dan Tindakan Orang Melayu*

Apabila mula diperkenalkan masyarakat Negeri menyambut cadangan gagasan Malayan Union dengan sikap yang berbeza. Pada umumnya pemimpin-pemimpin bukan Melayu seperti H.H. Abdool Cader dan Khoo Sian Ewe mengalu-alukan gagasan ini dan menganggapnya sebagai satu usaha yang baik untuk menyatukan semua negeri di Tanah Melayu di bawah satu pentadbiran pusat.<sup>25</sup> Bagaimanapun mereka juga menyuarakan rasa tidak puas hati kerana Singapura dikecualikan dari gagasan itu.<sup>26</sup> Dalam pada itu terdapat juga tentangan dan pendapat yang mengatakan gagasan itu sebagai pro-Melayu.<sup>27</sup>

Di kalangan pemimpin-pemimpin Melayu Negeri Pulau Pinang pula terdapat sikap menyokong apabila gagasan tersebut mula diperkenalkan buat pertama kalinya. Pemimpin-pemimpin PKMM cawangan Bukit Mertajam seperti Mohamad Ali bin Arshad dan cawangan Balik Pulau seperti Hashim bin Sulaiman, Hayan bin Hassat dan Abdul Razak bin Haji Hassan menyambut baik gagasan tersebut. Sikap mereka ini bersesuaian dengan keputusan yang dicapai dalam Kongres Pertama PKMM yang berlangsung di Ipoh pada bulan November, 1945.<sup>28</sup> PKMM mengalu-alukan pembentukan satu Kesatuan Melayu dengan anggapan bahawa penubuhan Malayan Union itu akan menyatukan berbagai bentuk pentadbiran yang berbeza di Tanah Melayu. Dengan itu Malayan Union mengikut pandangan PKMM merupakan langkah pertama

---

<sup>24</sup> Orang bukan Melayu di Negeri Pulau Pinang, terutamanya mereka yang mempunyai kepentingan ekonomi mula menyusun gerakan memisahkan Negeri ini dari Tanah Melayu. Gerakan ini akan dibicarakan dalam Bab III.

<sup>25</sup> *Straits Echo*, 12.10.1945, h.1

<sup>26</sup> *Straits Echo*, 12.10.1945, h.1. H.H. Abdool Cader dan Khoo Sian Ewe ialah bekas ahli Majlis Mesyuarat Negeri Pulau Pinang mewakili kaum masing-masing sebelum Pendudukan Jepun.

<sup>27</sup> Lihat, Rencana Pengarang, *Straits Echo*, 13.10.1945, h.2. Lihat juga Lampiran A.

<sup>28</sup> *Seruan Rakyat*, 30.11.1945, h.2. Di antara wakil-wakil dari PKMM Cawangan Balik Pulau yang turut serta dalam Kongres tersebut ialah Hashim bin Sulaiman, Nayan bin Hassan dan Abdul Razak bin Haji Hassan. Keterangan Hashim bin Sulaiman. Temutanya di rumah beliau pada 2.6.1976.

menuju kepada taraf berkerajaan sendiri.<sup>29</sup> Bagaimanapun PKMM bersetuju pada prinsip kesatuan itu sahaja sementara bentuk dan kandungan kesatuan itu hendaklah dicipta oleh penduduk Tanah Melayu sendiri.

Sementara itu Dr. K.M. Ariff<sup>30</sup> yang dapat dikatakan mewakili orang Melayu George Town menganggap Malayan Union sebagai satu gagasan yang sangat baik.<sup>31</sup> Beliau juga bersetuju dengan pendapat orang bukan Melayu supaya Singapura tidak diasingkan dari gagasan tersebut. Bagaimanapun sikap menyokong ini bertukar kepada sikap menentang apabila disedari bahawa gagasan Malayan Union itu sebenarnya merugikan masa depan politik dan ekonomi orang Melayu.

Sehingga awal tahun 1946 bentuk penentangan yang ditunjukkan itu masih tidak begitu jelas. Keadaan ini pada umumnya disebabkan oleh suasana selepas perang yang belum pulih sepenuhnya. Seperti kaum-kaum lain orang Melayu Negeri Pulau Pinang sibuk dengan urusan peribadi seperti memulihkan semula kehidupan mereka akibat pendudukan Jepun. Kebanyakan pegawai-pegawai dan pemimpin-pemimpin Melayu terutama yang tinggal di George Town pula mempunyai pandangan baik terhadap pemerintah British dan berusaha menunjukkan sikap pro Inggeris dengan harapan mereka akan dapat menduduki semula tempat istimewa dalam pentadbiran baru itu. Pemimpin-pemimpin dan pertubuhan Melayu ketika itu belum memulihkan kegiatan masing-masing sepenuhnya. Selain daripada PKMM yang bertapak di kawasan luar George Town dan Semangat Pemuda Melayu Jelutong (SPMJ), sehingga tahun 1964 tidak ada pertubuhan Melayu yang

---

<sup>29</sup> Lihat, "The Manifesto of the Malay Nationalist Party Malaya with Regard to the British White Paper on Malayan Union", dalam, Information Department Malaya, Bil. 77/1946.

<sup>30</sup> Dr. K.M. Ariff telah dilahirkan di Pulau Pinang pada tahun 1917. Beliau mendapat didikan di Penang Free School Pulau Pinang, dan, kemudiannya, melanjutkan pelajaran ke England. Beliau adalah aktif dalam kegiatan-kegiatan kebajikan dan banyak bergiat dalam pertubuhan-pertubuhan. Di antara beberapa jawatan yang pernah disandangnya ialah Naib Pengerusi *International Round Table of Asia*, iaitu sebuah pertubuhan yang terdiri dari saudagar-saudagar dan orang-orang professional; Ahli Jawatankuasa *Penang International Club*; dan, menjadi ahli *Old Free Association*; dan *Settlement of Penang Association*. Beliau pernah memegang jawatan Naib Pengerusi *Penang Malay Association*. Sebelum pendudukan Jepun, beliau telah dipilih menduduki Majlis Mesyuarat Negeri Pulau Pinang sebagai wakil orang-orang Melayu. Butir-butir mengenai Dr. K.M. Ariff dikutip dari *Sunday Gazette*, 27.7.1947, h.5.

<sup>31</sup> *Straits Echo*, 12.10.1945, h.1

dihidupkan semula. Kalaupun ada kesedaran untuk menghidupkan semula pertubuhan yang terubur itu tetapi pemimpin-pemimpinnya terpaksa berhati-hati kerana pemerintah British bertindak tegas terhadap orang yang pernah menyokong Jepun<sup>32</sup> semasa pendudukan dahulu. Tambahan pula sebelum Kertas Putih diterbitkan, kandungan itu belum difahami sepenuhnya. Mulai awal tahun 1946 terutamanya selepas Kertas Putih Malayan Union diterbitkan baharulah ketara usaha-usaha menyusun gerakan menentang gagasan tersebut.

Bagi menghadapi ancaman Malayan Union itu beberapa langkah telah diambil untuk menyatukan tenaga orang Melayu. Pemimpin-pemimpin Melayu yang pernah bergiat sebelum ini telah mengambil daya usaha menubuhkan kembali pertubuhan masing-masing yang terubur semasa pendudukan Jepun. Di antara pertubuhan yang dihidupkan semula itu ialah Persatuan Melayu Pulau Pinang (PMPP), Kesatuan Melayu Pulau Pinang (KMPP) PASPAM dan Persatuan Melayu Seberang Perai (PMSP).<sup>33</sup> Selain daripada itu beberapa usaha juga diambil untuk menubuhkan pertubuhan baru sebagai cawangan kepada pertubuhan-pertubuhan yang sedia ada. PMPP umpamanya tidak lagi menghadkan kegiatannya di kawasan George Town sahaja. Beberapa cawangan pertubuhan tersebut telah ditubuhkan di Balik Pulau dan Bayan Lepas di samping di sekitar George Town.<sup>34</sup> Untuk memudahkan penubuhan cawangan-cawangan PMPP telah membuat pindaan pada perlembagaannya bagi membolehkan setiap pertubuhan Melayu yang didaftarkan dan mempunyai ahli tidak kurang dari 50 orang dikira sebagai satu cawangan PMPP.<sup>35</sup> PMSP juga turut meluaskan kawasan kegiatannya dengan menubuhkan beberapa cawangan lain.<sup>36</sup>

---

<sup>32</sup> Antara pemimpin kaum tempatan yang ditangkap oleh BMA termasuklah Yusoff Izzuddin, Heah Joo Seang, Dr. K. Menon dan N. Raghavan. Yusoff Izzuddin, Heah Joo Seang dan Dr. K. Menon masing-masing mewakili kaum Melayu, Cina dan India. Dr. K. Menon ialah pengerusi *Penang Indian Independent League*. Sementara N. Raghavan ialah seorang anggota Kerajaan India Sementara yang ditubuhkan oleh Subha Rose. Lihat, *Malay Mail*, 19.10.1945, h.2; dan *Warta Negara*, 1.2.1946, h.1.

<sup>33</sup> Mengenai penubuhan semula pertubuhan ini, sila lihat, *Warta Negara*, 28.1.1946, h.2; 4.2.1946, h.2; 11.2.1946, h.2.; dan, 5.3.1946, h.2.

<sup>34</sup> Di antara cawangan Persatuan Melayu Pulau Pinang yang dimaksudkan itu ialah Persatuan Melayu Kebun Lama dan Persatuan Melayu Bagan Jermal Masing-masing ditubuhkan pada 20.1.1946 dan 21.1.1946. *Ibid.*, 26.1.1946, h.2.

<sup>35</sup> *Ibid.*, 18.5.1946, h.3

<sup>36</sup> *Ibid.*, 10.6.1946, h.3

Satu perkembangan yang agak ketara ialah kemunculan kaum ibu dan pemuda dalam mengukuhkan gerakan politik orang Melayu. Daya usaha untuk menggêrakkan tenaga kaum ibu telah diambil oleh KMPP dengan menubuhkan Kesatuan Kaum Ibu di bawah pimpinan Hasnah binti Ishak sebagai Yang Dipertuanya.<sup>37</sup> Sementara PMPP dan PMSP masing-masing telah membentuk bahagian pemuda.<sup>38</sup>

Perkembangan di atas memperlihatkan bahawa dalam usaha menentang gagasan Malayan Union terdapat usaha mengumpul tenaga orang Melayu melalui berbagai pertubuhan. Kesannya didapati pertubuhan lama hidup kembali dan meluaskan kegiatannya. Di samping itu terdapat juga beberapa buah pertubuhan baru. Pada umumnya dapat dikatakan bahawa kegiatan berpersatuan tidak lagi terhad kepada kawasan-kawasan tertentu tetapi agak menyeluruh ke serata Negeri Pulau Pinang. Ini menunjukkan bahawa kesedaran berpersatuan di kalangan orang Melayu kian bertambah.

Bagaimanapun dalam menghadapi ancaman Malayan Union ini tidak ada usaha yang berkesan yang dijalankan oleh pemimpin-pemimpin Melayu untuk menggabungkan semua tenaga orang Melayu di bawah satu pertubuhan walaupun terdapat beberapa saranan yang dikemukakan supaya semua pertubuhan Melayu di Negeri Pulau Pinang itu disatukan.<sup>39</sup> Malangnya saranan itu tidak mendapat sambutan yang sewajarnya. Satu faktor yang dapat menerangkan keadaan ini ialah kerana adanya perbezaan dari segi latar belakang keturunan, pendidikan dan pekerjaan. Keadaan ini diburukkan lagi dengan adanya fahaman politik yang berbeza dikalangan pemimpin-pemimpin Melayu.

Dalam pada itu telah disedari bahawa perpaduan dan penyatuan semua tenaga orang Melayu itu adalah penting. *Warta Negara*<sup>40</sup>

<sup>37</sup> *Ibid.*, 19.6.1946, h.4

<sup>38</sup> *Ibid.*, 26.2.1946, h.2; dan Majlis, 12.4.1947, h.6

<sup>39</sup> Seorang pembaca 'Cenderawasih' mencadangkan supaya pertubuhan Melayu yang banyak itu disatukan kerana sekiranya banyak pertubuhan didirikan akan menyebabkan berlaku perlagaan sesama sendiri. Lihat, *Warta Negara*, 22.5.1946, h.2. Seorang lagi pembaca mencadangkan supaya Kesatuan dan Persatuan Melayu Pulau Pinang itu digabungkan. Lihat, *Warta Negara*, 20.4.1946, h.2.

<sup>40</sup> Akhbar *Warta Negara* diterbitkan di Pulau Pinang pada akhir tahun 1945 oleh A. Jailani sebagai menggantikan akhbar Jepun *Penang Shinbun* yang dihentikan penerbitannya kerana tamatnya pendudukan Jepun. Pengarang pertama dan utama akhbar ini ialah Ibrahim bin Mahmood. Akhbar ini memainkan peranan penting dalam menggerakkan semangat orang-orang Melayu Negeri Pulau Pinang menentang Malayan Union. Keterangan Ibrahim bin Mahmood. Temutanya di rumah beliau pada 17.4.1976. Lihat juga, Federation of Malaya, Department of Public Relation, *Secretarist*. No. FS. 11494/148.

dalam beberapa Rencana Pengarangnya telah mempersoalkan tentang penyatuan dan perpaduan ini. Umpamanya dalam satu Rencana Pengarang-pengarangnya menulis:

Bahawasanya nasib bangsa kita bergantung kepada suatu jalan sahaja iaitu memperkenalkan bangsa kita kepada dunia .... dengan mendirikan kesatuan bangsa ... di bawah pimpinan yang satu dan bekerja untuk tujuan bangsa .... sekiranya tidak bersatu padu, tidak ada harapan bangsa kita akan hidup. Ingatlah masa dan keadaan sekarang menuntut supaya bangsa kita, bukan sahaja sekampung akan tetapi seluruh Malaya mesti bersatu. Sekarang dunia sudah bersatu bangsa kita bila lagi.<sup>41</sup>

Penyatuan dan perpaduan seperti ini disedari juga oleh pemimpin-pemimpin pertubuhan. Berhubung dengan itu, pada 19 Januari 1946, PMPP telah menganjurkan satu perjumpaan orang Melayu yang terdiri dari cerdik-pandai, hartawan, ketua-ketua kampung dan alim ulamak Melayu seluruh Negeri Pulau Pinang. Tujuan utama perjumpaan ini ialah untuk mencari jalan membaiki ekonomi dan memilih pucuk pimpinan PMPP kerana di kalangan orang Melayu telah terdapat kecenderungan mahu menjadikan PMPP sebagai pertubuhan Melayu yang tunggal bagi orang Melayu Negeri Pulau Pinang.<sup>42</sup>

Perjumpaan tersebut telah berjaya menubuhkan satu Lembaga Pinjaman Wang Kaum Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai. Lembaga ini mengandungi enam belas orang anggota yang dipimpin oleh Yusoff Izzuddin.<sup>43</sup> Bagaimanapun, perjumpaan itu mengambil keputusan supaya pemilihan pemimpin PMPP dijalankan pada perjumpaan akan datang. Majlis itu juga memutuskan supaya setiap mukim di Pulau Pinang dan Seberang Perai supaya memilih wakil masing-masing ke perjumpaan akan datang itu. Untuk menjamin supaya PMPP benar-benar mewakili seluruh orang Melayu, maka Ahli-ahli Jawatankuasa akan dipilih dari

---

<sup>41</sup> Warta Negara, 17.1.1946, h.2

<sup>42</sup> Warta Negara, 18.1.1946, h.2.

<sup>43</sup> Warta Negara, 21.1.1946, h.2. Antara lain-lain anggota Lembaga tersebut termasuklah wakil-wakil dari Seberang Perai iaitu Haji Abdullah Fahmi, Haji Hashim, dan Haji Abdul Kadir. Sementara dari Pulau Pinang ialah Haji Mansor, Haji Rafai, Sulong bin Haji Mohamad dan Ibrahim bin Mahmood.

wakil-wakil mukim yang hadir<sup>44</sup> dalam perjumpaan tersebut.

Cara memilih pemimpin Melayu dari wakil mukim merupakan cara yang belum pernah dijalankan sebelum ini. Ini merupakan satu percubaan awal menjadikan PMPP sebagai pertubuhan tunggal bagi seluruh orang Melayu Negeri Pulau Pinang. Bagaimanapun, pucuk pimpinan yang akan dipilih nanti dapat mencorakkan apakah peranan yang akan dimainkan oleh PMPP sama ada dapat mewakili seluruh orang Melayu atau tidak. Berhubung dengan perkara ini Warta Negara menulis:

[Orang-orang Melayu harus] menghalusi dan beringat-ingat kepada sikap atau syarat-syarat yang dikehendaki kepada seseorang yang akan dipilih menjadi pegawai, terutama, Yang Dipertua Persatuan Melayu itu .... Yang Dipertua itu mestilah seorang yang bebas dan berleluasa daripada pengaruh atau ikatan ke atas dirinya seperti pengaruh wang dan ikatan pekerjaan dan pangkat jawatan yang ia di dalamnya .... Yang Dipertua bagi sebuah persatuan bangsa dan siasah sebagai Persatuan Melayu Pulau Pinang .... pemimpin itu mesti berani dan mengutamakan muslihat am daripada muslihat sendiri. Sebagai seorang kakitangan kerajaan sudah tentu tiada berjaya hendak bekerja sebagai seorang yang bebas dan berani maklumkan muslihat am daripada muslihat periuk nasi dan pangkat jawatannya.<sup>45</sup>

Warta Negara berpendapat bahawa PMPP boleh diwakili oleh orang Melayu Negeri Pulau Pinang, dan sifat-sifat yang ada pada pemimpin-pemimpin yang dipilih janganlah menjadi penghalang kepada perjuangan persatuan untuk memperjuangkan kepentingan orang Melayu. Akhbar ini menyedari iaitu sekiranya bakal pemimpin itu terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan maka pergerakan Persatuan Melayu dan kemahuan orang Melayu yang besar pada masa ini harus tidak dapat berjalan dengan sempurna dan

---

<sup>44</sup> Perjumpaan ini sebenarnya ialah untuk memilih pegawai-pegawai bagi memimpin PMPP yang baru ditubuhkan semula selepas pendudukan Jepun. Oleh sebab pemimpin-pemimpin Persatuan ini terdiri dari cerdik-pandai, mempunyai hubungan rapat dengan Pemerintah British dan kegiatan sosial dan kebajikan mereka diketahui umum, maka pada umumnya orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai menerima pertubuhan ini sebagai lebih layak mewakili orang Melayu.

<sup>45</sup> Warta Negara, 21.1.1946, h.2.

berjaya. Akhbar ini mengingatkan juga supaya pemilihan itu janganlah hendaknya jatuh .... kepada bukan tempatnya.

Dalam perjumpaan yang diadakan kemudiannya, satu kekecohan telah berlaku berpunca dari cara yang akan digunakan bagi memilih pegawai-pegawai PMPP walaupun cara itu telah dipersetujui sebelumnya iaitu Yang Dipertua, Setiausaha dan Bendahari hendaklah dipilih dari wakil-wakil kampung dan mukim.<sup>46</sup> Keadaan ini menyebabkan majlis itu terbahagi kepada dua golongan iaitu golongan intelek yang kebanyakannya berpendidikan barat dan orang kampung yang berjiwa kebangsaan Melayu. Orang kampung mahukan cara yang dipersetujui pada mesyuarat yang pertama dahulu dikekalkan, sementara golongan intelek pula mahukan penamaan calon dibuat dalam majlis tersebut, iaitu satu cara lama yang diamalkan oleh PMPP sebelum ini. Golongan intelek ini yang merupakan bekas pemimpin PMPP mahukan cara lama itu dikekalkan kerana dengan berbuat demikian, mereka mempunyai peluang besar untuk menang.<sup>47</sup> Orang kampung yang terdiri dari orang Melayu 'jati' menganggap pemimpin-pemimpin PMPP yang lama sebagai pro-Inggeris dan gila pangkat.<sup>48</sup> Sementara itu beberapa orang bekas pemimpin PMPP seperti Mohamed Nor bin Ahmad, Abdullah bin Ariff dan Yusoff Izzuddin pernah dianggap sebagai propagandis Jepun.<sup>49</sup>

Bagaimanapun apabila pencalonan dibuat dengan mengikut cara lama bagi jawatan Yang Dipertua nama-nama C.M. Hashim,

---

<sup>46</sup> Sebelum Perang Dunia Kedua, pencalonan kepada pegawai-pegawai PMPP dibuat di dalam Mesyuarat agung. Pencalonan cara baru, iaitu calon-calon dipilih pada peringkat kampung dan mukim terlebih dahulu, bertujuan untuk mengubah struktur dan kepimpinan PMPP supaya ia menjadi pertubuhan yang benar-benar mewakili orang-orang Melayu Negeri Pulau Pinang seluruhnya, dan tidak dikuasai oleh segolongan kecil orang-orang yang pro Inggeris.

<sup>47</sup> Mengikut Mohamed Nor bin Ahmad, adalah menjadi kebiasaan pemimpin-pemimpin PMPP mengadakan jamuan untuk ahli-ahli PMPP beberapa hari sebelum mesyuarat agung diadakan. Ini bertujuan untuk memancing undi. Oleh sebab itu adalah mudah untuk meramal siapa yang akan menang dalam pemilihan nanti dengan hanya melihat ahli-ahli yang hadir pada mesyuarat tersebut. Keterangan Mohamed Nor bin Ahmad. Temutanya di rumah beliau pada 2.6.1976. Keterangan ini diakui oleh Mohd. Zain bin Ahmad. Temutanya di rumah beliau pada 5.6.1976.

<sup>48</sup> Warta Negara, 28.1.1946, h.2

<sup>49</sup> Yusof Izzuddin telah dilantik oleh Jepun menjadi Yang Dipertua *Malai San Koi Kai* atau Persatuan Kebajikan Melayu iaitu sebuah pertubuhan yang mewakili orang-orang Melayu. Mengikut Mohamed Nor bin Ahmad, kerjasama ini adalah pada zahir sahaja. Apa yang sebenarnya ialah beliau bersama pejuang-pejuang Melayu yang lain menentang Jepun secara diam-diam. Keterangan Mohamed Nor bin Ahmad. Temutanya di rumah beliau pada 2.6.1976.

Yusoff Izzuddin dan Dr. K.M. Ariff telah dicalonkan. Ketiga-tiga mereka ini adalah bekas pemimpin-pemimpin PMPP. Apabila diundi Yusoff Izzuddin mendapat lebih dari dua ratus suara sementara lawannya yang lain masing-masing mendapat kurang dari dua puluh undi.<sup>50</sup>

Keputusan mesyuarat agung itu telah menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan orang Melayu kerana pucuk pimpinan PMPP dipegang oleh Yusuf Izzuddin seorang Melayu Peranakan.<sup>51</sup> Mereka bukan sahaja berharap seorang Melayu Jati memimpin PMPP, tetapi orang yang benar-benar mahu dan dapat memperjuangkan kepentingan Melayu seluruhnya. Dengan terpilihnya seorang Peranakan, PMPP diandaikan akan terus menari mengikut rentak lama. Perasaan tidak puas hati itu juga timbul kerana suara ramai dibelakangkan dan mesyuarat itu dikatakan palsu.

Kekalahan merebut pucuk pimpinan PMPP oleh orang kampung dapat dikatakan terletak sebahagian besarnya ke atas penyertaan golongan ini dalam perjumpaan tersebut. Wakil-wakil dari Seberang Perai yang bersetuju pada mulanya untuk hadir telah menarik diri dari turut serta disebabkan ada cita-cita di kalangan pemimpin-pemimpinnya mahu menghidupkan semula Persatuan Melayu Seberang Perai. Ini melemahkan suara orang kampung kerana kebanyakan daripada pemimpin-pemimpin dari golongan ini berada di Seberang Perai. Tambahan pula tidak semua wakil kampung dan mukim di Pulau Pinang sendiri hadir dalam perjumpaan tersebut. Tempat perjumpaan itu ialah George Town dan memberi lebih peluang kepada golongan intelek dan penyokong-penyokongnya hadir.

Matlamat asal untuk menjadikan PMPP sebagai pertubuhan tunggal yang mewakili seluruh orang Melayu bukan sahaja tidak tercapai, malah meninggalkan kesan yang melemahkan perpaduan orang Melayu. Pertubuhan seperti Kesatuan Melayu Pulau Pinang dan Persatuan Melayu Seberang Perai mula mengukuhkan kedudukan masing-masing dengan menambah ahli dan menubuhkan

---

<sup>50</sup> Mengikut Mohamed Nor bin Ahmad, kemenangan Yusuf Izzuddin itu memang tidak diduga. Perubahan ini adalah kerana pencalonan namanya itu dibuat oleh seorang musuh ketatnya sendiri. Keterangan Mohamed Nor bin Ahmad. Temutanya di rumah beliau pada 2.6.1976.

<sup>51</sup> Pegawai-pegawai lain yang dipilih ialah Haji Ahmad Mokhtar, Haji Teh Ali, Syed Said Aidid, Hamid Khan, Mohd Ali Rouse dan S.M. Hussain. *Warta Negara*, 28.1946 h.2.



cawangan-cawangan baru. Sementara PMPP pula, mungkin untuk membuktikan bahawa kegiatannya tidak terhad kepada orang Melayu di bandar sahaja, telah mula menubuhkan cawangan baru di beberapa kawasan yang jauh dari bandar. Perpecahan ini juga menimbulkan kekeliruan di kalangan ahli-ahli dan sebahagian daripada pemimpin-pemimpin. Oleh sebab itu tidak menjadi keanehan seseorang itu menjadi ahli kepada lebih dari satu pertubuhan yang berbau politik.

Perpecahan di kalangan pemimpin-pemimpin Melayu menyebabkan tindakan menentang gagasan Malayan Union tidak dapat dijalankan dengan berkesan. Walaupun pada umumnya semua pertubuhkan Melayu menentang gagasan ini, tetapi tindakan mereka itu dijalankan secara berasingan. Pertubuhan Melayu Negeri Pulau Pinang yang pertama mengemukakan bantahan ialah Kesatuan Melayu Pulau Pinang. Pertubuhan ini mengambil keputusan tidak bersetuju dengan cadangan Malayan Union yang akan memberi taraf yang sama kepada semua bangsa.<sup>52</sup> Di samping itu, pertubuhan ini tidak membangkang jika ada cadangan United Malay States yang bererti mengawal hak-hak Melayu. KMPP dapat bertindak segera kerana kebanyakan pemimpin-pemimpinnya juga memimpin KMM iaitu pertubuhan yang bekerjasama dengan Jepun. Pemimpin-pemimpinnya dapat mengambil bahagian secara cergas dalam perkembangan politik tanah air walaupun secara senyap berbanding dengan pemimpin-pemimpin pertubuhan lain. Sebaliknya, pertubuhan lain terutamanya PMPP, menghentikan kegiatan masing-masing. Pemimpin-pemimpin PMPP menyedari adalah bahaya meneruskan kegiatan walaupun di dalam bidang sosial dan ekonomi kerana pertubuhan ini terkenal dengan sifat pro-Inggerisnya. Cuma selepas tahun 1945 baharulah pertubuhan-pertubuhan lain menentukan sikap masing-masing.

Apabila Kertas Putih Malayan Union diterbitkan dan jelas gagasan Malayan Union itu mahu dilaksanakan pada bulan April, seruan supaya orang Melayu bersatu padu semakin lantang. Walaupun perpaduan pada peringkat Negeri Pulau Pinang tidak berjaya berikutan dengan gagalnya perjumpaan pada bulan Januari itu, namun seruan masih juga diteruskan supaya orang Melayu bersatu. Akhbar Warta Negara menulis:

---

<sup>52</sup> Seruan Rakyat, 29.12.1945, h.2

Segala gerak atau suatu jerik pekik bantahan itu sudah nampaknya tiada laku .... bagaimanapun orang ramai Melayu adalah dikehendaki sekarang menyatukan fikiran atas apa-apa langkah yang difikirkan menasabah dan berfaedah yang harus diadakan terhadap kepada kemahuan Kertas Putih itu atau bersedia dengan sesuatu pendirian yang lain untuk menentang kedatangan Kesatuan Melayu itu.<sup>53</sup>

Berhubung dengan itu Warta Negara juga menganjurkan supaya satu persidangan orang Melayu seluruh Tanah Melayu diadakan. Persidangan ini akan disertai oleh kesemua pertubuhan Melayu yang ada di Tanah Melayu. Cadangan untuk mengadakan persidangan Melayu itu disambut baik oleh semua pertubuhan Melayu Negeri Pulau Pinang, dan masing-masing memberi persetujuan untuk menghantar wakil. Dalam persidangan yang diadakan kemudiannya, KMPP diwakili oleh Yusof Izzuddin (ketua), Haji Tah Ali, dan Mohd Zain Ahmad (pemerhati); KMPP diwakili oleh Ibrahim bin Mahmood (ketua), Abdul Majid bin Abdul Hamid Mohammad bin Zainal (pemerhati) dan Abu Hassan bin Omar (pemerhati); dan, PMSP diwakili oleh Hashim bin Awang (ketua), Haji Ahmad bin Haji Abdul Malek, Zakaria bin Salleh, Mohd. Sofee bin Sheikh Ibrahim dan Abdul Majid bin Said (pemerhati).<sup>54</sup> Bagaimanapun, PKMM Cawangan Balik Pulau dan Bukit Mertajam tidak menghantar wakil masing-masing kerana telah diwakili oleh PKMM pusat.

Persidangan itu telah memberi kesempatan kepada wakil-wakil mengemukakan pandangan masing-masing mengenai perkara yang berkaitan dengan kepentingan orang Melayu terutamanya mengenai kemajuan orang Melayu dan Malayan Union. Di samping itu, persidangan itu akan mengambil suatu keputusan bersama berhubung dengan perkara yang dibangkitkan. Ketiga-tiga pertubuhan yang mewakili orang Melayu Negeri Pulau Pinang telah mengemukakan pandangan dan cadangan masing-masing secara berasingan. Walaupun pada keseluruhannya ketiga-tiga pertubuhan itu menyatakan tentangan masing-masing terhadap Malayan Union tetapi jalan penyelesaian yang dikemukakan adalah berbeza. PMPP mengambil jalan mudah dan mencadangkan

---

<sup>53</sup> Warta Negara, 24.1.1946, h.1

<sup>54</sup> UMNO Sepuluh Tahun 1946—1956, Daud Press, Pulau Pinang, 1956, h.19  
Lihat juga, warta Negara, 12.3.1946, h.2

supaya Pulau Pinang dan Seberang Perai dikembalikan kepada Kerajaan Kedah.<sup>55</sup> PMSP pula mencadangkan supaya nama Malayan Union itu diubah kepada Union of Malay States atau United States of Malaya atas alasan bahawa Tanah Melayu adalah hak orang Melayu.<sup>56</sup>

Berbanding dengan PMPP dan PMSP, KMPP lebih memperlihatkan sikap kebangsaan Melayu. Wakil-wakil KMPP mencadangkan supaya persidangan itu mengambil keputusan dengan sebulat suara menuntut dibatalkan sahaja perjanjian-perjanjian yang dibuat di antara Harold MacMichael dengan Raja-raja Melayu. KMPP menganggap perjanjian-perjanjian itu sebagai tidak sah dan berharap persidangan itu mengambil sikap yang sama. Untuk menonjolkan identiti dan hak-hak orang Melayu, KMPP meminta penggunaan perkataan 'Malaya' dihapuskan dan digantikan dengan perkataan 'Malay Peninsula' KMPP juga meminta supaya persidangan itu mengambil keputusan 'mengiktiraf Negeri-Negeri Melayu sebagai hak orang Melayu dan orang Melayu sebagai penduduk asli Tanah Melayu. KMPP juga mencadangkan supaya Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi negeri ini.<sup>57</sup>

Sebagai langkah untuk menjamin kedudukan orang Melayu pada masa yang akan datang, KMPP bersetuju dengan cadangan wakil negeri Selangor supaya sebarang perjanjian baru yang akan dimetri hendaklah dibuat dengan pengetahuan dan persetujuan orang Melayu seluruhnya. Taraf kerakyatan, jika hendak diberikan juga kepada orang bukan Melayu, mestilah diberi kepada orang yang betul-betul berjasa. Jawatan tinggi atau rendah dalam negeri tidak boleh dibuka dengan luas kepada orang bukan Melayu; dan hendaklah orang Melayu diberi tempoh lima puluh tahun supaya mereka dapat dilatih untuk memegang jawatan tinggi pentadbiran. Tanah simpanan Melayu hendaklah dikekalkan dan diluaskan; dan, pintu masuk ke Tanah Melayu hendaklah ditutup kepada orang luar.<sup>58</sup>

Pada akhir persidangan tersebut, ketiga-tiga pertubuhan dari Negeri Pulau Pinang bersama dengan tiga puluh lapan pertubuhan Melayu yang lain telah mengambil keputusan membantah

---

<sup>55</sup> Warta Negara, 30.3.1946, h.2

<sup>56</sup> Ibid., 28.3.1946, h.2.

<sup>57</sup> Ibid., 26.3.1946, h.2.

<sup>58</sup> Ibid., 26.3.1946, h.2.

pemindahan kuasa Raja-Raja Melayu kepada Kerajaan British dan cadangan-cadangan Malayan Union. Bantahan yang terkandung dalam satu ketetapan itu akan dihantar kepada Perdana Menteri British dan beberapa orang lain yang berkenaan.<sup>59</sup> Persetujuan dengan sebulat suara terhadap ketetapan itu menunjukkan wujudnya perpaduan pada peringkat kebangsaan dalam usaha menentang Malayan Union. Dalam konteks gerakan politik orang Melayu Negeri Pulau Pinang penyertaan tiga buah pertubuhan Melayu dan dua belas orang wakil bagi sebuah negeri yang mempunyai penduduk Melayu yang kecil berbanding dengan negeri-negeri lain menunjukkan longgarnya hubungan dan perpaduan di kalangan pemimpin Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai.<sup>60</sup> Keadaan ini bertambah ketara lagi kalau ditinjau cadangan-cadangan yang dibawa oleh tiap-tiap pertubuhan itu. PMPP lebih menekankan kepada perkara ekonomi, sementara KMPP lebih menekankan perkara politik.<sup>61</sup> Walaupun soal kemajuan politik, ekonomi dan sosial disentuh oleh ketiga-tiga pertubuhan itu, tetapi cadangan-cadangan yang dibawa adalah berbeza dan ada yang bertentangan.<sup>62</sup>

Bentuk perwakilan Negeri Pulau Pinang juga dapat memperlihatkan sejauh mana kesedaran kebangsaan dan kesedaran politik meresap masuk ke dalam pertubuhan-pertubuhan Melayu Negeri Pulau Pinang dan pemimpin-pemimpinnya. Walaupun penduduk Melayu adalah kecil bilangannya berbanding dengan penduduk Melayu di negeri-negeri lain, Negeri Pulau Pinang telah diwakili

---

<sup>59</sup> Ketetapan Kongres ialah:— "Adalah ditetapkan oleh Kongres wakil-wakil persekutuan-persekutuan Melayu Semenanjung Tanah Melayu yang bersidang di Kuala Lumpur membantah akan pindahan kuasa Raja-Raja Melayu dan cadangan Malayan Union bagaimana terkandung dalam satu ketetapan yang kelak akan dibawa dan dihantarkan bantahan itu kepada Perdana Menteri serta lain-lain orang yang dipilih dan ditentukan oleh pengerusi Kongres itu." Ketetapan itu dibawa oleh Kesatuan Melayu Singapura, disokong oleh Persatuan Melayu Pulau Pinang dan diterima setelah dibuat beberapa pindaan. Lihat, *Warta Negara*, 2.4.1946, h.3.

<sup>60</sup> Negeri Pulau Pinang menduduki tempat keenam dari segi bilangan penduduk Melayu, tetapi menduduki tempat keempat dari segi bilangan perwakilan dan peserta di dalam Kongres. Lihat, *UMNO Sepuluh Tahun 1945-1956*, op. cit, h.18; dan, *Federation of Malaya, A Report on the 1947 Census of Population*, Govt. Printer, Kuala Lumpur, 1949, h.134.

<sup>61</sup> Antara cadangan PMPP yang bersifat ekonomi ialah cadangan menubuhkan Bank Kebangsaan. PMPP juga menyokong cadangan supaya dibentuk satu jawatan-kuasa perniagaan. *Warta Negara*, 22.3.1946, h.2

<sup>62</sup> PMPP dan KMPP bersetuju diadakan Derma Pelajaran, tetapi cara mendapatkan derma itu tidak terdapat kata sepakat. *Warta Negara*, 17.4.1946, h.3; dan, 16.4.1946, h.3.

oleh dua belas orang. Ini memperlihatkan sejauh manakah minat pemimpin-pemimpin Pulau Pinang dan Seberang Perai terhadap politik kebangsaan. Bagaimanapun, minat terhadap politik kebangsaan terutamanya berhubung dengan Malayan Union nampaknya lebih ditunjukkan oleh KMPP dan PMSP daripada PMPP. KMPP dan PMSP masing-masing menghantar lima orang wakil berbanding dengan dua orang yang dihantar oleh PMPP, walaupun dari segi kewangan PMPP lebih berkemampuan.

PMPP memperlihatkan sikap konservatifnya dengan membuat usul supaya Pulau Pinang dan Seberang Perai dikembalikan kepada Kerajaan Kedah. Sementara dua pertubuhan lagi, terutamanya KMPP, memperlihatkan sikap politik yang radikal apabila pertubuhan tersebut menyentuh mengenai identiti kemelayuan yang harus ada di Tanah Melayu seperti bahasa dan nama negeri. Mereka mahukan Tanah Melayu, Bahasa Melayu dan Askar Melayu serta menuntut hak-hak istimewa diberi kepada orang Melayu.

Tindakan menentang Malayan Union dipesatkan lagi berikutan dengan keazaman Kerajaan British hendak melaksanakan gagasan tersebut. Sesuai dengan arahan Kongres, pemimpin Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai telah memboikot Majlis Mesyuarat Luar bandar, Majlis Mesyuarat George Town dan Majlis Mesyuarat Seberang Perai sebagai bantahan terhadap Kerajaan British.<sup>63</sup> Pemboikotan ini diteruskan apabila *Settlement Advisory Council* ditubuhkan dan kemudian mengadakan mesyuaratnya yang pertama pada 14 November 1946,<sup>64</sup> walaupun diberitahu penubuhan Majlis tersebut bukan tertakluk kepada arahan

---

<sup>63</sup> Di bawah pentadbiran BMA, tiga Majlis Mesyuarat telah dibentuk untuk menimbangkan masalah-masalah tempatan. Apabila kerajaan awam dipulihkan (Kerajaan Malayan Union), ketiga-tiga Majlis itu, tanpa kehadiran wakil-wakil Melayu, telah bersetuju menubuhkan *Settlement Advisory Council*. Telah juga dipersetujui bahawa anggota Majlis tersebut akan terdiri dari 16 orang. Empat daripadanya ialah wakil-wakil Melayu. Lihat, "Annual Report for the Settlement of Penang for the Year 1946", dalam Fail Malayan Union, Bil. 2823/1947. Anggota-anggota ketiga-tiga Majlis tersebut ialah Dr. K.M. Ariff, dan S.M. Baharuddin (George Town), Haji Kadir bin Haji Hassan, Haji Hassan bin Haji Jusoh dan Ismail bin Shamsuddin (Seberang Perai), S.M. Aidid, J. Hashim bin Sulaiman dan Ibrahim bin Mahmood (Luar bandar). Lihat, *Warta Negara*, 8.4.1946 h.4; dan, *Sunday Gazette*, 7.4.1946.

<sup>64</sup> Anggota-anggota Melayu dalam Majlis tersebut bagi tahun 1948 terdiri dari Hashim bin Awang dan Haji Ahmad bin Yusoff (Seberang Perai), Dr. K.M. Ariff (George Town), dan S.M. Aidid (Luar bandar). Lihat, *Malay Mail*, 31.1.1948, h.5 dan, *Majlis*, 29.1.1948, h.5

Malayan Union.<sup>65</sup> Bagaimanapun, pemboikotan itu tidak dikenakan kepada semua kegiatan pemerintah. Wakil-wakil Melayu dalam Majlis Penasihat Seberang Perai masih menyertai perbahasan walaupun secara bergilir-gilir.<sup>66</sup> Orang Melayu juga bekerjasama dengan Pemerintah apabila mereka menyertai perayaan menyambut Hari Kemenangan.<sup>67</sup>

Sementara itu lawatan dua orang ahli parlimen Inggeris iaitu Lt. Col. Rees William dan Captain Gammans ke Tanah Melayu bagi meninjau sikap penduduk Tanah Melayu berhubung dengan Malayan Union telah memberi peluang kepada orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai menyatakan pendirian mereka. Satu pertemuan di antara Lt. Col. Rees Williams dengan pemimpin-pemimpin Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai telah diadakan pada 26 Mei 1946. Di antara pemimpin-pemimpin Melayu yang hadir termasuklah S.M. Aidid, Dr. K.M. Ariff, Haji Ahmad Mokhtar dan S.M. Zainal Abidin.<sup>68</sup> Kebanyakan pemimpin yang hadir dalam majlis tersebut adalah terdiri dari ahli-ahli Persatuan Melayu Pulau Pinang. Ini mungkin disebabkan kerana perjumpaan tersebut adalah dianjurkan oleh pertubuhan tersebut.

Ketika berucap dalam majlis tersebut, Dr. K.M. Ariff yang mewakili orang Melayu berkata:

Bahawa oleh British yang sendiri sangat sayang akan perlembagaan negeri yang beraja dan sayang kepada segala adat istiadat yang ada di dalam negeri-negeri yang beraja itu patutlah menjadi orang-orang yang mula-mula sekali faham akan kemarahan orang-orang Melayu apabila mereka lihat yang binaan politik bangsa mereka dibuang sebagai sampah

---

<sup>65</sup> Lihat, "Minutes of the First Penang Settlement Advisory Council Meeting Held at the Resident Commissioner's Office...", dalam, Fail Malayan Union, Bil. 9928/1946.

<sup>66</sup> Warta Negara, 11.4.1946, h.4. Haji Hassan bin Haji Jusoh dan Penghulu Ismail bin Shamsuddin, keduanya wakil-wakil Melayu dalam Majlis Penasihat Seberang Perai menghadiri Majlis tersebut secara bergilir-gilir. Ini membolehkan perbincangan di dalam Majlis sampai ke pengetahuan orang-orang Melayu. Lihat, Warta Negara, 9.5.1946, h.4.

<sup>67</sup> Orang Melayu Negeri Pulau Pinang telah menerima \$400,000.00 dari Pemerintah British bagi merayakan Hari Kemenangan pada 8.6.1946. Warta Negara, 6.6.1946, h.4. Tindakan ini berikutan dengan nasihat Dato Onn bin Jaafar supaya orang-orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai merayakan hari tersebut. Warta Negara, 3.6.1946, h.2.

<sup>68</sup> *Straits Echo*, 27.5.1946.

tawarikh. Tiada menjadi bijak mempermudah-mudahkan perasaan kebangsaan atas perkara-perkara sebagai itu. Perasaan itu adalah tersemai dari dahulu lagi dan tersemai dengan dalamnya pada masa ini dan Sultan-Sultan itu serta negeri-negeri mereka adalah bermakna sama kepada orang-orang Melayu sebagaimana baginda King dan segala-gala bercorak dengan nama England itu kepada bangsa Inggeris. Sungguhpun kami orang-orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai ialah rakyat baginda King tetapi kami ada mengambil berat atas taraf Raja-Raja Melayu, kami tiada boleh duduk diam kepada perubahan yang akan dibawa oleh rancangan Malayan Union itu dan pada petang ini kami cuba memberi faham kepada tuan pandangan Melayu kepadanya.<sup>69</sup>

Satu perkara yang jelas dalam ucapan tersebut ialah orang Melayu Negeri Pulau Pinang menyedari bahawa mereka adalah rakyat British. Namun begitu, institusi beraja yang wujud di negeri-negeri Melayu itu mahu dipertahankan supaya tidak diubah oleh gagasan Malayan Union.

Selain daripada pertemuan di antara Lt. Col. Rees Williams dengan pemimpin-pemimpin Melayu, perhimpunan ramai orang Melayu juga telah diadakan di Pulau Pinang dan Seberang Perai. Perhimpunan ramai di Pulau Pinang diadakan pada 1 Jun 1946 bertempat di padang sekolah Francis Light. Tujuan utama perjumpaan ini ialah untuk menunjukkan kepada wakil Kerajaan British itu tentang sikap dan pendirian orang Melayu Pulau Pinang mengenai gagasan Malayan Union. Walaupun rancangan Captain Gammans dibatalkan kemudiannya, namun perhimpunan tersebut diadakan juga dengan dihadiri oleh beribu-ribu orang Melayu, lelaki, perempuan dan kanak-kanak.<sup>70</sup> Di antara pemimpin Melayu yang turut serta dalam perjumpaan itu termasuklah Dato Onn bin Jaafar selaku Yang Dipertua Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PERKEMBAR) S.M. Aidid, Pemangku Yang Dipertua PMPP; dan, Ibrahim bin Mahmood dari KMPP yang juga menjadi Setiausaha Jawatankuasa Sambutan perhimpunan tersebut.

---

<sup>69</sup> Warta Negara, 27.5.1946, h.4. Lihat juga, Straits Echo, 27.5. 1946. Mengenai kandungan penuh ucapan Dr. K.M. Ariff, sila lihat Lampiran B.

<sup>70</sup> Warta Negara 3.6.1946, h.2. Lihat juga, J.V. Morais, *Hidup Melayu*, (Tanpa Penerbit), Ipoh, 1946, 1946, h.25.

Apa yang menarik dalam perjumpaan ini ialah buat kali pertamanya di Pulau Pinang sesuatu perhimpunan ramai dihadiri oleh wanita dan kanak-kanak dan mengambil bahagian dalam satu demonstrasi politik bersama dengan kaum lelaki.<sup>71</sup> Lebih menarik lagi ialah semangat yang ditunjukkan di dalam perjumpaan itu yang dapat dinilai sebahagiannya dari sepanduk-sepanduk dan cogan-cogan kata yang dibentangkan. Di antara cogan kata yang dapat membayangkan sikap orang-orang Melayu terhadap Malayan Union berbunyi 'Kertas Putih Tujuan Hitam', 'Neraka Jahanam Menunggu MacMichael' dan 'Hancurkan Malayan Union'. Satu lukisan kartun juga dibentangkan. Kartun ini menggambarkan seorang Melayu dipaksa menandatangani satu perjanjian dengan selaras pistol dihalakan kepadanya.<sup>72</sup> Selain daripada itu, terdapat juga cogan kata seperti 'Biar Mengalir Darah, Jangan Melayu Akan Diserah', 'Biarlah Nyawa Binasa Jangan Hilang Bangsa' dan 'Hidup Melayu'.<sup>73</sup>

Ibrahim bin Mahmood, dalam ucapan mengalu-alukan Dato Onn bin Jaafar, menyatakan sokongan orang Melayu Pulau Pinang terhadap usaha dan cita-cita yang diperjuangkannya. Berhubung dengan peranan orang Melayu Negeri Pulau Pinang, beliau menyatakan:

Sungguhpun kami sedang di dalam kawasan yang berlainan kedudukannya di dalam siasah daripada lain-lain negeri Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu ini, akan tetapi, sebagai bangsa Melayu, tetap berdiri sebagaimana pendirian saudara-saudara kami umat Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu ini, di belakang Dato Onn dan pada hari ini kami berikrar ... dan mengaku akan bekerjasama ... dengan segala daya upaya kami di dalam segala muslihat bangsa dan tanah air Melayu...<sup>74</sup>

Ucapan itu menggambarkan bahawa perjuangan menentang Malayan Union itu adalah perjuangan seluruh orang Melayu tanpa mengira batas-batas politik dan negeri.

Turut sama berucap dalam perhimpunan itu ialah wakil dari kaum ibu, kanak-kanak lelaki dan perempuan. Hasnah binti Ishak

---

<sup>71</sup> J. V. Morais, op. cit., h.25

<sup>72</sup> Warta Negara, 3.6.1946, h.2; dan J. V. Morais, op. cit., h.25

<sup>73</sup> Warta Negara, 3.6.1946, h.2

<sup>74</sup> *Ibid.*, 3.6.1946, h.2. Ucapan penuh Ibrahim bin Mahmood lihat Lampiran C.



yang mewakili kaum ibu ketika berucap mengatakan kedudukan kaum ibu dalam pergerakan menentang Malayan Union ini adalah sangat penting. Beliau mensifatkan masa ini sebagai masa yang sangat genting, masa yang maha sulit dan rumit kepada bangsa Melayu. Kaum ibu harus turut serta mendirikan persatuan yang teguh dan kukuh untuk membela negeri dan bangsa.<sup>75</sup> Ishak bin Che Mat dan Khairun binti Mohd Said, masing-masing mewakili kanak-kanak lelaki dan perempuan juga turut menyatakan sokongan kepada perjuangan Dato Onn bin Jaafar.<sup>76</sup>

Perhimpunan orang Melayu menentang Malayan Union juga diadakan di Butterworth, Seberang Perai. Perjumpaan ini dianjurkan oleh Persatuan Melayu Seberang Perai. Seramai lebih dari 5,000 orang Melayu dari seluruh Seberang Perai turut serta dalam perhimpunan tersebut.<sup>77</sup> Perhimpunan ini telah meninggalkan kesan kepada dua orang wakil Kerajaan British yang menyaksikan perhimpunan tersebut.<sup>78</sup> Perhimpunan ramai itu juga menunjukkan bahawa kesedaran politik bukan sahaja terdapat pada pemimpin-pemimpin, tetapi juga pada para pengikut. Sepanduk yang dibentangkan dan ucapan yang disampaikan di perhimpunan besar Pulau Pinang menunjukkan orang Melayu memang menentang *Malayan Union*. Perhimpunan besar di Seberang Perai itu juga menyakinkan Captain L.D. Gammans bahawa gagasan Malayan Union ini bukan sahaja ditentang oleh satu golongan orang Melayu tetapi juga oleh kanak-kanak, kaum ibu dan pemuda.<sup>79</sup> Perhimpunan besar di Pulau Pinang pula merupakan kemuncak kegiatan orang Melayu Negeri Pulau Pinang menentang Malayan Union. Kegiatan penentangan pada umumnya adalah digerakkan oleh tiga buah pertubuhan Melayu iaitu PMPP dan KMPP di Pulau Pinang dan PMSP di Seberang Perai.

Pertubuhan Melayu di Pulau Pinang iaitu PMPP, KMPP dan PMSP telah wujud sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Penubuhan semula pertubuhan tersebut selepas perang adalah dalam rangka meneruskan cita-cita memajukan orang Melayu dari segi ekonomi, sosial dan politik. Bagaimanapun usaha mereka itu

---

<sup>75</sup> Warta Negara, 4.6.1946, h.3

<sup>76</sup> Warta Negara, 5.6.1946, h.2; dan, 6.6.1946, h.3. Ucapan penuh Ishak bin Mat, lihat Lampiran F.

<sup>77</sup> Akhbar *Malay Mail* dan Pengarang J.V. Morais memberi angka 5,000. Lihat, *Malay Mail*, 31.5.1946, h.2; dan, J.V. Morais, op. cit. h.25

<sup>78</sup> J.V. Morais, op. cit. h.25

<sup>79</sup> *Ibid.*, h.25

tersekat kerana tindakan politik Kerajaan British mahu melaksanakan gagasan Malayan Union. Malayan Union dianggap sebagai satu 'ancaman luar' yang membahayakan kepentingan politik orang Melayu. Justeru itu, perjuangan memajukan orang Melayu lebih bertumpu kepada kemajuan politik daripada ekonomi dan sosial. Kegiatan yang berbentuk politik lebih ketara berbanding dengan keadaan sebelum perang. Umpamanya terdapat kecenderungan untuk mengukuhkan kedudukan pertubuhan dengan cara meluaskan kegiatan pertubuhan tersebut. Di samping itu, pada peringkat negeri terdapat juga kecenderungan untuk menyatukan orang Melayu di bawah satu pucuk pimpinan. Tetapi usaha-usaha itu tidak banyak mendatangkan hasil kerana adanya perbezaan asas di antara pertubuhan-pertubuhan itu.

Sepanjang penentangan terhadap gagasan Malayan Union itu, terdapat juga kecenderungan yang lebih untuk bertindak secara bersendirian. Oleh sebab kurangnya perpaduan pada peringkat petempatan, maka kekuatan pertubuhan Melayu khususnya dan politik Melayu amnya bergantung sebahagian besarnya kepada pucuk pimpinan di luar Negeri Pulau Pinang. Bagaimanapun, orang Melayu Negeri Pulau Pinang telah memberi sumbangan dalam usaha menghapuskan Kerajaan Malayan Union pada 1 Februari 1948 apabila Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan. Bagi orang Melayu Negeri Pulau Pinang, ketenangan politik itu tidak berpanjangan kerana jaminan perlembagaan yang didapati oleh orang Melayu menyebabkan orang Bukan Melayu juga merasa perlu mendapatkan jaminan yang serupa di Tanah Melayu. Apabila orang Bukan Melayu menyusun tindakan untuk mendapatkan jaminan tersebut, orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai menghadapi satu ancaman baru. Kali ini ancaman dari percubaan Gerakan Pengasingan (*Secession Movement*) yang merupakan satu percubaan orang bukan Melayu hendak mengasingkan Pulau Pinang dan Seberang Perai dari Persekutuan Tanah Melayu.

# 3

## POLITIK MELAYU DAN GERAKAN PENGASINGAN

Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada Februari 1948.<sup>1</sup> sebagai penyelesaian kepada tuntutan orang Melayu. Bagi orang Melayu penghapusan Malayan Union itu dapat disifatkan sebagai satu kejayaan terbesar yang pernah mereka capai dalam perjuangan mereka. Perlembagaan Persekutuan telah memenuhi sebahagian besar daripada tuntutan orang Melayu dengan meletakkan mereka di tempat yang wajar dan mengembalikan kuasa politik Raja-Raja Melayu. Bagi orang Melayu Negeri Pulau Pinang, Perlembagaan Persekutuan bukan sahaja meletakkan kedudukan politik mereka setaraf dengan kedudukan orang Melayu di Negeri-negeri Melayu lainnya tetapi juga menjadikan kedudukan mereka lebih tinggi daripada orang bukan Melayu sekurang-kurangnya dilihat dari peluang orang Melayu mendapat taraf kerakyatan di bawah Perlembagaan yang baru itu berbanding dengan orang bukan Melayu. Sebelum ini taraf mereka adalah sama iaitu sebagai rakyat British. Bagi orang bukan Melayu di Negeri Pulau Pinang, kuatkuasa Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu itu merupakan kemuncak kebimbangan mereka terhadap masa depan sosial, ekonomi dan politik mereka di Tanah Melayu amnya dan di Negeri Pulau Pinang khususnya. Dalam hubungan ini Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah memainkan peranan penting dalam menentukan tindakan orang bukan Melayu melancarkan Gerakan Pengasingan atau *Secession Movement* sebagaimana juga Malayan Union mencetuskan penentangan orang Melayu.

---

<sup>1</sup> Berikutan dengan penentangan orang Melayu terhadap Kerajaan Malayan Union, Kerajaan British telah menerbitkan cadangan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada bulan Disember 1946 dan melantik satu Jawatankuasa yang terdiri dari dua belas orang untuk mengkaji dan membuat cadangan Perlembagaan.

## *Kegelisahan Dan Kebimbangan Orang Bukan Melayu*

Walaupun Gerakan Pengasingan itu dikatakan bermula pada akhir tahun 1948 tetapi perasaan tidak puas hati orang bukan Melayu di Negeri Pulau Pinang terhadap Kerajaan dan pemerintah British telah ada sejak akhir tahun 1945 lagi iaitu sejak gagasan Malayan Union diperkenalkan. Perasaan tidak puas hati ini pada umumnya mempunyai hubungan dengan tindakan Kerajaan British yang tidak mahu memasukkan Singapura ke dalam gagasan baru itu.

Kemunculan Gerakan Pengasingan yang agak lewat itu dapat dihubungkan dengan keadaan orang bukan Melayu selepas perang dan suasana politik Tanah Melayu pada masa itu amnya dan di Negeri Pulau Pinang khususnya. Selepas pendudukan Jepun perhatian yang agak lebih ditumpukan kepada kegiatan untuk memulihkan kehidupan rakyat. Sikap pemerintah British yang anti-orang bukan Melayu terutamanya orang Cina menyebabkan mereka menjadi golongan yang paling teruk menerima kesan pendudukan itu jika dibandingkan dengan orang Melayu. Tambahan pula kegiatan orang bukan Melayu terutama dalam bidang perdagangan dan perusahaan yang lebih tertumpu di kawasan bandar amat terjejas akibat kegiatan perang berbanding dengan kehidupan orang Melayu yang kebanyakannya tertumpu dalam sektor pertanian di kawasan luar bandar.<sup>2</sup> Sebaliknya Cina pula merasa yakin bahawa pemerintah British tidak akan mensia-siakan sumbangan mereka terhadap perkembangan ekonomi Negeri Pulau Pinang dan yang lebih penting lagi perjuangan mereka menentang Jepun.<sup>3</sup> Dengan itu ada di antara orang bukan Melayu terutamanya golongan *Queen Chinese* lebih menumpukan kesetiaan mereka kepada Kerajaan British dari negeri asal mereka.<sup>4</sup>

---

<sup>2</sup> Menurut Banci Penduduk tahun 1947, seramai 167,993 daripada 189,068 penduduk George Town, iaitu kawasan yang paling teruk menerima kesan peperangan, adalah orang Bukan Melayu. Lihat, Federation of Malaya, *A Report on the 1947 Census of Population*, Govt. Printer, Kuala Lumpur, 1949, h.42.

<sup>3</sup> Menghargai peranan mereka dalam ekonomi Negeri Pulau Pinang sebelum Perang Dunia Kedua, orang Cina telah dibenarkan memilih wakil-wakil ke dalam Majlis Munisipal George Town dan Majlis Penasihat Negeri Pulau Pinang. Lihat, Permohonan, (*Petition*) PCTH, PCCC dan SCBA kepada Setiausaha Tanah Jajahan British, *Fail Malayan Union*, Bil, 3943/47.

<sup>4</sup> Mohamed Noordin Sopiee, *op. cit.*, L.72.

Bagi mereka yang agak radikal dalam pendekatan mereka terpaksa berhati-hati dalam setiap kegiatan terutama pada peringkat awal kedatangan British kerana British telah menangkap beberapa orang pemimpin yang dikatakan telah bekerjasama dengan pemerintah Jepun semasa Pendudukan.<sup>5</sup> bagi mereka ini, pengalaman telah membuktikan bahawa berpolitik itu bukan sahaja tidak membawa keuntungan tetapi juga adalah membahayakan.<sup>6</sup> Perpaduan antara kaum bukan Melayu adalah sukar diwujudkan kerana di kalangan orang bukan Melayu itu sendiri terdapat kesetiaan yang berbelah bahagi dan tidak kurang pula kesetiaan pada negeri asal mereka sentiasa dipupuk oleh pemimpin-pemimpin tempatan.<sup>7</sup> Bagaimanapun pada umumnya kebanyakan orang bukan Melayu merasa tidak puas hati dengan perkembangan politik Negeri Pulau Pinang. Mereka yang mempunyai kesetiaan terhadap Negeri Pulau Pinang terutamanya orang Cina Selat yang dilahir di Negeri-negeri Selat mengharapkan supaya pendapat mereka juga diminta berhubung dengan perubahan dan penentuan yang akan dilakukan terhadap kedudukan politik Negeri Pulau Pinang.<sup>8</sup> Sementara itu satu golongan lagi terutamanya saudagar-saudagar, walaupun kesetiaan mereka dipersoalkan berpendapat bahawa mereka juga perlu dihubungkan dalam menentukan masa depan Negeri Pulau Pinang. Justeru itu tidak hairanlah mengapa kedua golongan ini bekerjasama antara satu

---

<sup>5</sup> Di antara pemimpin-pemimpin kaum di Negeri Pulau Pinang yang ditangkap oleh BMA termasuklah Heah Joo Seang, pemimpin kaum Cina; Dr. N.K. Menon, Pengerusi *Penang Indian Independent League*; dan, N. Raghavan, seorang anggota pertubuhan Kerajaan India Sementara yang ditubuhkan oleh Subhas Chandra Bose. Lihat, *Malay Mail*, 19.10.1945, h.2.

<sup>6</sup> Mohamed Noordin Sopiee, *op.cit.*, h. 49.

<sup>7</sup> Mengenai sikap sebahagian daripada orang Cina, lihat, *Malayan Observer*, 5.9.1946, p.1; orang Ceylon, lihat, *Warta Negara*, 22.4.1954, h.4; dan orang India, lihat, *Penang Gazette*, 3.10.1945, p.2. Dalam satu perhimpunan orang-orang India bagi menyambut hari lahir Mahatma Ghandi, M. Saravanamuttu berkata '... whether we are inside India or outside India, in whatever part of the world we may be, we must continue to fight for the complete independence of India. We must never rest contented until we achieve independence for our motherland.' Lihat, *Penang Gazette*, 3.10.1945, h.2.

<sup>8</sup> 'Cina Selat' adalah satu kelompok sosial, kebudayaan dan politik masyarakat Cina. Kebanyakan daripada mereka itu dapat mengesan beberapa generasi keluarga mereka yang tinggal di Tanah Melayu dan tidak suka diri mereka disamakan dengan orang-orang Cina lain. Kebanyakan mereka menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal. Oleh sebab kebanyakannya mendapat pendidikan Inggeris, 'Cina Selat' sama ada mencebur diri dalam perdagangan, kerja-kerja profesyenal atau dalam perkhidmatan awam pemerintah.

sama lain dalam menentukan masa depan Negeri Pulau Pinang.

Pada umumnya perasaan tidak puas hati dan kebimbangan orang bukan Melayu ini timbul dari usaha Kerajaan British hendak menyatukan Pulau Pinang dan Seberang Perai dalam Negeri-negeri Melayu lain di Tanah Melayu dengan cara memansuhkan Negeri-negeri Selat dan memutuskan hubungan pentadbiran Negeri Pulau Pinang dengan Singapura. Di samping itu satu sistem pentadbiran baru yang mahu diwujudkan juga mempengaruhi sikap mereka.<sup>9</sup> Kesan daripada tindakan itu diikuti dengan pengenalan Malayan Union dan kemudiannya penubuhan Persekutuan Tanah Melayu menyebabkan mereka merasa kehilangan sifat khas 'British' dan kedudukan mereka sebagai golongan yang teristimewa dalam Negeri-negeri Selat. Apabila cadangan Malayan Union dan kemudiannya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dikemukakan, orang bukan Melayu terutamanya golongan peranakan Selat menyuarakan rasa tidak puas hati dan tentangan mereka.

#### *Permohonan Orang-orang Cina Pada Tahun 1947*

Apabila gagasan Malayan Union diperkenalkan pemimpin-pemimpin bukan Melayu Negeri Pulau Pinang menganggapnya sebagai satu usaha yang baik untuk menyatukan negeri-negeri di Tanah Melayu di bawah satu pentadbiran pusat. Bagaimanapun mereka menyuarakan rasa tidak puas hati mereka kerana Singapura dikecualikan dari gagasan itu. Tidak kurang pula beberapa orang di kalangan mereka menganggap gagasan Malayan Union itu sebagai pro Melayu. Bagaimanapun tentangan dan rasa tidak puas hati mereka ini tenggelam dalam laungan dan perjuangan orang Melayu pada masa itu.

Tentangan dan rasa tidak puas hati itu timbul sekali lagi apabila cadangan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu diumumkan. Berikutan dengan itu tiga buah pertubuhan Cina di Negeri Pulau Pinang iaitu *Penang Chinese Town Hall* (PCTH), *Penang Chinese Chamber of Commerce* (PCCC) dan *Straits Chinese British Association* (SCBA) telah bekerjasama dan mengadakan satu perjumpaan ramai.<sup>10</sup>

Ketiga pertubuhan itu telah ditubuhkan di Negeri Pulau Pinang

---

<sup>(9)</sup> Mohamed Noordin Sopiee, *op. cit.*, h.24.

<sup>10</sup> Lihat, Permohonan tiga buah pertubuhan Cina Negeri Pulau Pinang kepada Setiausaha Tanah Jabatan British, dalam Fail Malayan Union. Bil. 3943/47.

sejak sebelum perang dan menjadi pertubuhan yang mewakili berbagai kepentingan orang Cina di Negeri Pulau Pinang. PCTH, sebuah pertubuhan Cina yang tertua di Negeri Pulau Pinang telah ditubuhkan pada tahun 1870 dan telah mempunyai perlembagaan sendiri sejak tahun 1886. Sebagai sebuah institusi masyarakat Cina, PCTH mempunyai Jawatankuasa yang terdiri daripada dua puluh orang anggota. Ahli-ahli Jawatankuasa ini dipilih dalam satu perhimpunan ramai. Selain daripada itu PCTH juga mempunyai sebuah badan Lembaga Amanah.<sup>11</sup>

PCCC pula telah ditubuhkan pada tahun 1903. Ahli-ahlinya terdiri dari saudagar Cina dan firma-firma Cina yang terkenal. Pertubuhan ini dapat dikatakan sebagai pertubuhan yang mewakili orang Cina yang mempunyai kepentingan perdagangan di Negeri Pulau Pinang. SCBA cawangan Pulau Pinang pula telah ditubuhkan pada tahun 1920. Tujuan penubuhannya ialah untuk menentu, memperkembang dan mempertahankan hak, kepentingan dan kebebasan orang Cina Peranakan Selat yang tinggal di Negeri Pulau Pinang.<sup>12</sup> Kebanyakan daripada ahli-ahli SCBA dikatakan terdiri daripada orang Cina profesyenal dan yang telah berkhidmat kepada Pemerintah British.<sup>13</sup>

Perhimpunan tersebut juga telah mengambil keputusan membantah cadangan Perlembagaan dan menubuhkan satu jawatankuasa yang diberi nama Jawatankuasa Perundingan Perlembagaan Orang-orang Cina Negeri Pulau Pinang. Jawatankuasa ini terdiri daripada dua puluh satu orang anggota (iaitu tujuh bagi tiap-tiap pertubuhan) dan dipimpin oleh Lum Keong Lay (Pengerusi). Dr. Lee Tiang Keng (Naik Pengerusi) dan Chew Boon Ee (Setiausaha).<sup>14</sup> Jawatankuasa ini yang bersidang kemudiannya telah mengambil keputusan menolak cadangan Perlembagaan itu. Jawatankuasa itu menganggap cadangan Perlembagaan itu bukan sahaja bertentangan dengan kepentingan masyarakat Cina tetapi juga adalah sebagai pencerobohan ke atas Piagam Bangsa-bangsa Bersatu. Jawatankuasa tersebut juga telah mengambil keputusan akan menghantar satu

---

<sup>11</sup> Lihat, surat rasmi dari Setiausaha Hal Ehwal Orang-orang Cina Malayan Union kepada Gabenor bertarikh 27.3.1947, dalam Fail Malayan Union, Bil. 3943/47.

<sup>12</sup> Lihat, Memorandum Jawatankuasa SCBA (Cawangan Pulau Pinang) kepada Jawatankuasa Pilihanraya Persekutuan bertarikh 3.10.1953, dalam Fail UMNO, Bil. 17/54.

<sup>13</sup> Lihat Permohonan PCTH, PCCC dan SCBA.

<sup>14</sup> Ibid, Lihat juga, *Straits Echo*, 8.2.1947, h.1.

*petition* kepada Kerajaan British memohon supaya Kerajaan British menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja bagi mengkaji semula cadangan-cadangan dalam Perlembagaan.<sup>15</sup>

Satu permohonan lagi telah dihantar kepada Setiausaha Tanah Jajahan British Mr. Arthur Creech Jones pada 3 Mac 1947. Antara lain permohonan itu menafikan dakwaan Kerajaan British yang mengatakan bahawa Perlembagaan itu tidak akan memberi kesan atau menjejaskan sama sekali status rakyat British di Negeri-negeri Selat atau status rakyat Raja-raja Melayu di Negeri-negeri Melayu.<sup>16</sup> Menurut permohonan itu lagi dakwaan itu bukan sahaja salah tetapi juga mempunyai tujuan mengelakkan dari sebarang kritik atau buruk sangka terhadap Perlembagaan. Sebenarnya permohonan itu berpendapat bahawa bentuk kerakyatan yang dicadangkan itu memberi kesan yang merugikan rakyat British bukan Melayu di Negeri Pulau Pinang. Penduduk bukan Melayu di Negeri Pulau Pinang dikehendaki membuat permohonan untuk mendapatkan kerakyataan Tanah Melayu. Sementara itu untuk mendapatkan taraf kerakyatan beberapa syarat telah dikenakan. Umpamanya seseorang itu mestilah telah tinggal di Tanah Melayu selama tidak kurang dari sepuluh tahun. Pemohon-pemohon juga mesti mempunyai rekod peribadi yang baik dan pengetahuan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang memuaskan. Apa yang lebih membimbangkan orang Cina ialah adanya kemungkinan bahawa kerakyatan akan menjadi syarat penting sebelum seseorang itu diberi hak-hak untuk mengundi, menjadi ahli Majlis Mesyuarat, memegang jawatan kerajaan dan lain-lain keistimewaan sebagai rakyat Malaya. Keadaan ini lebih menunjukkan bahawa kerakyatan di bawah Perlembagaan Persekutuan itu adalah sebagai *a snare* [satu penipuan] dan *delusion* (bayangan).

Selain daripada syarat-syarat kerakyatan, dasar imigrasi dan bilangan perwakilan yang tidak mencukupi yang diperuntukkan bagi orang-orang Cina dalam Majlis Perundangan Persekutuan juga menjadikan Perlembagaan itu dikatakan sebagai *anti-Chinese bias*. Walaupun dikatakan tindakan Kerajaan British itu merugikan orang Cina, Jawatankuasa tersebut masih menaruh kepercayaan

---

<sup>15</sup> Mengenai Resolusi Jawatankuasa ini sepenuhnya, lihat Lampiran F.

<sup>16</sup> Petikan asal '... would not impact or impair, in any respect whatever, the status of British subjects in the Settlements or the status of the subjects of the Rulers in the Malay states.' Lihat, Permohonan PCTH, PCCC dan SCBA.



kepada Kerajaan British apabila Jawatankuasa ini memohon supaya satu Suruhanjaya Diraja ditubuhkan bagi mengkaji semula cadangan-cadangan Perlembagaan itu.<sup>17</sup> Tindakan awal pertubuhan Cina itu menampakkan titik permulaan gerakan politik orang bukan Melayu di Negeri Pulau Pinang dalam menyusun strategi bagi menjamin kepentingan masa depan mereka. Walaupun permohonan itu dapat dikatakan sebagai mewakili sebahagian besar orang Cina Negeri Pulau Pinang terutama dari kalangan ahli-ahli perniagaan dan golongan profesional tetapi ternyata ia tidak mendapat sambutan yang sewajarnya dari Kerajaan British.<sup>18</sup> Keadaan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh suasana politik Tanah Melayu pada masa itu di samping beberapa faktor yang terdapat pada pertubuhan itu sendiri. Walaupun permohonan itu mewakili sebahagian besar kepentingan orang Cina Negeri Pulau Pinang tetapi dalam hubungannya dengan politik Tanah Melayu, gerakan itu adalah terlalu kecil dan kurang mengancam berbanding dengan gerakan yang sedang dilancarkan pada masa yang sama oleh orang Melayu dalam menentang Malayan Union. Ini mungkin mendorong Kerajaan dan Pemerintah British memberi perhatian yang lebih kepada gerakan orang Melayu.

Di kalangan orang bukan Melayu sendiri terutamanya orang Cina tidak banyak menunjukkan perpaduan yang berkesan. Permohonan yang dihantar itu tidak mendapat sokongan sepenuhnya dari orang bukan Melayu di Negeri Pulau Pinang termasuk orang Cina sendiri. Keadaan ini berlaku kerana pada bulan yang sama satu lagi perjumpaan rasmi berbagai kaum telah diadakan bagi menunjukkan tentangan mereka terhadap cadangan-cadangan Perlembagaan. Antara pertubuhan tempatan yang turut serta dalam perhimpunan itu termasuklah PKMM, *Penang Federation of Trade Union*, *Penang New Democratic Youth League*, *Penang Regional Indian Congress* dan *Dravidian Federation*. Selain daripada pertubuhan itu orang perseorangan termasuk wakil-wakil akhbar juga turut serta.<sup>19</sup> Tambahan pula pada awal tahun 1947 wakil-wakil dari SCBA, PCCC dan PCTH di dalam Majlis Penasihat

---

<sup>17</sup> Sehingga munculnya satu Gerakan Pengasingan pada akhir tahun 1948, tidak terdapat kenyataan Kerajaan dan Pemerintah British berhubung dengan Permohonan itu. Sementara itu, tiada sesuatu dibuat mengenai permintaan melantik satu Suruhanjaya diraja. Lihat, *Straits Echo*, 15.2.1947, h. 7.

<sup>18</sup> Lihat permohonan PCTH, PCCC dan SCBA.

<sup>19</sup> *Malay Mail*, 10.2.1947, h.2; dan, *Straits Echo*, 6.10.1947 h. 3.

Negeri Pulau Pinang bersama dengan wakil-wakil lain telah dengan sebulat suara menerima cadangan-cadangan Perlembagaan. Walaupun pada dasarnya tujuan Perlembagaan ialah untuk mewujudkan satu bentuk kerajaan yang stabil tetapi penerimaan cadangan-cadangan Perlembagaan oleh ketiga pertubuhan Cina itu memperlihatkan kelemahan pemimpin-pemimpin Cina.<sup>20</sup> Sehingga timbulnya Gerakan Pengasingan 1948-1949 Kerajaan dan Pemerintah British lebih memberi perhatian kepada usaha menyelesaikan tuntutan orang Melayu walaupun disedari perasaan tidak puas hati mengenainya wujud di kalangan orang bukan Melayu.

Perlaksanaan cadangan Persekutuan Tanah Melayu pada bulan Februari 1948 walaupun mendapat tentangan dari penduduk bukan Melayu di Negeri Pulau Pinang menunjukkan sejauh mana simpati Kerajaan dan Pemerintah British terhadap masalah Negeri Pulau Pinang. Sikap Kerajaan dan Pemerintah British itu menyebabkan munculnya satu lagi penentangan yang lebih berani iaitu tindakan mahu mengasingkan Pulau Pinang dan Seberang Perai dari Persekutuan Tanah Melayu yang bermula pada bulan Disember 1948.

#### *Gerakan Pengasingan 1948-1949*

Gerakan Pengasingan atau lebih dikenali sebagai *Secession Movement* bermula pada penghujung tahun 1945 apabila Kerajaan British mengumumkan gagasan Malayan Union untuk negeri-negeri di Tanah Melayu termasuk Pulau Pinang dan Seberang Perai. Gerakan ini mencapai peringkat yang serius pada tahun 1948 berikutan dengan pengumuman dan pelaksanaan cadangan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu kemudiannya. Bagaimanapun pada awal bulan Disember tahun 1948 baharulah Gerakan ini memperlihatkan bentuknya. Buat pertama kalinya perkara pengasingan ini telah dikemukakan di dalam Majlis Penasihat Negeri Pulau Pinang pada 3 Disember 1948 dan diikuti dengan pembentukan satu Jawatankuasa Sementara pada 7 Disember 1948.<sup>21</sup> Jawatankuasa tersebut diketuai oleh D.A. Mackay dengan dibantu oleh N. Ponnudurai dan beberapa orang ahli lain yang mewakili berbagai kaum di Pulau Pinang dan

<sup>20</sup> Mesyuarat Kedua Majlis Penasihat Negeri Pulau Pinang pada 17.4.1947, dalam Fail Malayan Union, Bil. 9928/46.

<sup>21</sup> *Malay Mail*, 8.12.1948, h.5

Seberang Perai kecuali orang Melayu.<sup>22</sup> Jawatankuasa sementara yang membawa isu pengasingan Pulau Pinang dan Seberang Perai itu mendapat sambutan dari berbagai pertubuhan bukan Melayu termasuk *Penang Indian Chamber of Commerce*, *Penang Chinese Chamber of Commerce*, *Straits Chinese British Association* dan *Penang Eurasian Association*.<sup>23</sup>

Tuntutan pengasingan dari orang bukan Melayu itu dapat dikatakan kuat hingga menyebabkan Jawatankuasa Sementara Pengasingan merasakan perlu diadakan satu perhimpunan ramai bagi membincangkan masalah tersebut.<sup>24</sup> Perhimpunan itu telah diadakan pada 13 Disember 1948 bertempat di *Chinese Town Hall* dengan dihadiri oleh 216 orang (tidak seorang pun Melayu) termasuk wakil-wakil dari pertubuhan bukan Melayu di Pulau Pinang dan Seberang Perai.<sup>25</sup> Perhimpunan bukan Melayu yang berlangsung selama lebih kurang tiga jam itu telah mendengar berbagai penerangan berhubung dengan rancangan untuk mengasingkan Pulau Pinang dan Seberang Perai. Perhimpunan itu dengan suara 200 orang bersetuju dan 12 menentang mengambil keputusan bahawa jajahan Pulau Pinang (Negeri Pulau Pinang) hendaklah mengambil segala jalan Perlembagaan untuk berpisah dari Persekutuan Tanah Melayu dan menjadi Jajahan Selat adalah membawa muslihat yang sebaik-baiknya kepada Pulau Pinang dan Seberang Perai.<sup>26</sup> Sebuah Jawatankuasa Pengasingan telah dipilih terdiri daripada lima belas orang yang mewakili berbagai kaum dan pertubuhan. Jawatankuasa ini dipimpin oleh D.A. Mackay (Pengerusi *Penang Chamber of Commerce*) sebagai Pengerusi dan N. Ponnudurai (Yang Dipertua *Penang Clerical dan Administrative Staff Union*) menjadi Setiausaha. Jawatankuasa ini kemudian telah diarahkan untuk membawa isu pengasingan ke peringkat yang lebih tinggi.<sup>27</sup>

---

<sup>22</sup> *Utusan Melayu*, 16.12.1948, h.4; Lihat juga, *Malay Mail*, 8.12.1948, h.5

<sup>23</sup> *Malay Mail*, 14.12.1948 h.5

<sup>24</sup> Lihat, Laporan John Proudfoot Souter, "An Authentic (but condensed) Report of the Circumstances that led to the formation of the Penang Secession Committee in December 1948, the aim being secession from the Federation of Malaya," laporan bertulis yang diberi kepada Persatuan Sejarah Pulau Pinang, 1963, h.1

<sup>25</sup> Lihat juga, Mohamed Noordin Sopiee, *op. cit.*, h.65

<sup>26</sup> *Malay Mail*, 14.12.1948, h.5; Mohamed Noordin Sopiee memberikan angka 204 menyokong dan 12 suara menentang. Lihat, Mohamed Noordin Sopiee, *op. cit.*, h.65.

<sup>27</sup> Lain-lain Ahli Jawatankuasa Pengasingan ialah J.P. Souter (Presiden *Settlement of Penang Association*), C.P. Liston, Ng Swee Cam, Lee Tiang Lee, Lee Tiang Keng (Anggota Exco Majlis Persekutuan), B.H. Oon (Ahli Majlis Per-

Tindakan menubuhkan Jawatankuasa untuk membawa perkara Pengasingan ini ke peringkat yang lebih tinggi selepas hampir setahun Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menunjukkan bahawa perasaan tidak puas hati itu berpunca dari pelaksanaan gagasan tersebut. Pada umumnya rasa tidak puas hati itu berkisar di sekitar soalan ekonomi, politik dan pentadbiran yang pada umumnya dikatakan merugikan Negeri Pulau Pinang.<sup>28</sup> Dari segi ekonomi antara lain, rasa tidak puas hati itu berhubung dengan kelewatan kerajaan Persekutuan melaksanakan cadangan Laporan Benham yang menyarankan supaya Taraf Pelabuhan Bebas Pulau Pinang dipulihkan.<sup>29</sup> Tetapi sehingga Jawatankuasa Pengasingan itu ditubuhkan kedudukan Pulau Pinang masih belum dapat ditentukan.

Dalam bidang pentadbiran rasa tidak puas hati itu adalah sebagai kesan daripada bentuk pentadbiran yang berpusat dan tertumpu di Kuala Lumpur. Sebahagian dari tanggungjawab kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sebelum ini menjadi sumber pendapatan kerajaan Negeri seperti memungut cukai telah berpindah kepada Kerajaan Persekutuan. Pemindahan ini bukan sahaja telah menimbulkan masalah ekonomi tetapi juga melibatkan masalah pentadbiran. Di samping itu pemusatan pentadbiran itu juga telah mengurangkan peranan Kerajaan Negeri dalam perkara membuat keputusan berhubung dengan masalah dan kemajuan di Negeri Pulau Pinang. Umpamanya perkara tentang Munisipal dikehendaki dibawa kepada pengetahuan Pesuruhjaya Tinggi Majlis di Kuala Lumpur. Perkara ini bukan sahaja berkaitan dengan masalah masa

---

sekutuan), Chee Swee Ee, N.T. Assomull, M.P. Mathew, G. Shelly, A.C. Reutens, A.M. Abu Bakar dan H. Tybe Khan. Lihat, *Malay Mail*, 14.12.1948, h.5. Bagaimanapun, A.M. Abu Bakar dan H. Tybe Khan telah menarik diri dari menjadi Ahli Jawatankuasa Pengasingan atas desakan *Penang Muslim League*. A.M. Abu Bakar ialah Ahli Jawatankuasa Kerja pertubuhan tersebut. Lihat, *Malay Mail*, 20.12.1948, h.5; dan Majlis, 28.12.1948, h.5.

<sup>28</sup> *Straits Echo*, 10.2.1949, h.1 Penulis tidak bertujuan untuk membincangkan keseluruhannya tidak puas hati Gerakan Pengasingan. Oleh sebab itu diperturunkan beberapa perkara pokok sahaja yang menimbulkan rasa tidak puas hati itu. Keterangan lanjut mengenai rasa tidak puas hati lihat Lampiran

<sup>29</sup> Pulau Pinang menjadi pelabuhan bebas sejak tahun 1872, sehinggalah Pemerintah BMA mengubah kedudukan itu. Dengan adanya desakan dari golongan pedagang, F. Benham, Penasihat Ekonomi kepada Gabenor Jeneral telah dilantik pada bulan Disember 1947 bagi mengkaji dan melaporkan kedudukan itu. Laporan itu mencadangkan bulan April 1948 sebagai tarikh pemulihan taraf pelabuhan bebas. Tetapi cadangan itu tidak dilaksanakan oleh Pemerintah British sehingga timbul Gerakan Pengasingan pada akhir tahun 1948.

tetapi juga melibatkan keberkesanan sesuatu keputusan yang dibuat itu kerana perkara itu dibawa dan dibahaskan di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan yang ahli-ahlinya terdiri dari orang bukan tempatan yang kurang memahami masalah tempatan dan juga kepentingan Negeri Pulau Pinang.<sup>30</sup> Walaupun jaminan telah diberi namun bagi golongan yang mempunyai kepentingan ekonomi di Pulau Pinang jangkamasa beberapa bulan untuk membuat keputusan itu adalah terlalu lama.

Di samping masalah ekonomi dan pentadbiran yang menimbulkan rasa tidak puas hati sebahagian kecil penduduk bukan Melayu yang mempunyai kepentingan, perkara yang berkaitan dengan politik juga menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan mereka, terutama mengenai taraf kerakyatan yang melibatkan sebahagian besar penduduk Negeri Pulau Pinang yang dahulunya menjadi rakyat British.<sup>31</sup> Walaupun beberapa kali ditekankan bahawa syarat-syarat kerakyatan dalam Perlembagaan Persekutuan tidak menjejaskan kedudukan rakyat British namun hujah Kerajaan dan pemerintah British itu tidak dapat menyakinkan orang bukan Melayu.<sup>32</sup>

Gerakan Pengasingan ini telah mendapat perhatian masyarakat Pulau Pinang dan Seberang Perai. Beberapa buah pertubuhan bukan Melayu yang mempunyai kepentingan ekonomi dan politik di Pulau Pinang telah menyatakan sokongan mereka terhadap gerakan ini. Semua pertubuhan Cina boleh dikatakan menyokong gerakan ini. Pemimpin-pemimpin mereka walaupun tidak menjadi Ahli Jawatankuasa Pengasingan Lima Belas orang namun mereka tetap berucap menyatakan sokongan masing-masing.<sup>33</sup> Dalam hal ini komuniti Serani diwakili oleh A.C. Reutens, komuniti Ceylon diwakili oleh N. Ponnudurai dan orang Inggeris diwakili oleh J.P. Souter.<sup>34</sup> Tetapi komuniti India memperlihatkan sikap yang berbeza bergantung kepada kepentingan mereka masing-masing. *Indian Chamber of Commerce* yang dianggotai dan dipimpin oleh orang yang mempunyai kepentingan ekonomi turut memberi sokongan, manakala *Regional Indian Congress* Pulau Pinang dan

---

<sup>30</sup> *Straits Echo*, 10.2.1949, h.1; dan *Warta Negara*, 11.2.1949, h.1.

<sup>31</sup> *Strait Echo*, 10.2.1949, h.1.

<sup>32</sup> Mesyuarat Pertama Majlis Negeri Pulau Pinang pada 2.2.1948, Fail Malayan Union, Bil. 9928/46.

<sup>33</sup> *Malay Mail*, 14.12.1948, h.5

<sup>34</sup> *Straits Echo*, 10.2.1949, h.1

Seberang Perai yang mempunyai ramai ahli terdiri dari orang India yang tidak terlibat dalam perdagangan tidak menyokong gerakan itu, walaupun mereka tidak bersetuju dengan beberapa perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan.<sup>35</sup> Akhbar-akhbar bukan Melayu pada umumnya bersimpati dengan penyokong Gerakan Pengasingan tetapi tidak bersetuju dengan langkah Pengasingan itu. Kebanyakan akhbar Melayu menekankan bahawa masalah yang ditimbulkan oleh penyokong-penyokong Gerakan Pengasingan itu sepatutnya mendapat perhatian dan tindakan dari Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun beberapa buah akhbar yang diterbitkan di Pulau Pinang seperti *Penang Gazette* dan *Kwong Wah Yit Poh* bukan sahaja menyokong tuntutan gerakan itu tetapi juga bersetuju dengan langkah untuk membawa keluar Pulau Pinang dan Seberang Perai dari Persekutuan. *Penang Gazette* menganggap tarikh 13 Disember itu sebagai hari bersejarah dalam usaha penduduk Negeri Pulau Pinang membentuk Negeri Pulau Pinang yang baru (New Penang).<sup>36</sup> Sokongan terhadap tuntutan dan tindakan ini sebahagian besarnya adalah kerana kedua akhbar itu dipengaruhi oleh golongan yang mempunyai kepentingan perdagangan dan politik di Negeri Pulau Pinang.

### *Sikap Dan Tindakan Orang Melayu*

Langkah pengasingan orang bukan Melayu Negeri Pulau Pinang disambut dengan perasaan marah oleh orang Melayu. Akhbar Melayu seperti Majlis Utusan Melayu dan Warta Negara menentang usaha itu dengan keras dan mensifatkannya sebagai suatu tindakan yang boleh menimbulkan ketegangan antara kaum dan membawa kesan buruk kepada Tanah Melayu.<sup>37</sup> Akhbar Warta Negara yang mendokong cita-cita kebangsaan Melayu menganggap Gerakan Pengasingan itu sebagai satu lagi ancaman dari orang dagang dan orang asing terhadap kewujudan orang

---

<sup>35</sup> Fail, *Department of Public Relations*. Bil. FS. 11494/48. Lihat juga. Utusan Melayu, 13.12.1948, h.4

<sup>36</sup> Akhbar *Penang Gazette*, mendokong aliran politik yang sederhana dalam erti-kata tidak ke kiri atau ke kanan. Pemerintah British menganggap akhbar ini sebagai *reliable* (boleh dipercayai). Sementara akhbar *Kwong Wah Yit Poh* adalah anti komunis dan dianggap dipengaruhi kuat oleh golongan Kuomintang. Lihat *Ibid.*, Bil. PR.95/1948. Mengenai sikap akhbar-akhbar terhadap Gerakan Pengasingan, lihat lampiran Z.

<sup>37</sup> Lihat, "Press Reactions to the Penang Secession Movement", *Ibid.*, Bil. FS 11494/1948.

Melayu di tanah tumpah darahnya sendiri. Akhbar ini menyeru supaya orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai bersatu padu di samping mendesak mereka yang menjadi ahli pertubuhan yang menyokong gerakan itu supaya menyatakan sikap masing-masing kerana sikap tidak berbuat apa-apa mereka boleh dianggap menyokong gerakan itu.<sup>38</sup> Akhbar Warta Negara juga berpendapat bahawa orang Melayu tidak bertujuan untuk menafikan hak kaum bukan Melayu. Di samping itu mereka juga tidak mahu hak mereka sebagai bumiputra di tanah air mereka dinafikan. Kebimbangan dan tuduhan yang dilahirkan oleh orang bukan Melayu bahawa taraf kerakyatan mereka akan tergugat adalah tidak berasas sama sekali. Sebarang rasa tidak puas hati berhubung dengan Perlembagaan sepatutnya dikemukakan dan dibincangkan di dalam Majlis Perundangan Persekutuan. Akhbar ini juga melahirkan keraguannya tentang tujuan sebenar Gerakan Pengasingan itu. Sekiranya isu kerakyatan menjadi punca rasa tidak puas hati itu adalah menghairankan mengapa Gerakan Pengasingan itu dipimpin oleh warganegara British yang tidak akan mengalami perubahan status politik jika berlaku apa jua perubahan dalam struktur politik Tanah Melayu.

Beberapa buah pertubuhan Melayu di luar Pulau Pinang telah menyuarakan tentangan mereka terhadap Gerakan Pengasingan itu. PKMM menyatakan bahawa gerakan itu adalah dipimpin oleh kaum kapitalis asing yang hanya memikirkan muslihat sakunya lebih daripada kebajikan rakyat jelata.<sup>39</sup> Seberkas Kedah pula mensifatkan gerakan itu sebagai satu perbuatan tamak yang menceroboh perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dan hak-hak orang Melayu.<sup>40</sup> Sementara itu Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan juga menghantar surat bantahannya kepada Pesuruhjaya Tinggi British dan mengingatkan bahawa sekiranya cadangan pengasingan dipersetujui persekutuan itu akan mengambil tindakan yang lebih keras dari yang diambil ketika menentang Malayan Union.<sup>41</sup>

Orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai menganggap bahawa perjuangan menentang Malayan Union telah berjaya

---

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> Majlis 31.12.1948, h.2 Lihat juga, *Straits Echo*, 8.1.1949, h.6.

<sup>40</sup> Warta Negara, 12.1.1949, h.4. Lihat juga, *Majlis*, 10.1.1949, h.4.

<sup>41</sup> Utusan Melayu, 10.12.1949, h.3. Akhbar ini juga melaporkan bahawa 12,000 orang Melayu Negeri Kelantan membantah pengasingan itu.

meletakkan Negeri Pulau Pinang di dalam Persekutuan Tanah Melayu dan mereka tidak mahu negeri ini dibawa keluar.<sup>42</sup> Hakikat bahawa tidak ada seorang pun orang Melayu turut serta dalam perhimpunan ramai pada 13 Disember 1948 yang disifatkan paling bersejarah dalam sejarah Pulau Pinang itu menunjukkan orang Melayu menentang usaha orang bukan Melayu itu.<sup>43</sup> PMSP dan UMNO Pulau Pinang juga menentang gerakan pengasingan apabila kedua pertubuhan tersebut menjalankan beberapa langkah untuk menghadapi gerakan tersebut.<sup>44</sup> Walaupun ada sokongan peribadi di kalangan orang Melayu George Town terhadap gerakan itu terutamanya mereka yang mempunyai kepentingan perdagangan tetapi sokongan itu tidak dilahirkan secara terbuka dan bilangan mereka adalah kecil dan tidak berpengaruh.<sup>45</sup>

Beberapa fakta di atas menunjukkan bahawa hampir semua orang Melayu di Negeri Pulau Pinang menentang Gerakan Pengasingan itu. Tetapi pada umumnya dapat dikatakan bahawa orang Melayu Negeri Pulau Pinang atau pemimpin-pemimpin Melayu pada peringkat pusat tidak menyusun barisan yang khusus untuk menentang Gerakan Pengasingan itu sebagaimana yang pernah dilakukan dalam usaha menentang Malayan Union dahulu. Keadaan ini mungkin dipengaruhi oleh kejayaan orang Melayu menggagalkan rancangan Kerajaan British untuk meneruskan Malayan Union. Pemimpin-pemimpin Melayu menyedari bahawa seluruh tenaga orang Melayu dapat digerakkan dan keyakinan ini ternyata apabila Datok Onn bin Jaafar menyatakan bahawa perkara pengasingan tidak akan berhasil.<sup>46</sup> Di samping itu oleh

---

<sup>42</sup> *Straits Echo*, 10.2.1949, h.4

<sup>43</sup> Perkara mengenai kemasukan Negeri Pulau Pinang ke dalam Persekutuan Tanah Melayu telah juga dipersoalkan oleh orang Melayu sendiri. Mengikut Dato Onn bin Jaafar, terdapat Raja-raja Melayu yang tidak bersetuju Negeri Pulau Pinang dimasukkan ke dalam Persekutuan Tanah Melayu, Lihat, *Sunday Gazette*, 28.8.1949, p.1. Sementara itu, *National Association of Perak* (NAP) juga telah membawa satu usul supaya kemasukan Pulau Pinang dan Seberang Perai ke dalam Persekutuan dipertimbangkan semula semasa Kongres UMNO di Kota Baharu pada 11.5.1947. Keterangan Ibrahim bin Mahmood. Temutanya di rumah beliau pada 5.1.1977. Lihat juga, *Warta Negara*, 11.2.1949, h.1.

<sup>44</sup> *Warta Negara*, 5.1.1949, h.3; dan *Utusan Melayu*, 24.12.1948, h.4.

<sup>45</sup> *Straits Echo*, 10.2.1949, h.4. Tidak ada keterangan yang jelas tentang siapakah yang menyokong, tetapi golongan di dalam PKMM membayangkan orang-orang seperti Dr. K.M. Ariff dan C.M. Hashim. Anggapan terhadap diri Dr. K.M. Ariff mungkin kerana beliau adalah ahli *Settlement of Penang Association*, iaitu salah sebuah pertubuhan yang mendokong cita-cita pengasingan.

<sup>46</sup> *Majlis*, 10.1.1949, h.4



sebab orang Melayu yang memasukkan Pulau Pinang dan Seberang Perai ke dalam Persekutuan maka percubaan pengasingan itu tidak akan berjaya sekiranya orang Melayu sendiri tidak bersetuju. Persekutuan itu sendiri diwujudkan atas dasar persetujuan orang Melayu dan Kerajaan British serta beberapa orang wakil bukan Melayu seperti yang terdapat dalam Jawatankuasa Perundingan dan Persekutuan itu tidak boleh dipecahkan atas kemahuan satu pihak sahaja. Sikap orang Melayu ini diperkukuhkan lagi dengan adanya sikap dingin yang diperlihatkan oleh Kerajaan dan pemerintah British terhadap gerakan tersebut.<sup>47</sup>

Keadaan ini tidak pula bermakna bahawa orang Melayu khususnya pemimpin-pemimpin Melayu Negeri Pulau Pinang hanya bersikap sekadar menyatakan tentangan mereka sahaja. Walaupun pertubuhan Melayu seperti PMPP tidak memperlihatkan sikap dan tindakan dengan jelas tetapi pertubuhan Melayu lain seperti PKMM, PMSP dan UMNO telah mengemukakan bantahan mereka dan langkah-langkah yang tegas untuk menentang Gerakan Pengasingan itu. PMSP misalnya telah menghantar surat siaran ke kampung-kampung di Seberang Perai bagi meninjau sikap orang Melayu di kampung-kampung. Tindakan ini merupakan langkah bersiap sedia dan akan dikemukakan kepada kerajaan apabila sampai masanya.<sup>48</sup> Sementara itu beberapa hari selepas perjumpaan ramai orang bukan Melayu yang diadakan pada 13 Disember 1948 itu, Haji Ahmad bin Mokhtar, Pegawai Penerangan UMNO Pulau Pinang telah mencadangkan supaya semua ketua-ketua Melayu dari semua pertubuhan Melayu yang terdapat di Pulau Pinang seperti UMNO dan PKMM menubuhkan satu lembaga bagi menentang Gerakan Pengasingan.<sup>49</sup> Malangnya cadangan ini tidak mendapat sambutan yang sewajarnya dari PKMM cawangan Balik Pulau dan Bukit Mertajam. Sikap kedua pertubuhan itu mungkin dipengaruhi oleh tindakan pemerintah British. Kegiatan kedua pertubuhan ini terpaksa dikurangkan kerana tindakan Pemerintah British ke atas PKMM setelah undang-undang Darurat diisytiharkan ke seluruh Tanah Melayu pada bulan

---

<sup>47</sup> Mungkin kerana sambutan orang bukan Melayu Negeri Pulau Pinang dan ulasan-ulasan akhbar-akhbar yang meluas menyebabkan Pemerintah Inggeris menyegerakan pertemuan dengan Ahli-ahli Jawatankuasa pada peringkat Pesuruhjaya Tinggi pada 2.1.1949. Tetapi selepas perjumpaan ini Pemerintah British mengambil sikap dingin.

<sup>48</sup> *Warta Negara*, 5.1.1949, h.3.

<sup>49</sup> *Utusan Melayu*, 24.12.1948, h.4.

Jun 1948.<sup>50</sup>

Selain daripada itu satu perhimpunan ramai telah diadakan di Pulau Pinang pada 8 Januari 1949. Perjumpaan ini dihadiri oleh kira-kira 2,000 orang Melayu. Angka hadirin yang agak besar itu berbanding dengan perhimpunan ramai yang pernah diadakan sebelum ini kecuali perhimpunan Malayan Union 1 Jun 1946 sekurang-kurangnya dapat memperlihatkan adanya perpaduan di kalangan orang Melayu menentang Gerakan Pengasingan itu. Kegagalan perundingan Jawatankuasa Pengasingan dengan Pesuruhjaya Agung Malcolm MacDonald dalam pertemuan pertama pada 2 Januari 1949 menambahkan keyakinan Dato Onn bin Jaafar apabila dalam perhimpunan tersebut beliau menyatakan perkara pengasingan terletak di tangan orang-orang Melayu.<sup>51</sup> Memandangkan perhimpunan ramai itu diadakan semasa perundingan sedang dijalankan antara pemimpin-pemimpin Melayu, Cina dan pegawai-pegawai Pemerintah British (diketuai oleh Malcolm MacDonald), maka tenaga dan semangat yang diperlihatkan itu setidak-tidaknya mempengaruhi pandangan dan sikap pegawai-pegawai British dan pemimpin-pemimpin Cina terhadap orang Melayu berhubung dengan perkara pengasingan itu.<sup>52</sup>

Sambutan yang diberi kepada cadangan pengasingan dalam perjumpaan ramai orang bukan Melayu di *Chinese Town Hall* pada bulan Disember dan ulasan akhbar-akhbar tempatan yang menyokong tindakan Pengasingan itu di samping sikap simpati akhbar-akhbar lain terhadap masalah Negeri Pulau Pinang telah memberi perangsang kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Pengasingan untuk membawa isu itu ke pengetahuan Kerajaan dan Pemerintah British. Bagaimanapun pertemuan yang pertama dengan Malcolm MacDonald (Pesuruhjaya Agung), A.V. Aston Pesuruhjaya Residen dan seorang penasihat ekonominya dua minggu kemudian bukan sahaja tidak mendatangkan apa-apa hasil yang diharapkan oleh Jawatankuasa Pengasingan tetapi pertemuan itu telah

---

<sup>50</sup> PKMM Cawangan Balik Pulau dan Bukit Mertajam telah digeledah pada bulan Jun 1948. Lihat, *Utusan Melayu*, 22.6.1948, h.1. Juga keterangan Hashim bin Sulaiman dan Mohamed Ali bin Arshad.

<sup>51</sup> *Majlis*, 10.1.1949, h.4

<sup>52</sup> Sekurang-kurangnya Jawatankuasa Pengasingan telah membatalkan perjumpaan dengan Malcolm MacDonald kerana menganggap pertemuan itu sebagai 'tidak akan memberi apa-apa faedah' dan sebaliknya mengambil keputusan hendak membawa perkara pengasingan itu ke dalam *Majlis Negeri*. Lihat, *Straits Echo*, 22.1.1949, h.3.

mempengaruhi sikap kedua-dua pihak. Tindakan Pemerintah British menghantar seorang Penasihat Ekonomi menunjukkan bahawa Pemerintah British mempunyai anggapan bahawa Gerakan Pengasingan itu pada asasnya adalah digerakkan oleh rasa tidak puas hati terhadap persoalan ekonomi. Dalam keadaan ini Pemerintah British nampaknya lebih ingin untuk membincangkan masalah ekonomi sahaja. Ini menyebabkan Ahli-ahli Jawatankuasa Pengasingan kurang menaruh kepercayaan kepada rundingan-rundingan berikutnya dengan pegawai-pegawai tinggi British.<sup>53</sup> Sementara itu wakil pemerintah British berharap Jawatankuasa Pengasingan itu akan mewakili seluruh penduduk Negeri Pulau Pinang sebagaimana yang didakwa oleh penyokong-penyokong gerakan itu. Tetapi oleh kerana tidak adanya wakil Melayu yang hadir dalam pertemuan itu maka Jawatankuasa Pengasingan itu tidak menjadi wakil penduduk Negeri Pulau Pinang sepenuhnya. Di samping faktor lain keadaan ini menyebabkan Kerajaan dan Pemerintah British bersikap dingin terhadap gerakan itu. Bagaimanapun untuk menjaga hubungan baik antara kaum, satu perjumpaan telah diadakan antara pemimpin-pemimpin Melayu yang diketuai oleh Dato Onn bin Jaafar dengan orang Cina Peranakan. Di antara perkara yang dibincangkan mereka termasuklah soal pengasingan dan perkara yang berkaitan dengannya seperti hal kerakyatan dan imigresen.<sup>54</sup> Perjumpaan ini juga telah menubuhkan satu badan perhubungan terdiri dari pemimpin kaum termasuk Dr. Lee Tiang Kheng yang merupakan salah seorang Ahli Jawatankuasa Pengasingan.<sup>55</sup>

Kegagalan perundingan dengan wakil Pemerintah British dan pemimpin Melayu mendorongkan Jawatankuasa Pengasingan mengambil keputusan membawa perkara Pengasingan itu ke dalam Majlis Negeri Pulau Pinang.<sup>56</sup> Hingga keputusan ini diambil Kerajaan British di London tidak diberitahu secara rasmi tentang Gerakan Pengasingan itu.<sup>57</sup> Walaupun perkara ini disedari namun Kerajaan British masih menganggap bahawa gerakan itu tidak

---

<sup>53</sup> *Straits Echo*, 22.1.1949, h.3.

<sup>54</sup> *Warta Negara*, 11.1.1949, h.2; dan *Utusan Melayu*, 8.1.1949, h.2.

<sup>55</sup> Lain-lain anggota badan ini termasuklah Dato Onn bin Jaafar, Hamzah bin Abdullah, Dato Panglima Bukit Gantang, Salleh Hakim, C.C. Tang, Tan Cheng Lock dan Yong Shock Lin. Lihat, *Warta Negara*, 11.1.1949, h.2.

<sup>56</sup> *Straits Echo*, 22.1.1949, h.3.

<sup>57</sup> *Ibid.*, 27.1.1949, h.3.

meluas atau besar.<sup>58</sup>

Walaupun gerakan ini dianggap tidak serius atau besar oleh Kerajaan dan Pemerintah British, tetapi kesungguhan Jawatankuasa Pengasingan hendak membuat usul pengasingan dalam Majlis Negeri agak membimbangkan Kerajaan dan Pemerintah British serta orang Melayu sendiri. Keadaan ini adalah jelas apabila pada saat-saat akhir tiga orang Ahli Jawatankuasa Perhubungan Bangsa-bangsa yang terdiri dari C.C. Tan, Khoo Teik Ee dan E.E.C. Thuraisingam telah dihantar ke Pulau Pinang untuk meminta Mackay menarik balik ketetapan Jawatankuasa Pengasingan itu.<sup>59</sup> Pemerintah British juga telah mengumumkan beberapa langkah bagi mengurangkan perasaan tidak puas hati dengan harapan Jawatankuasa itu akan menimbangkan semula ketetapan itu. Umpamanya Pemerintah British mengumumkan bahawa satu rang undang-undang mengenai Taraf Pelabuhan Bebas Negeri Pulau Pinang akan diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan.<sup>60</sup> Di samping itu Pemerintah British juga mengumumkan bahawa perkara mengenai munisipal tidak akan lagi dibawa ke dalam Majlis di Kuala Lumpur. Ianya memadai dibincangkan dan diambil keputusan di dalam Majlis Negeri.<sup>61</sup> Pada hari persidangan A.V. Aston sekali lagi menawarkan kesanggupan Pesuruhjaya Tinggi berjumpa dengan Jawatankuasa Pengasingan.<sup>62</sup> Bagaimanapun Jawatankuasa Pengasingan masih tetap dengan pendirian mereka dan pada 10 Februari 1949 usul pengasingan itu dibentangkan di dalam Majlis Negeri Pulau Pinang untuk dibuat keputusan.

Usul pengasingan itu dikemukakan oleh D.A. Mackay dan disokong oleh Dr. Lee Tiang Keng dalam satu bentuk ketetapan Majlis yang berbunyi:

Majlis ini memikirkan akan menjadi berfaedah kepada pentadbiran, iktisad dan siasah jajahan ini mengasingkan diri dari Persekutuan Tanah Melayu dan balik kepada tarafnya yang dahulu, sama ada sebagai sebuah jajahan yang berasingan atau bersekutu dengan Singapura.<sup>63</sup>

---

<sup>58</sup> Warta Negara, 29.1.1949, h.4

<sup>59</sup> Warta Negara, 12.2.1949, h.2; dan, Utusan Melayu, 14.2.1949, h.5

<sup>60</sup> *Straits Echo*, 3.2.1949, h.1

<sup>61</sup> Warta Negara, 11.2.1949, h.1

<sup>62</sup> *Straits Echo*, 11.2.1949, h.1

<sup>63</sup> Warta Negara, 11.2.1949, h.1

Dalam ucapannya D.A. Mackay menekankan bahawa cadangan pengasingan itu bukan berunsur perkauman dan apa yang dikehendaki oleh Negeri Pulau Pinang ialah untuk menjadi sebahagian daripada empayar dan tidak mahu diseret keluar.<sup>64</sup> Pada umumnya D.A. Mackay berpendapat bahawa sekiranya Negeri Pulau Pinang menyertai Persekutuan Tanah Melayu, maka Negeri Pulau Pinang akan mengalami kerugian dari segi politik, ekonomi dan pentadbiran kerana kedudukannya adalah berbeza dari Negeri-negeri Melayu yang lain. Apa yang lebih ditekankan ialah kemasukan itu adalah tanpa persetujuan penduduk Negeri Pulau Pinang. Mengikut D.A. Mackay penduduk-penduduk Pulau Pinang dan Seberang Perai tidak dibawa berunding bagi menentukan masa depan negeri mereka. Tambahan pula, pengalaman selama tiga tahun di dalam *Malayan Union* dan kemudiannya di dalam Persekutuan Tanah Melayu adalah tidak menyenangkan mereka. D.A. Mackay mensifatkan kemasukan Negeri Pulau Pinang itu sebagai umpan untuk menarik Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan sebagai permainan politik semata-mata.<sup>65</sup>

Selain daripada D.A. Mackay dan Dr. Lee Tiang Keng, Chia Inn Kiong, G. Shelly, Lee Wun Moon, N. Ponnudurai dan M.P. Mathew juga turut berucap menyokong cadangan Pengasingan itu. Sementara itu keempat-empat orang anggota Melayu iaitu Dr. K.M. Ariff, S.M. Aidid, Hashim bin Awang dan Mohd. Noor bin Hamzah telah berucap menentang cadangan tersebut.<sup>66</sup> Tidak seorang pun Ahli Rasmi berucap sama ada menyokong atau menentang rancangan tersebut.<sup>67</sup>

S.M. Aidid dalam ucapan menentang cadangan Pengasingan itu menyatakan bahawa Persekutuan Tanah Melayu adalah dicipta atas daya usaha orang Melayu dan sebarang percubaan untuk memecahkannya akan ditentang oleh orang Melayu.<sup>68</sup> Persekutuan Tanah Melayu merupakan kompromi yang terbaik antara negeri-negeri di Tanah Melayu untuk mencapai satu bentuk kerajaan pusat yang baik. Selain daripada itu Negeri Pulau Pinang sebagai negeri yang kecil tidak dapat berdiri sendiri dan masih bergantung

---

<sup>64</sup> *Straits Echo*, 11.2.1949, h.3

<sup>65</sup> Petikan asal, "... that the inclusion of the Settlement was a bait to attract the Unfederated Malay States and a matter of pure political expediency". Lihat, *Straits Echo*, 11.2.1949, h.3

<sup>66</sup> *Warta Negara*, 11.2.1949, h.1. Lihat juga, *Straits Echo*, 11.2.1949, h.3

<sup>67</sup> *Warta Negara*, 11.2.1949, h.1

<sup>68</sup> *Straits Echo*, 11.2.1949, h.3-5. Lihat juga *Warta Negara*, 11.2.1949, h.1

kepada tanah besar. Sementara itu S.M. Aidid bersetuju bahawa Negeri Pulau Pinang tidak mendapat peruntukan yang cukup dari Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun S.M. Aidid berpendapat keadaan ini bukan sahaja dialami oleh Negeri Pulau Pinang tetapi juga oleh negeri-negeri lain dalam Persekutuan. Selain daripada menyokong pandangan S.M. Aidid, Dr. K.M. Ariff menyatakan bahawa hanya sebilangan kecil saudara-saudara yang mahukan pengasingan.<sup>69</sup> Wakil-wakil Melayu juga berpendapat bahawa perasaan tidak puas hati terhadap Kerajaan Persekutuan dapat diselesaikan di dalam Majlis Perundangan Persekutuan. Perbahasan mengenai Pengasingan di dalam Majlis Negeri Pulau Pinang menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada Ahli-ahli Tidak Rasmi itu menyokong Pengasingan. Bagaimana apabila ketetapan itu diundi didapati lima belas suara menentang dan sepuluh suara menyokong.<sup>70</sup> Daripada lima belas suara yang menentang itu, lima daripadanya ialah suara Ahli Tidak Rasmi iaitu empat Melayu dan satu Bukan Melayu (A.M.A. Bakar dari *Muslim League*).<sup>71</sup> Sementara yang bakinya adalah dari semua Ahli Rasmi dan Ahli *Ex-Officio*.

Dalam konteks politik orang Melayu Negeri Pulau Pinang, keputusan Majlis Negeri Pulau Pinang itu dapat menggambarkan sejauh manakah peranan orang Melayu itu berkesan dalam menentukan masa depan Pulau Pinang dan Seberang Perai. Walaupun pada umumnya keputusan itu memperlihatkan sedikit sebanyak kejayaan orang Melayu tetapi hakikat bahawa sepuluh dari lima belas suara itu datangnya dari pegawai-pegawai British jelas menunjukkan bahawa orang Melayu masih lagi bergantung kepada Pemerintah British sekurang-kurangnya dalam perkara menentukan majoriti dalam Majlis. Tambahan pula Ahli-ahli Rasmi itu berdasarkan arahan yang diterima dan bukannya berdasarkan pertimbangan yang bebas.<sup>72</sup> Tindakan ini adalah sebagai sebahagian daripada usaha Pemerintah British hendak

---

<sup>69</sup> *Straits Echo*, 11.2.1949, h.5

<sup>70</sup> *Warta Negara*, 11.2.1949, h.1. Majlis Negeri Pulau Pinang mengandungi 26 orang ahli iaitu seorang Presiden, 2 orang Ahli *Ex-Officio*, 8 orang Ahli Rasmi dan 15 orang Ahli Tidak Rasmi. 4 orang daripada Ahli Tidak Rasmi adalah Melayu.

<sup>71</sup> Ahli-ahli Rasmi dan *Ex-Officio* dikatakan terpaksa mengundi menentang. Lihat, Rencana Pengarang berjudul "Moral Victory for Secessionists", *Sunday Gazette*, 13.2.1949, h.6.

<sup>72</sup> Lihat, Rencana Pengarang berjudul "Secession Movement", *Straits Echo*, 12.2.1949, h.4

menggagalkan rancangan pengasingan selepas beberapa usahanya yang terdahulu itu gagal.<sup>73</sup>

Bagi Gerakan Pengasingan, keputusan itu memberikan kemenangan moral kerana kekalahan mereka itu bukan disebabkan oleh majoriti penduduk Pulau Pinang dan Seberang Perai tidak menyetujui pengasingan tetapi lebih disebabkan oleh Pemerintah British tidak mahu rancangan pengasingan itu berjaya.<sup>74</sup> Mungkin kerana faktor inilah yang mendorongkan Gerakan Pengasingan meneruskan rancangan mereka itu dengan menghantar satu permohonan kepada Kerajaan British di London dan tidak lagi membawa perkara pengasingan itu ke dalam Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu.

### *Permohonan Untuk Pengasingan*

Berikutan dengan kekalahan usul pengasingan di dalam Majlis Negeri Pulau Pinang, satu mesyuarat Jawatankuasa Pengasingan telah diadakan pada 15 Februari 1949. Pada akhir mesyuarat itu jawatankuasa tersebut telah dengan sebulat suara mengambil keputusan menolak tawaran yang dibuat oleh Pemerintah British melalui *Resident Commissioner* di dalam Majlis Negeri Pulau Pinang pada 10 Februari 1949 supaya Jawatankuasa Pengasingan menghantar segala bantahan dan rasa tidak puas hati mereka kepada Pesuruhjaya Tinggi.<sup>75</sup> Jawatankuasa itu berpendapat bahawa tidak ada faedah perkara pengasingan itu dikemukakan di dalam Majlis Perundangan Persekutuan kerana tindakan yang demikian akan mendatangkan hasil yang sama sebagaimana yang berlaku di dalam Majlis Negeri Pulau Pinang. Bagaimanapun sebagai langkah seterusnya jawatankuasa itu mengambil keputusan untuk membuat pertemuan dengan Anthony Eden iaitu Naib Ketua Parti Konservatif Britain apabila beliau melawat Tanah Melayu pada bulan Mac. Di samping itu jawatankuasa itu juga telah mengambil keputusan hendak menghantar satu permohonan

---

<sup>73</sup> Antara usaha-usaha yang telah dijalankan ialah menghantar tiga orang Ahli Jawatankuasa Perhubungan Kaum ke Pulau Pinang membawa surat *Commissioner General* sebagai usaha terakhir memujuk Jawatankuasa Pengasingan menarik balik usul di dalam Majlis Negeri Pulau Pinang. Lihat, *ibid.*, h.4

<sup>74</sup> *Ibid.* Ada pendapat yang mengatakan bahawa sekiranya Ahli-ahli Majlis dibenarkan mengundi secara bebas usul Pengasingan itu akan berjaya. Lihat, Mohamed Noordin Sopiee, *op. cit.*, h.66

<sup>75</sup> *Straits Echo*, 16.2.1949, h.1

lagi kepada Kerajaan British.

Permohonan ini merupakan laporan dari Jawatankuasa Kecil Gerakan Pengasingan yang khusus telah mengkaji aspek-aspek ekonomi, politik dan pentadbiran Negeri Pulau Pinang dan hubungannya dengan Kerajaan Persekutuan. Pada umumnya permohonan itu mengemukakan tiga perkara asas yang menimbulkan rasa tidak puas hati. Pertama, berhubung dengan cara bagaimana perubahan status politik Negeri Pulau Pinang dari sebuah tanah jajahan kepada salah satu unit dalam Persekutuan yang dikatakan sebagai dibuat tanpa terlebih dahulu mendapat pertimbangan dari penduduk Pulau Pinang dan Seberang Perai.<sup>76</sup> Bagaimanapun ada benarnya bahawa Kerajaan British tidak mendapat *consensus* terlebih dahulu dari penduduk tempatan sebelum memasukkan Pulau Pinang dan Seberang Perai ke dalam Persekutuan,<sup>77</sup> tetapi Kerajaan British telah memberi peluang kepada penduduk tempatan mengemukakan pandangan mereka kepada Jawatankuasa Perundingan. Ternyata peluang ini tidak disia-siakan memandangkan adanya pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh penduduk tempatan kepada Jawatankuasa Perundingan termasuk satu memorandum dari *Penang Chamber of Commerce* (sebuah pertubuhan perdagangan orang Eropah yang tinggal di Pulau Pinang). Memorandum ini pada dasarnya menyokong cadangan-cadangan Perlembagaan.<sup>78</sup> Tambahan pula walaupun terdapat rasa tidak puas hati, pemimpin-pemimpin bukan Melayu yang mewakili berbagai pertubuhan telah menerima perlantikan ke dalam Majlis Negeri Pulau Pinang dan Majlis Perundangan Persekutuan. Keadaan ini sekurang-kurangnya menunjukkan bahawa ada hasrat di kalangan pemimpin bukan Melayu untuk menyelesaikan rasa tidak puas hati mereka melalui Perlembagaan dan menerima Perlembagaan itu pada dasarnya.<sup>79</sup>

Kedua, rasa tidak puas hati itu dirujuk kepada kuasa yang diperuntukkan kepada Negeri Pulau Pinang oleh Perlembagaan. Permohonan itu berpendapat bahawa Perlembagaan telah mengubah taraf Negeri Pulau Pinang dari sebuah tanah jajahan kepada sebuah Negeri Naungan dan merendahkan tarafnya sebagai *junior*

---

<sup>76</sup> Lihat, Permohonan "Penang Secession Petition", *Sunday Gazette*, 20.11.1949, h.7. Mengenai Permohonan sepenuhnya, lihat lampiran G.

<sup>77</sup> Risalah *Dept. of Public Relations*, Bil. PR 702/46

<sup>78</sup> Mohamed Noordin Sopiee, *op. cit.*, h.60

<sup>79</sup> Mesyuarat Pertama Majlis Negeri Pulau Pinang pada 2.2.1948. Fail Malayan Union, Bil. 9928/46.



*partner*' atau rakan perkongsian yang rendah tarafnya dalam Persekutuan.<sup>80</sup> Adalah ternyata bahawa berlaku perubahan taraf dari tanah jajahan kepada negeri naungan memandangkan Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan peraturan-peraturan yang membolehkan Negeri Pulau Pinang menubuhkan Majlis Negeri. Fungsi Majlis Negeri ini bukan lagi bersifat *advisory* [penasihat] tetapi *legislative* [perundangan].<sup>81</sup> Tanggapan bahawa Negeri Pulau Pinang merupakan rakan perkongsian yang rendah tarafnya pada umumnya berdasarkan kepada bilangan keanggotaan wakil dari Negeri Pulau Pinang ke dalam Majlis Perundangan Persekutuan. Daripada Ahli-ahli Majlis yang seramai 75 orang itu (kecuali Pesuruhjaya Tinggi sebagai Presiden Majlis), 9 orang adalah wakil Negeri Pulau Pinang. Dari jumlah itu, 8 orang adalah Ahli Tidak Rasmi iaitu 3 orang wakil Melayu, 4 orang wakil Cina dan seorang wakil orang Eropah. Sementara seorang lagi ialah Ahli Wakil Negeri yang boleh dipilih daripada mana-mana kaum. Sementara itu orang India dan Serani adalah tidak diwakili walaupun bilangan mereka di Negeri Pulau Pinang agak besar berbanding dengan penduduk Eropah yang mempunyai seorang wakil (penduduk India dan Serani masing-masing berjumlah 57,477 dan 2,422 berbanding dengan Eropah yang cuma berjumlah 1,177 orang).<sup>82</sup>

Ternyata kedudukan Negeri Pulau Pinang itu adalah ditentukan oleh Perlembagaan yang dibentuk berdasarkan semangat tolak ansur. Pembentukan Majlis Perundangan Persekutuan yang memberi kelebihan perwakilan kepada orang-orang Melayu adalah diterima sebagai adil memandangkan orang Melayu merupakan golongan terbanyak. Bagi orang-orang Melayu juga, Tanah Melayu adalah satu-satunya tempat tinggal dan tempat tumpuan kesetiaan.<sup>83</sup> Bagaimanapun kerajaan yang dibentuk di Negeri Pulau Pinang mempunyai taraf yang sama dengan negeri-negeri lain yang menjadi rakan perkongsian di dalam Persekutuan.<sup>84</sup>

Ketiga, permohonan itu juga berpendapat bahawa Kerajaan Persekutuan tidak mengambil berat tentang kepentingan dan hak penduduk Negeri Pulau Pinang. Anggapan ini timbul hasil dari

---

<sup>80</sup> Mesyuarat Pertama Majlis Negeri Pulau Pinang pada 2.2.1948.

<sup>81</sup> Mesyuarat Pertama Majlis Negeri Pulau Pinang pada 2.2.1948.

<sup>82</sup> Lihat, permohonan "Penang Secession Petition".

<sup>83</sup> Risalah *Dept. of Public Relations*, Bil. PR 702/46.

<sup>84</sup> Lihat, Surat jawapan Setiausaha Tanah Jajahan kepada Jawatankuasa Pengasingan.

pengalaman selama beberapa bulan berada di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Beberapa keputusan Kerajaan Persekutuan dikatakan merugikan penduduk dan Negeri Pulau Pinang. Umpamanya dalam perkara pemberian peruntukan, pemberian biasiswa dan pembahagian jawatan-jawatan tinggi kerajaan serta kenaikan pangkat. Sejauh mana beberapa anggapan itu adalah sukar untuk ditentukan. Bagaimanapun seorang wakil dari Negeri Pulau Pinang iaitu Dr. Lee Tiang Keng telah dilantik menduduki Majlis Persekutuan iaitu Majlis yang bertindak sebagai kabinet dalam Kerajaan Persekutuan.

Berhubung dengan perkara di atas juga, permohonan itu berpendapat bahawa syarat-syarat kerakyatan yang terkandung di dalam Perlembagaan itu adalah merugikan rakyat British bukan Melayu. Permohonan juga antara lain membuat kesimpulan bahawa peruntukan Perlembagaan mengenai kerakyatan adalah *harsh* [ketat] bagi rakyat British bukan Melayu di Negeri Pulau Pinang. Bagaimanapun peruntukan di dalam Perlembagaan itu adalah hasil daripada tolak ansur pemimpin-pemimpin Melayu dan bukan Melayu di Tanah Melayu. Kesan daripada usaha menye-  
laraskan taraf kerakyatan di seluruh Tanah Melayu, orang bukan Melayu rakyat British di Negeri Pulau Pinang dikatakan menjadi golongan yang paling rugi. Ini adalah kerana bukan sahaja mereka terpaksa mengorbankan taraf kerakyatan British yang memberi layanan undang-undang yang sama tanpa membezakan Melayu dan bukan Melayu tetapi perubahan taraf politik mereka hasil daripada pelaksanaan Perlembagaan Persekutuan meletakkan mereka di tempat yang berbeza dari orang Melayu sekurang-kurangnya kalau ditinjau dari syarat-syarat untuk mendapatkan taraf kerakyatan Persekutuan.

Berdasarkan kepada perasaan tidak puas hati yang dikemukakan itu, permohonan itu juga berharap Kerajaan British dapat melantik satu Suruhanjaya Diraja bagi mengkaji kedudukan Negeri Pulau Pinang. Bagaimanapun permohonan itu telah ditolak oleh Kerajaan British atas alasan *the apprehension of the petitioners are not well founded and that a case has not been established*. Kerajaan British berpendapat bahawa kesulitan yang masih ada dan mungkin timbul pada masa yang akan datang di antara Negeri Pulau Pinang dengan Kerajaan Persekutuan dapat diselesaikan melalui Perlembagaan. Jawapan Kerajaan British ini telah melemahkan minat Jawatankuasa Pengasingan dan peranannya

dalam Gerakan Pengasingan menjadi semakin pudar. Gerakan Pengasingan itu kemudiannya lenyap apabila beberapa orang pemuka Gerakan ini meninggalkan Negeri Pulau Pinang dan pulang ke Britain.<sup>85</sup>

Seperti permohonan orang Cina sebelumnya Permohonan Jawatankuasa Pengasingan Negeri Pulau Pinang tidak mencapai matlamatnya meminta Kerajaan British melantik Suruhanjaya Diraja bagi mengkaji masalah Negeri Pulau Pinang. Kegagalan Usul Pengasingan di dalam Majlis Negeri Pulau Pinang pada 10 Februari 1949 dapat dikatakan sedikit sebanyak telah mempengaruhi keyakinan Jawatankuasa. Sekurang-kurangnya mereka menyedari bahawa matlamat mereka tidak akan tercapai sekiranya diteruskan ke dalam Majlis Perundangan Persekutuan. Memandangkan sikap Pemerintah British yang mahu menyelesaikan masalah pengasingan itu melalui perlembagaan yang ada, Jawatankuasa Pengasingan tidak mempunyai saluran penyelesaian yang lebih baik selain daripada membawa masalah mereka ke peringkat Kerajaan British. Tetapi Kerajaan British berpendapat bahawa bukan masanya perkara pengasingan itu dibincangkan memandangkan keadaan darurat yang memuncak ketika itu.<sup>86</sup> Sikap Kerajaan British itu banyak mempengaruhi kegagalan Gerakan Pengasingan.

Sebagai satu kesimpulan di sini, dapat dikatakan bahawa Gerakan Pengasingan bermula dengan bersemangat sekurang-kurangnya kalau dilihat dalam jangkamasa yang tidak sampai dua bulan tertubuhnya Jawatankuasa Pengasingan, serta Usul Pengasingan telah dimajukan di dalam Majlis Negeri dan juga kalau dilihat dari liputan berita yang diberikan kepada Gerakan itu.<sup>87</sup> Bagaimanapun selepas kegagalan Usul Pengasingan di dalam Majlis Negeri Pulau Pinang, perkembangannya agak perlahan. Keadaan ini ternyata kalau dilihat bahawa walaupun keputusan menghantar permohonan dibuat pada pertengahan bulan Februari tetapi langkah itu dilaksanakan hampir lima bulan kemudian iaitu

---

<sup>85</sup> Lihat, Laporan J.P. Souter, h.20

<sup>86</sup> Dalam satu perbualan dengan J.P. Souter, Pengerusi Jawatankuasa Pengasingan pada 31. 5. 1959, Setiausaha Tanah Jajahan British telah mengemukakan pertanyaan ini: "Did I [you] think the present time an opportune one to discuss and advocate so serious a matter as Secession from the Federation having in mind that the emergency was then [is] at its height?" Lihat, Laporan J.P. Souter, h.16.

<sup>87</sup> Lihat, "Press Reactions to the Penang Secession Movement"

pada 22 Julai 1949.<sup>88</sup> Bermula dari tarikh ini sehingga jawapan dari Kerajaan British diterima Jawatankuasa Pengasingan boleh dikatakan tidak bergerak kecuali membuat satu pertemuan dengan Setiausaha Tanah Jajahan British pada bulan Mei 1950.<sup>89</sup> Perjumpaan ini tidak mendatangkan apa-apa kesan yang menggalakkan kepada Gerakan Pengasingan selain daripada memberi peluang kepada Jawatankuasa Pengasingan itu untuk mengemukakan harapan supaya Kerajaan British menghantar satu jawapan yang munasabah kepada permohonan itu.<sup>90</sup>

Walaupun Gerakan Pengasingan tidak berjaya mencapai matlamatnya tetapi perkembangan selama lebih daripada dua tahun itu sekurang-kurangnya telah berjaya memperlihatkan sikap penduduk bukan Melayu Negeri Pulau Pinang terhadap Persekutuan Tanah Melayu dan sejauh manakah kesetiaan mereka kepada Kerajaan British. Ketiadaan orang Melayu di perjumpaan pada 13 Disember 1948 dan sikap mereka ketika membahaskan usul pengasingan di dalam Majlis Negeri Pulau Pinang menunjukkan sejauh mana Gerakan Pengasingan itu telah ditentang. Hubungan orang Melayu terhadap Kerajaan Persekutuan adalah erat walaupun disedari Negeri Pulau Pinang terpaksa mengorbankan beberapa keistimewaannya terutama yang ada hubungan dengan ekonomi dan pentadbiran. Bagi masyarakat luar bandar pengorbanan itu tidak begitu menjejaskan kehidupan mereka. Tetapi apa yang lebih penting ialah mempertahankan Persekutuan Tanah Melayu iaitu unit politik yang telah sama-sama mereka wujudkan.

Gerakan Pengasingan itu telah sedikit sebanyak mempengaruhi hubungan antara orang Melayu dan bukan Melayu di Pulau Pinang dan Seberang Perai. Sejauh manakah ia memberi kesan terhadap hubungan kaum itu dapat ditinjau apabila institusi pilihanraya diperkenalkan di Negeri Pulau Pinang.

---

<sup>88</sup> Kelewatan ini mungkin kerana memberi masa kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil Pengasingan menyiapkan laporan masing-masing.

<sup>89</sup> Lihat, Laporan J.P. Souter, h.14

<sup>90</sup> *Ibid*, h.17. Mengenai jawapan Kerajaan British itu, lihat Lampiran



Datuk Onn Jaafar di perhimpunan menentang Malayan Union di padang Sekolah Francis Light, Pulau Pinang, 1946.



Dari kiri: Tuan Hj. Omar, Tuan Hj. Abd. Aziz, Tuan Hj. Mansor, YTM Tengku Abdul Rahman, Mohamad Noor b. Ahmad, semasa Mesyuarat Agung UMNO pada 25 Julai 1954 di Pulau Pinang.



Datuk Onn Jaafar berucap semasa kempen pilihanraya 1955.

# 4

## POLITIK MELAYU DAN PILIHANRAYA\*

Apabila British kembali ke Tanah Melayu, pemerintah itu telah menghidupkan semula institusi perwakilan bagi memberi peluang kepada penduduk tempatan mengambil bahagian di dalam urusan pentadbiran. Di Negeri Pulau Pinang pemerintah BMA telah menubuhkan Majlis-majlis Mesyuarat pada peringkat George Town, Luar bandar dan Seberang Perai. Ini diikuti pula dengan penubuhan Majlis Penasihat Negeri Pulau Pinang yang kemudiannya diganti dengan Majlis Negeri Pulau Pinang. Ahli-ahli institusi perwakilan tersebut adalah ditentukan melalui dua cara iaitu dengan tindakan Pemerintah British sendiri melantik pemimpin-pemimpin kaum yang berpengaruh atau dengan memberikan hak memilih itu kepada pertubuhan-pertubuhan kaum untuk memilih wakilnya sendiri.<sup>1</sup> Bagaimanapun Pemerintah British menganggap anggota Majlis yang dilantik itu sebagai tidak mewakili mana-mana pertubuhan atau kaum tetapi sebaliknya mewakili seluruh penduduk Pulau Pinang dan Seberang Perai. Namun demikian sejauh mana sikap yang diharapkan itu terdapat di kalangan anggota Majlis adalah sukar untuk ditentukan. Tetapi sekurang-kurangnya sejak tahun 1946 lagi orang Melayu menganggap pemimpin-pemimpin Melayu yang dilantik itu sebagai wakil Melayu.<sup>2</sup> Sehingga tahun 1948 peranan Majlis itu adalah tidak

---

\* Bab ini akan memberi penekanan kepada tiga pilihanraya yang telah diadakan iaitu Pilihanraya Munisipal 1951, Pilihanraya Majlis Negeri Pulau Pinang 1955 dan Pilihanraya Persekutuan 1955.

<sup>1</sup> PCTH, PCCC dan SCBA adalah tiga buah pertubuhan Cina yang telah diberi kuasa oleh pemerintah British untuk memilih wakil ke dalam Majlis Munisipal George Town. Ketiga-tiganya sama-sama diberi kuasa juga untuk memilih dua orang dari kaum Cina menjadi wakil di dalam Majlis Penasihat Negeri Pulau Pinang. Lihat, permohonan PCTH, PCCC dan SCBA kepada Setiausaha Tanah Jajahan British, Fail Malayan Union, Bil. 3947/47.

<sup>2</sup> Warta Negara, 16.3.1946, h.1

lebih dari menjadi Majlis Penasihat dan sebagai langkah pertama ke arah mewujudkan Majlis Negeri terdiri dari anggota-anggota yang sebahagiannya dipilih ke arah membentuk sebuah kerajaan sendiri.<sup>3</sup>

### *Ke Arah Pilihanraya*

Institusi pilihanraya pertama kalinya diperkenalkan di Negeri Pulau Pinang pada tahun 1867 bagi memilih ahli-ahli Majlis Munisipal. Tetapi pada tahun 1913 institusi ini telah dibatalkan kerana tidak banyak minat yang ditunjukkan.<sup>4</sup> Sejak itu sehingga pilihanraya diperkenalkan semula pada bulan Disember 1951, ahli bagi Majlis-majlis yang dibentuk itu dianggap dapat mewakili kepentingan golongan yang terdapat di Negeri Pulau Pinang seperti kepentingan kaum dan perdagangan,<sup>5</sup> dan sekurang-kurangnya menjadi tempat untuk mengemukakan rasa tidak puas hati kepada Pemerintah British.

Salah satu perubahan yang dibawa oleh Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ialah mengadakan sebuah Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan yang mengandungi wakil daripada tiap-tiap Negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat iaitu Melaka dan Negeri Pulau Pinang. Selain daripada itu pilihanraya juga akan diadakan bagi Majlis Perundangan Persekutuan, Majlis-majlis Negeri dan Lembaga Bandaran.

Cadangan mengadakan pilihanraya itu mendapat pandangan yang berbeza dari penduduk Negeri Pulau Pinang. Pada umumnya terdapat kecenderungan di kalangan pemimpin-pemimpin untuk tidak menyokong langkah mengadakan pilihanraya itu. Bagaimanapun alasan-alasan yang dikemukakan adalah berbeza.<sup>6</sup> Namun demikian kebanyakan pemimpin berpendapat bahawa masanya belum sampai untuk mengadakan pilihanraya tersebut.<sup>7</sup>

<sup>3</sup> Mesyuarat Pertama Majlis Penasihat Negeri Pulau Pinang pada 14.11.1946, Fail Malayan Union, Bil.9928/46.

<sup>4</sup> Lihat, Rencana Pengarang, "First Step Towards Democracy", *Straits Echo*, 9.10.1950, h.4; dan, *Straits Echo*, 6.9.1950, h.3.

<sup>5</sup> *Ibid.*, 1.4.1947, h.7

<sup>6</sup> Satu alasan yang diberi ialah sekiranya ahli-ahli Dewan dipilih melalui pilihanraya semua kerusi akan diduduki oleh golongan komunis. Lihat, *Malay Mail*, 21.2.1947, h.5.

<sup>7</sup> *Straits Echo*, 1.2.1947, p.7. Juga, keterangan Haji Abdul Rahim Khan.. Temutanya di rumah beliau pada 21.11.1976. Mengenai Haji Abdul Rahim Khan, lihat Lampiran A.



Sikap itu dapat dihubungkan dengan kebimbangan bahawa satu kaum akan menguasai satu kaum yang lain apabila pilihanraya itu dilaksanakan. Sementara itu ada pula beberapa orang Ahli Majlis Munisipal yang berpendapat bahawa sekiranya diadakan pilihanraya kemungkinan mereka akan dipilih semula adalah tipis. Apa yang lebih dikehendaki pada masa itu ialah supaya Pemerintah British melantik wakil dari golongan kecil tetapi mempunyai kepentingan di Negeri Pulau Pinang seperti golongan pedagang dan orang Serani ke dalam Majlis-majlis yang telah dibentuk.<sup>8</sup>

Bagaimanapun sikap itu berubah terutamanya di kalangan pemimpin bukan Melayu setelah hampir setahun pengalaman Negeri Pulau Pinang berada di dalam Persekutuan Tanah Melayu.<sup>9</sup> Pengalaman yang merugikan Negeri Pulau Pinang dari segi ekonomi dan pentadbiran semasa berada di dalam Persekutuan Tanah Melayu mempengaruhi sikap pemimpin-pemimpin bukan Melayu dan mereka mula menyarankan supaya masa depan Negeri Pulau Pinang ditentukan oleh penduduk Pulau Pinang dan Seberang Perai sendiri.<sup>10</sup> Gerakan Pengasingan yang dikatakan mendapat sokongan sebahagian besar dari penduduk bukan Melayu telah memberi keyakinan kepada pemimpin-pemimpin bukan Melayu untuk memperjuangkan masa depan Negeri Pulau Pinang berdasarkan kehendak rakyat sendiri.

Kekalahan undi pengasingan di dalam Majlis Negeri Pulau Pinang pada bulan Februari 1949 adalah disebabkan oleh kejayaan undi Ahli Rasmi banyak mempengaruhi sikap golongan yang menuntut pengasingan terhadap peranan Majlis Negeri Pulau Pinang dan Majlis Persekutuan. Mereka berpendapat bahawa cara untuk menyelesaikan masalah pengasingan ialah melalui pilihanraya.<sup>11</sup> Azam untuk memperjuangkan supaya pilihanraya diadakan diperkukuhkan lagi berikutan dengan kejayaan Pilihanraya Munisipal yang pertama di Singapura pada bulan April tahun 1949.

Lanjutan dari satu cadangan yang dikemukakan oleh Rencana

---

<sup>8</sup> *Straits Echo*, 1.4.1947, h.7

<sup>9</sup> Sikap pemimpin-pemimpin Melayu dapat ditinjau dari kenyataan Dr. K.M. Ariff. Apabila Majlis Munisipal membincangkan perkara tarikh pilihanraya Munisipal Dr. K.M. Ariff menyatakan, "Mengapa kita mesti terikat kepada tarikh? Pilihanraya boleh diadakan apabila perundangan telah siap". Lihat, *Straits Echo*, 28.4.1950, h.1.

<sup>10</sup> *Ibid.*, 1.2.1949, p.1, dan 11.2.1949, h.3.

<sup>11</sup> Kenyataan J.P. Souter, Pengerusi Jawatankuasa Pengasingan Pulau Pinang dan Seberang Perai. Lihat, *Warta Negara*, 16.2.1949, h.2.

Pengarang akhbar *Straits Echo*,<sup>12</sup> N. Ponnudurai, seorang Ahli Majlis Munisipal George Town telah membuat satu resolusi dalam Majlis tersebut iaitu supaya mesyuarat Majlis dibuka kepada orang ramai.<sup>13</sup> Langkah ini menurut N. Ponnudurai akan memberi peluang kepada orang ramai untuk mengikuti perkembangan pemerintah. Ia juga merupakan langkah awal menuju ke arah satu bentuk pentadbiran Munisipal berdasarkan satu Majlis yang mengandungi wakil yang dipilih secara bebas.<sup>14</sup> Majlis telah menerima resolusi tersebut dan mencadangkan supaya beberapa persediaan dibuat untuk memperkenalkan pilihanraya.

Dalam mesyuarat Majlis Munisipal George Town pada 30 Ogos 1949, Ong Joo Sun, wakil dari SCBA telah membawa satu usul mengenai pilihanraya. Semasa membentangkan usul tersebut Ong Joo Sun menyatakan bahawa sebagai langkah menuju kepada taraf berkerajaan sendiri, persediaan patut bermula pada peringkat Munisipal dan Lembaga Bandaran. Cara lama melantik wakil ke dalam Majlis Munisipal adalah cara yang sudah lapuk dan ketiadaan cara baru iaitu pilihanraya mewujudkan lompang antara kerajaan dengan rakyat.<sup>15</sup>

Usul pilihanraya tersebut telah ditolak oleh Majlis dengan empat suara menyokong dan lapan suara menentang.<sup>16</sup> Bagaimanapun Majlis itu bersetuju meminta nasihat dan pandangan kerajaan sama ada pilihanraya itu boleh dilaksanakan atau tidak. Satu jawatankuasa yang terdiri daripada 12 orang dan dipengerusikan oleh Dr. Lee Thiang Keng telah dilantik untuk meninjau pandangan penduduk Negeri Pulau Pinang tentang pilihanraya.<sup>17</sup> C.M. Hashim adalah satu-satunya anggota Melayu di dalam jawatankuasa tersebut.<sup>18</sup> Kemungkinan pilihanraya itu diadakan semakin cerah

---

<sup>12</sup> *Straits Echo*, 17.6.1949, h.4.

<sup>13</sup> Resolusi sepenuhnya yang diterima berbunyi, "That this meeting of the Municipal Commission of George Town, Penang, hereby resolves that Section 34 and 42(3) of the Municipal Ordinance which together provide that all meetings of the committee of the whole body of Commissioners shall be open to the public unless the Commissioners by resolution at any meeting otherwise decide, be adhered to in the future". Lihat, *Straits Echo*, 29.6.1949, h.3.

<sup>14</sup> *Straits Echo*, 29.6.1949, h.3.

<sup>15</sup> *Straits Echo*, 31.8.1949, h.4.

<sup>16</sup> *Ibid.*, 1.9.1949, h.4.

<sup>17</sup> *Ibid.*, 20.2.1950, h.4.

<sup>18</sup> Lain-lain anggota dalam Jawatankuasa ini ialah Dr. Lim Chong Eu, J.V.M. Shields, Lim Huck Aik, N. Ponnudurai, J.P. Blackledge, R.C. Gates, G. Martin, A.W. Wallich, A.C. Reutens, dan Ong Joo Sun. Lihat, *Ibid.*, 25.3.1950, h.5.

apabila pada bulan Oktober 1949, J.P. Blackledge, Setiausaha Negeri Pulau Pinang menyatakan bahawa 'Pilihanraya Bandaran akan diadakan dalam jangka masa tidak berapa jauh, dan Pulau Pinang akan jadi tempat percubaan pertama bagi pilihanraya di Tanah Melayu'.<sup>19</sup> Sementara itu di dalam Majlis Perundangan Persekutuan satu resolusi telah dibuat supaya melantik sebuah jawatankuasa untuk menasihati Kerajaan Persekutuan mengenai dasar bagi memasukkan peruntukan di dalam perundangan yang akan membolehkan pilihanraya Munisipal diadakan.<sup>20</sup> Laporan yang dibuat oleh jawatankuasa ini telah diterima oleh Majlis Perundangan Persekutuan pada 14 Jun 1950.<sup>21</sup>

Beberapa cadangan yang diterima dari orang ramai termasuklah satu memorandum yang dikirim oleh *Penang Municipal and Services Union*. Di antara beberapa perkara yang dicadangkan oleh kesatuan ini termasuklah tarikh pilihanraya itu patut diadakan iaitu pada bulan Januari 1951; 2/3 daripada ahli-ahli Majlis Munisipal hendaklah dipilih melalui pilihanraya, sementara yang bakinya akan dilantik oleh ahli-ahli yang telah dipilih itu; hak mengundi dan menjadi calon diberi kepada mereka yang telah tinggal di George Town sekurang-kurangnya selama dua tahun dan telah membayar cukai kepada Majlis Bandaran George Town; dan kawasan pilihanraya hendaklah dibahagikan kepada dua belas.<sup>22</sup>

Jawatankuasa Pilihanraya telah bersetuju sebulat suara untuk mengadakan Pilihanraya Munisipal. Apabila dikemukakan kepada Majlis Munisipal, Majlis itu dengan suara terbanyak menerima tarikh mengundi yang akan ditetapkan pada bulan Disember 1951 dan jumlah kerusi yang akan dipertandingkan ialah sembilan daripada lima belas.<sup>23</sup> Di antara syarat-syarat yang perlu ada pada seseorang pengundi termasuklah kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada Negeri Pulau Pinang selain daripada telah bermastautin tidak kurang daripada dua tahun.<sup>24</sup>

### *Pilihanraya Munisipal 1951*

Apabila tarikh pilihanraya itu diumumkan UMNO Pulau

---

<sup>19</sup> *Ibid.*, 12.10.1949, h.3

<sup>20</sup> *Ibid.*, 12.10.1949, h.3

<sup>21</sup> *Ibid.*, 8.10.1950, h.4

<sup>22</sup> *Ibid.*, 8.3.1950, h.3

<sup>23</sup> *Ibid.*, 25.3.1950, h.1

<sup>24</sup> *Ibid.*, 25.3.1950, h.5

Pinang, Parti Radikal (PR) dan Parti Buruh Pulau Pinang (PBPP) telah menyatakan hasrat masing-masing untuk turut bertanding. UMNO Cawangan Pulau Pinang telah ditubuhkan pada 19 Disember 1948. Pertubuhan ini dipimpin oleh S.M. Aidid selaku Yang Dipertua, kapten Mohamad Noor Muhammad selaku Naib Yang Dipertua dan Ahmad Mokhtar selaku Setiausaha. Sehingga tahun 1951 UMNO telah menjadi sebuah pertubuhan politik yang berjaya mengumpulkan orang Melayu apabila pertubuhan Melayu yang lain sama ada telah dibubarkan atau tidak cergas lagi.<sup>25</sup>

Sebenarnya daya usaha menubuhkan UMNO Cawangan Negeri Pulau Pinang telah dibuat lebih awal dari tarikh tersebut apabila pada 27 November 1946 satu perundingan antara pemimpin-pemimpin PMPP, KMPP dan PMSP telah diadakan. Perjumpaan ini telah memutuskan untuk menyatukan ketiga-tiga pertubuhan itu dan meletakkannya di bawah UMNO Malaya.<sup>26</sup> Tetapi oleh kerana sesuatu sebab yang tidak dapat dikesan hanya pada awal bulan Februari 1948 baharulah ditubuhkan satu Jawatankuasa Lembaga Pengasas. Jawatankuasa ini terdiri daripada, antaranya, S.M. Aidid, Haji Ahmad Mokhtar, Zainal Abidin bin Sutan Maidin, Ibrahim Mahmood, Kapten Muhammad Noor bin Mohamad dan Abdul Majid Haji Mohamad.<sup>27</sup> Sehingga bulan Disember 1948 Jawatankuasa ini telah menaja tidak kurang daripada lima belas ranting UMNO di seluruh Pulau Pinang sebelum UMNO cawangan Pulau Pinang ditubuhkan.<sup>28</sup>

Parti Radikal dan PBPP lebih merupakan pertubuhan bukan Melayu dan penubuhannya sebahagian besar adalah didorong oleh minat pengasas-pengasasnya untuk menyertai Pilihanraya Munisipal dan pilihanraya seterusnya.<sup>29</sup> Selain daripada itu tujuan Parti Radikal ialah untuk menggalakkan kerjasama antara kaum

---

<sup>25</sup> Pertubuhan Melayu seperti KMM, PMSP dan KMPP telah terubur dengan sendiri apabila UMNO ditubuhkan. PMPP sejak tahun 1949 tidak lagi merupakan pertubuhan politik. Sementara PKMM telah diharamkan oleh Pemerintah British.

<sup>26</sup> Majlis, 2.1.2.1946, h.2.

<sup>27</sup> Lain-lain Ahli Jawatankuasa ialah Haji Mohamad Ali Rouse, Haji Mansor Haji Hassan, Jasmi Haji Abdul Hamid, Mohd Ibrahim Ariff Khan, Kassim Marican, Yusoff Mohd. Nor, Mohd. Tambi, Abdullah Yahya dan Bahauddin Wanchik Ariffin. Lihat, *ibid.*, 16.2.1948, h.4.

<sup>28</sup> Di antara beberapa cawangan UMNO yang ditubuhkan di dalam kawasan Munisipal George Town termasuklah di Dhoby Ghaut (tertubuh pada 30.5.1948), Jalan Baru (13.6.1948), Kampung Baru (19.9.1948), Kampung Makam (19.9.1948) dan cawangan Pekerja-Pekerja Pelabuhan (20.6.1948).

<sup>29</sup> Warta Negara, 17.5.1951, h.4, dan 19.6.1951, h.3

dan menjamin yang Majlis Munisipal George Town wujud terus bagi faedah semua orang dengan tidak memandang warna kulit, darjat atau agama.<sup>30</sup> Bagi PBPP pula di antara beberapa tujuannya ialah untuk mewujudkan satu bangsa yang memerintah sendiri di Tanah Melayu; menjalankan propaganda dan mengajar orang ramai tentang kepentingan kebangsaan dan kehendak politik; dan bekerjasama dengan lain-lain parti dan pertubuhan politik yang mempunyai tujuan yang sama. Di samping itu tujuannya juga ialah untuk memperjuangkan kepentingan kaum pekerja atau buruh.<sup>31</sup>

Harapan orang Melayu yang tinggal di dalam kawasan Munisipal khususnya dan Negeri Pulau Pinang umumnya terletak pada peranan UMNO di dalam pilihanraya tersebut, memandangkan tidak ada pertubuhan lain pada masa itu yang dapat dikatakan mewakili penduduk Melayu. Bagaimanapun berbanding dengan Parti Radikal dan PBPP, UMNO agak lambat menyusun gerakannya dalam menghadapi pilihanraya tersebut. Selepas UMNO menyatakan hasratnya untuk bertanding iaitu pada 3 Jun hingga 3 Julai 1951, UMNO tidak mengeluarkan apa-apa kenyataan berhubung dengan pilihanraya.<sup>32</sup> Padahal jangka masa tersebut adalah penting kerana 6 Jun hingga 30 Jun 1951 adalah jangka masa yang diperuntukkan bagi tujuan pendaftaran pengundi-pengundi di kawasan Pilihanraya Munisipal.<sup>33</sup> Sikap UMNO ini menimbulkan berbagai kekeliruan di kalangan orang Melayu Negeri Pulau Pinang khususnya mereka yang tinggal di dalam kawasan Pilihanraya Munisipal. Umpamanya UMNO dituduh tidak mengambil berat mengenai pilihanraya.<sup>34</sup> Di samping itu Setiausaha Agung UMNO, Kapten Hussain bin Onn, mungkin menyedari sikap UMNO kawasan Munisipal itu dan dalam satu majlis penerangan mengenai pilihanraya beliau menerangkan betapa rugi dan kecewa kalau ditinggalkan pilihanraya itu.<sup>35</sup> Beliau juga menyarankan

---

<sup>30</sup> *Ibid.*, 19.6.1951, h.3

<sup>31</sup> *Ibid.*, 17.5.1951, h.4. PBPP telah ditubuhkan pada awal tahun 1951 bertempat di Trang Road Pulau Pinang. Antara mereka yang mengasaskan PBPP termasuklah P.U. David. P.U. David ialah salah seorang Calon PBPP yang bertanding dalam Pilihanraya Munisipal 1951. Temutanya di rumah beliau pada 4.1.1977. Mengenai P.U. David, lihat Lampiran A...

<sup>32</sup> *Ibid.*, 3.7.1951, h.1

<sup>33</sup> *Ibid.*, 7.6.1951, h.2

<sup>34</sup> Lihat, Rencana Pengarang berjudul "UMNO dan Pilihanraya", *ibid.*, 17.5.1951, h.2.

<sup>35</sup> *Ibid.*, 4.6.1951, h.1

supaya cawangan UMNO di kawasan yang berkenaan menubuhkan jawatankuasa dan ibu pejabat untuk melaksanakan kegiatan pilihanraya. UMNO juga diseru mengadakan suatu dasar perjuangan.<sup>36</sup> Sehingga akhir bulan Julai 1951 UMNO Pulau Pinang masih belum mempunyai tapak tertentu.<sup>37</sup> Keadaan ini diburukkan lagi dengan adanya berita bahawa Pengerusi UMNO Pulau Pinang iaitu Zainal Abidin bin Sutan Maidin telah dilantik menjadi Naib Pengerusi Parti Radikal yang baru ditubuhkan itu.<sup>38</sup> Walaupun perkara ini dinafikan oleh pihak UMNO sendiri, bukti-bukti menunjukkan bahawa Zainal Abidin bin Sutan Maidin ialah seorang ahli Parti Radikal.<sup>39</sup> Keadaan ini menjejaskan kedudukan UMNO di kalangan orang Melayu. Sikap UMNO yang menampakkan seolah-olah kurang berminat terhadap pilihanraya terutama dalam tempoh pendaftaran mengundi mungkin disebabkan oleh bulan puasa. Menyedari perkara ini satu permohonan supaya tarikh akhir pendaftaran pengundi dilanjutkan telah dihantar kepada Setiausaha Negeri oleh UMNO Pulau Pinang dan Setiausaha Agung UMNO sendiri. Tetapi permohonan itu telah ditolak dengan alasan bahawa jarak antara satu tempat dengan satu tempat di dalam kawasan Munisipal adalah dekat.<sup>40</sup>

Seramai 14,494 orang telah mendaftarkan diri untuk menjadi pengundi iaitu 7,762 di kawasan Tanjung, 4,293 di Kawasan

---

<sup>36</sup> *Ibid.* Sikap UMNO juga dapat dinilai dari surat Setiausaha Jawatankuasa Pilihanraya Pulau Pinang kepada Setiausaha Agung UMNO. Antara kandungan surat ini ialah memohon supaya dihantar keterangan 'berkenaan undang-undang pilihanraya'. Lihat, Surat Setiausaha Jawatankuasa Pilihanraya UMNO Pulau Pinang kepada Setiausaha Agung UMNO bertarikh 25.6.1951. Fail UMNO, Bil. SG-66/1951.

<sup>37</sup> Surat Setiausaha Jawatankuasa Pilihanraya UMNO Pulau Pinang kepada Setiausaha Agung UMNO bertarikh 25.6.1951.

<sup>38</sup> *Warta Negara*, 21.6.1951, h.2

<sup>39</sup> Kapten Mohamad Noor bin Mohamad, Pengerusi Jawatankuasa Pilihanraya UMNO Pulau Pinang menyatakan bahawa berita perlantikan itu sebagai 'khabar angin'. Beliau juga menegaskan bahawa tidak ada 'salah faham' di dalam UMNO. Lihat, *ibid.*, 3.7.1951, h.1. Sementara itu, akhbar *Warta Negara* keluaran 21.6.1951 telah memuatkan sebahagian daripada ucapan Zainal Abidin bin Sutan Maidin, dan keluaran 3.7.1951 menyiarkan berita penarikan diri beliau dari Parti Radikal. Yaakob Syed, Setiausaha Pilihanraya UMNO bagi Pilihanraya Munisipal 1951 menyatakan bahawa Zainal Abidin bin Sutan Maidin pernah memasuki Parti Radikal. Keterangan Yaakob Syed. Temutanya di rumah beliau pada 5.1.1957. Mengenai Yaakob Syed, lihat Lampiran A.

<sup>40</sup> Surat Setiausaha Negeri Pulau Pinang kepada Setiausaha Agung UMNO bertarikh 12.6.1951. Fail UMNO, Bil. SG. 66/1951.

dan menjamin yang Majlis Munisipal George Town wujud terus bagi faedah semua orang dengan tidak memandang warna kulit, darjat atau agama.<sup>30</sup> Bagi PBPP pula di antara beberapa tujuannya ialah untuk mewujudkan satu bangsa yang memerintah sendiri di Tanah Melayu; menjalankan propaganda dan mengajar orang ramai tentang kepentingan kebangsaan dan kehendak politik; dan bekerjasama dengan lain-lain parti dan pertubuhan politik yang mempunyai tujuan yang sama. Di samping itu tujuannya juga ialah untuk memperjuangkan kepentingan kaum pekerja atau buruh.<sup>31</sup>

Harapan orang Melayu yang tinggal di dalam kawasan Munisipal khususnya dan Negeri Pulau Pinang umumnya terletak pada peranan UMNO di dalam pilihanraya tersebut, memandangkan tidak ada pertubuhan lain pada masa itu yang dapat dikatakan mewakili penduduk Melayu. Bagaimanapun berbanding dengan Parti Radikal dan PBPP, UMNO agak lambat menyusun gerakannya dalam menghadapi pilihanraya tersebut. Selepas UMNO menyatakan hasratnya untuk bertanding iaitu pada 3 Jun hingga 3 Julai 1951, UMNO tidak mengeluarkan apa-apa kenyataan berhubung dengan pilihanraya.<sup>32</sup> Padahal jangka masa tersebut adalah penting kerana 6 Jun hingga 30 Jun 1951 adalah jangka masa yang diperuntukkan bagi tujuan pendaftaran pengundi-pengundi di kawasan Pilihanraya Munisipal.<sup>33</sup> Sikap UMNO ini menimbulkan berbagai kekeliruan di kalangan orang Melayu Negeri Pulau Pinang khususnya mereka yang tinggal di dalam kawasan Pilihanraya Munisipal. Umpamanya UMNO dituduh tidak mengambil berat mengenai pilihanraya.<sup>34</sup> Di samping itu Setiausaha Agung UMNO, Kapten Hussain bin Onn, mungkin menyedari sikap UMNO kawasan Munisipal itu dan dalam satu majlis penerangan mengenai pilihanraya beliau menerangkan betapa rugi dan kecewa kalau ditinggalkan pilihanraya itu.<sup>35</sup> Beliau juga menyarankan

---

<sup>30</sup> *Ibid.*, 19.6.1951, h.3

<sup>31</sup> *Ibid.*, 17.5.1951, h.4. PBPP telah ditubuhkan pada awal tahun 1951 bertempat di Trang Road Pulau Pinang. Antara mereka yang mengasaskan PBPP termasuklah P.U. David. P.U. David ialah salah seorang Calon PBPP yang bertanding dalam Pilihanraya Munisipal 1951. Temutanya di rumah beliau pada 4.1.1977. Mengenai P.U. David, lihat Lampiran A...

<sup>32</sup> *Ibid.*, 3.7.1951, h.1

<sup>33</sup> *Ibid.*, 7.6.1951, h.2

<sup>34</sup> Lihat, Rencana Pengarang berjudul "UMNO dan Pilihanraya", *ibid.*, 17.5.1951, h.2.

<sup>35</sup> *Ibid.*, 4.6.1951, h.1

supaya cawangan UMNO di kawasan yang berkenaan menubuhkan jawatankuasa dan ibu pejabat untuk melaksanakan kegiatan pilihanraya. UMNO juga diseru mengadakan suatu dasar perjuangan.<sup>36</sup> Sehingga akhir bulan Julai 1951 UMNO Pulau Pinang masih belum mempunyai tapak tertentu.<sup>37</sup> Keadaan ini diburukkan lagi dengan adanya berita bahawa Pengerusi UMNO Pulau Pinang iaitu Zainal Abidin bin Sutan Maidin telah dilantik menjadi Naib Pengerusi Parti Radikal yang baru ditubuhkan itu.<sup>38</sup> Walaupun perkara ini dinafikan oleh pihak UMNO sendiri, bukti-bukti menunjukkan bahawa Zainal Abidin bin Sutan Maidin ialah seorang ahli Parti Radikal.<sup>39</sup> Keadaan ini menjejaskan kedudukan UMNO di kalangan orang Melayu. Sikap UMNO yang menampakkan seolah-olah kurang berminat terhadap pilihanraya terutama dalam tempoh pendaftaran mengundi mungkin disebabkan oleh bulan puasa. Menyedari perkara ini satu permohonan supaya tarikh akhir pendaftaran pengundi dilanjutkan telah dihantar kepada Setiausaha Negeri oleh UMNO Pulau Pinang dan Setiausaha Agung UMNO sendiri. Tetapi permohonan itu telah ditolak dengan alasan bahawa jarak antara satu tempat dengan satu tempat di dalam kawasan Munisipal adalah dekat.<sup>40</sup>

Seramai 14,494 orang telah mendaftarkan diri untuk menjadi pengundi iaitu 7,762 di kawasan Tanjung, 4,293 di Kawasan

---

<sup>36</sup> *Ibid.* Sikap UMNO juga dapat dinilai dari surat Setiausaha Jawatankuasa Pilihanraya Pulau Pinang kepada Setiausaha Agung UMNO. Antara kandungan surat ini ialah memohon supaya dihantar keterangan 'berkenaan undang-undang pilihanraya'. Lihat, Surat Setiausaha Jawatankuasa Pilihanraya UMNO Pulau Pinang kepada Setiausaha Agung UMNO bertarikh 25.6.1951. Fail UMNO, Bil. SG-66/1951.

<sup>37</sup> Surat Setiausaha Jawatankuasa Pilihanraya UMNO Pulau Pinang kepada Setiausaha Agung UMNO bertarikh 25.6.1951.

<sup>38</sup> *Warta Negara*, 21.6.1951, h.2

<sup>39</sup> Kapten Mohamad Noor bin Mohamad, Pengerusi Jawatankuasa Pilihanraya UMNO Pulau Pinang menyatakan bahawa berita perlantikan itu sebagai 'khabar angin'. Beliau juga menegaskan bahawa tidak ada 'salah faham' di dalam UMNO. Lihat, *ibid.*, 3.7.1951, h.1. Sementara itu, akhbar *Warta Negara* keluaran 21.6.1951 telah memuatkan sebahagian daripada ucapan Zainal Abidin bin Sutan Maidin, dan keluaran 3.7.1951 menyiarkan berita penarikan diri beliau dari Parti Radikal. Yaakob Syed, Setiausaha Pilihanraya UMNO bagi Pilihanraya Munisipal 1951 menyatakan bahawa Zainal Abidin bin Sutan Maidin pernah memasuki Parti Radikal. Keterangan Yaakob Syed. Temutanya di rumah beliau pada 5.1.1957. Mengenai Yaakob Syed, lihat Lampiran A.

<sup>40</sup> Surat Setiausaha Negeri Pulau Pinang kepada Setiausaha Agung UMNO bertarikh 12.6.1951. Fail UMNO, Bil. SG. 66/1951.



Jelutung dan 2,439 di Kawasan Kelawei.<sup>41</sup> Walaupun jauh daripada hampir jumlah penduduk yang layak mengundi yang dianggarkan seramai 50,000 hingga 70,000 orang, jumlah yang mendaftar itu dianggap sebagai satu kejayaan dan tidak kalah kalau dibandingkan dengan Singapura. Tambahan pula beberapa bulan sebelum itu terdapat keraguan tentang kejayaan pendaftaran itu.<sup>42</sup> Kesedaran terhadap pentingnya pilihanraya semakin meningkat dari semasa ke semasa, terutamanya apabila perkara pilihanraya itu kerap diperkatakan di dalam akhbar-akhbar tempatan.<sup>43</sup> Sehingga pertengahan bulan Oktober, Parti Radikal dan PBPP telah membayangkan calon masing-masing. Tetapi UMNO mengumumkan calonnya agak lewat iaitu di hari penamaan calon pada 1 November 1951. Tindakan UMNO yang agak lewat itu sebahagian besarnya disebabkan masalah untuk mencari calon. Kebanyakan pemimpin-pemimpin UMNO di kawasan Munisipal adalah terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan. Mereka tidak bersedia meletakkan jawatan untuk bertanding dalam pilihanraya. Tambahan pula terdapat anggapan di kalangan pemimpin Melayu bahawa mereka tidak nampak masa depan sebagai ahli politik, tambahan pula menjadi wakil rakyat itu adalah tanggungjawab yang susah.<sup>44</sup> Sementara itu calon-calon perlu mempunyai pengetahuan Bahasa Inggeris supaya dapat mengambil bahagian di dalam perbincangan Majlis Mesyuarat. Dari segi kewangan pula UMNO hanya membayar wang pendahuluan sementara perbelanjaan berkempen dibiayai oleh calon-calon sendiri.<sup>45</sup> Faktor-faktor di atas melemahkan minat pemimpin Melayu tempatan untuk bertanding.

Seramai 24 orang calon telah mendaftarkan nama untuk bertanding iaitu terdiri daripada calon-calon UMNO (5 orang), Parti Radikal (9 orang), PBPP (7 orang) dan Bebas (3 orang).<sup>46</sup> UMNO

---

<sup>41</sup> Warta Negara, 1.12.1951, h.1; dan *Straits Echo*, 1.12.1951, h.3

<sup>42</sup> Warta Negara, 4.7.1951, h.4

<sup>43</sup> Akhbar Warta Negara, misalnya telah menerbitkan sekurang-kurangnya tujuh buah Rencana Pengarang berhubung dengan Pilihanraya Munisipal selain daripada rencana yang tersiar dalam ruangan "Tok Aki" dan berita-berita perkembangan pilihanraya.

<sup>44</sup> Keterangan Haji Abdul Rahim Khan. Temutanya di rumah beliau pada 21.11.1976. Mengenai Haji Abdul Rahim Khan, lihat Lampiran A.

<sup>45</sup> Keterangan Ahmad bin Nordin. Temutanya di pejabat beliau pada 19.11.1976. Mengenai Ahmad bin Nordin, lihat Lampiran I. Masalah mencari calon-calon yang boleh bertutur Bahasa Inggeris juga terdapat pada tahun 1955 apabila Pilihanraya Negeri akan diadakan. Lihat, Warta Negara, 31.1.1955, h.4.

<sup>46</sup> *Straits Echo*, 2.11.1951, h.3.

meletakkan dua orang calon di Kawasan Jelutung iaitu Che Din bin Pawanteh dan Ismail bin Che Mat; dua orang calon di Kawasan Kelawei iaitu Dr. S.M. Baboo dan Wanchik bin Abidin; dan seorang calon bagi Kawasan Tanjung iaitu A.M.A. Bakar. Di samping itu Parti Radikal juga meletakkan seorang calon Melayu iaitu Aziz bin Ibrahim. Daripada semua calon Melayu yang bertanding iaitu enam orang sekurang-kurangnya, empat orang adalah Melayu Peranakan. Pencalonan A.M.A. Bakar, seorang India Muslim dan Pengerusi *New Muslim League* (NML) menunjukkan adanya kerjasama antara UMNO dan NML. Sikap ini bertujuan untuk mempengaruhi undi dari orang Islam di Kawasan Tanjung yang kurang pengundi-pengundi Melayu.

Kalau dinilai dari segi calon yang bertanding, bukan sahaja UMNO yang ketara bentuk perkaumannya, tetapi Parti Radikal dan PBPP juga tidak kurang bersifat demikian. UMNO yang merupakan parti bagi orang Melayu sewajarnya meletakkan calon yang terdiri dari orang Melayu. Tetapi Parti Radikal dan Parti Buruh juga dapat dikatakan sebagai dipengaruhi oleh kaum-kaum tertentu. Daripada tujuh orang calon PBPP yang bertanding lima daripadanya terdiri daripada calon-India.<sup>47</sup> Begitu juga dengan Parti Radikal di mana daripada sembilan orang calonnya, lima adalah keturunan Cina. Bagaimanapun sejauh mana perkauman mempengaruhi tiap-tiap parti yang bertanding itu tidaklah dapat ditentukan dengan tegas sekadar merujuk kepada calon-calon dalam tiap-tiap parti sahaja. Tetapi apa yang jelas ialah ketiga-tiga parti itu menyatakan sikap masing-masing iaitu tidak berdasarkan perkauman.<sup>48</sup> Umpamanya dalam satu kenyataan yang dibuat oleh A. Rajagopal, seorang calon PBPP Kawasan Jelutung, berbunyi:

*Communalism is getting out of date in this rapidly changing Malaya. Let Pahang lead also in this respect and let us show the other inspite of the differences in race, colour and creed, which happened to be our unfortunate heredity.*<sup>49</sup>

---

<sup>47</sup> Mengikut P.U. David, keadaan demikian wujud kerana PBPP memperjuangkan kepentingan golongan pekerja atau buruh yang kebanyakan terdiri dari orang India. Keadaan perkauman ini dapat dinilai dengan melihat sifat Pencadang dan Penyokong penamaan calon. Lihat Lampiran.

<sup>48</sup> Lihat Rencana Pengarang berjudul "Pulau Pinang Dengan Pilihanraya", *Warta Negara*, 23.11.1951, h.2.

<sup>49</sup> *Straits Echo*, 8.11.1951, h.3

Kenyataan di atas merupakan satu contoh daripada beberapa kenyataan yang diucapkan oleh pemimpin-pemimpin PBPP. Begitu juga dengan pemimpin Parti Radikal. Umpamanya Aziz bin Ibrahim calon Parti Radikal Kawasan Jelutong menyatakan sebagai seorang Melayu, ia tidak akan mengabaikan masyarakat lain.<sup>50</sup> Sementara itu, UMNO juga dalam manifestonya menyatakan bahawa perjuangannya tidak bersifat perkauman.<sup>51</sup>

Bagaimanapun terdapat kecenderungan di kalangan pengundi-pengundi melihat ketiga parti tersebut sebagai parti perkauman. Keadaan ini menimbulkan masalah yang agak besar kerana parti-parti yang bertanding perlu berusaha untuk meyakinkan pengundi-pengundi melihat ketiga parti tersebut sebagai parti perkauman. Bagi Parti Radikal dan PBPP adalah agak mudah menonjolkan imej bukan perkauman masing-masing kalau dibandingkan dengan UMNO. Parti Radikal, selain daripada mempunyai penyokong Melayu, meletakkan juga seorang calon Melayu iaitu Aziz bin Ibrahim di samping calon Cina, India, India Muslim dan Serani. Bagi PBPP pula, walaupun ia tidak meletakkan calon Melayu, Parti ini masih dapat menonjolkan imej berbagai kaumnya kerana calon-calonnya terdiri dari orang Cina dan India. Sementara itu, salah seorang Ahli Jawatankuasa tertingginya ialah seorang Melayu iaitu Osman Siru.

Bagi UMNO peranan untuk meyakinkan pengundi-pengundi bukan Melayu bahawa UMNO bukan parti yang bersifat perkauman adalah satu perkara yang agak sukar. UMNO bukan sahaja dikenali sebagai sebuah pertubuhan Melayu tetapi juga orang bukan Melayu menyedari bahawa UMNO memperjuangkan kepentingan orang Melayu dan menghalang cita-cita orang bukan Melayu seperti ternyata dengan sikap mereka terhadap Gerakan Pengasingan. Mungkin melihat hakikat ini UMNO bekerjasama dengan NML untuk mendapat undi dari orang Islam di Kawasan Tanjung.

UMNO menggariskan lima perkara di dalam Manifestonya iaitu UMNO tidak berpihak pada perkauman dan calon-calonnya, jika terpilih akan sentiasa bekerja kerana kebajikan am dengan tidak mengutamakan sesuatu kaum. Calon-calon UMNO di dalam Majlis Mesyuarat akan memperhatikan terutamanya berkenaan dengan wang perbelanjaan Munisipal supaya memberi keuntungan kepada

---

<sup>50</sup> *Ibid.*, 15.11.1951, h.7.

<sup>51</sup> *Warta Negara*, 1.11.1951, h.6.

bilangan penduduk yang lebih ramai lagi. Calon-calon UMNO akan menjaga supaya daerah-daerah yang jauh di dalam kawasan Munisipal itu mendapat perkhidmatan kesihatan dan lain-lain kemudahan. Calon-calon UMNO akan berusaha mengurangkan bayaran-bayaran cukai di samping berusaha menempatkan orang-orang tempatan bagi jawatan-jawatan yang tinggi dan memperbaiki taraf pekerja-pekerja Munisipal. Untuk kepentingan orang-orang Melayu, UMNO akan memperjuangkan supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang menetapkan tempat-tempat khas bagi penduduk Melayu dan diadakan undang-undang supaya orang-orang Melayu diberi peratus yang lebih di dalam jawatan-jawatan kerajaan dan Munisipal.<sup>52</sup>

Sementara itu apa yang tidak diperjuangkan oleh UMNO tetap diperjuangkan oleh Parti Radikal dan PBPP ialah soal kedudukan ahli-ahli Majlis Munisipal. Parti Radikal dan PBPP mahukan semua ahli Majlis Munisipal hendaklah dipilih.<sup>53</sup> Kebanyakan pemimpin UMNO kawasan Munisipal masih berpendapat bahawa masanya belum sampai untuk memerintah sendiri. Malah ada pemimpin-pemimpin yang berpendapat bahawa sekiranya diadakan pilihanraya, sebahagian besar daripada kerusi di dalam Majlis Munisipal akan dikuasai oleh orang bukan Melayu.

Apa yang dibimbangkan oleh pemimpin Melayu mempunyai asas tertentu sekiranya ditinjau keputusan Pilihanraya Munisipal. (Mengenai keputusan Pilihanraya Munisipal, lihat Jadual II). Daripada 9 orang calon yang terpilih di dalam pilihanraya tersebut cuma seorang sahaja Melayu iaitu Ismail bin Che Mat dari UMNO. Parti Radikal memenangi 6 kerusi, sementara PBPP dan bebas

---

<sup>52</sup> Suara UMNO, 15.2.1951, h.14.

<sup>53</sup> Sepuluh janji pilihanraya telah dikemukakan oleh Parti Radikal iaitu, semua ahli Majlis Mesyuarat munisipal hendaklah pilihan orang ramai; seorang Timbalan Presiden Munisipal antara ahli-ahli yang dipilih; meringankan bersesak-sesak di rumah kediaman; meluaskan pasar-pasar dan kesenangan bagi penjaja-penjaja; rumah yang lebih banyak dan lebih baik bagi kaum pekerja; kemudahan bagi makanan yang lebih baik dan lebih murah; melanjutkan kemudahan air dan elektrik ke daerah yang belum ada perkhidmatan tersebut; dan lebih banyak pusat-pusat dan klinik-klinik kebajikan kanak-kanak; khidmat Munisipal yang lebih baik; meluaskan kawasan Munisipal; dan, meminda beberapa undang-undang Munisipal. Lihat, Warta Negara, 6.11.51, h.1. Sementara itu, PBPP bercadang akan mengusul supaya Presiden dan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Munisipal dipilih; menyediakan kemudahan-kemudahan bagi penjaja-penjaja; bekalan elektrik kepada tempat yang belum ada perkhidmatan tersebut; menambah bantuan kepada Perpustakaan Pulau Pinang; dan, memberi lebih ramai orang-orang tempatan memegang jawatan-jawatan tinggi dalam Munisipal. Lihat, Malay Mail, 13.11.1951, h.3.

masing-masing mendapat satu kerusi. Dengan keputusan itu ternyata UMNO dan calon-calon Melayu tidak popular di kalangan pengundi-pengundi. Keadaan ini juga mungkin dapat menghuraikan sejauh mana sikap perkauman mempengaruhi pengundi-pengundi.

Kemenangan seorang calon Bebas, Dr. Cheah Cheng Poh di kawasan Jelutung agak mengelirukan kerana terdapat tiga buah parti yang berpengaruh turut bertanding iaitu UMNO, Parti Radikal dan PBPP. UMNO dan Parti Radikal masing-masing meletakkan dua orang calon dan masing-masing berjaya mendapat satu kerusi. Sementara PBPP yang meletakkan tiga orang calon tidak memenangi sebarang kerusi. Kekalahan Parti Buruh adalah jelas kerana ia tidak mendapat sokongan memandangkan kepada undi yang didapati oleh ketiga-tiga calonnya adalah tidak jauh berbeza (lihat Jadual III). Kekalahan seorang calon UMNO juga tidak menghairankan kerana undi yang diperolehinya tidak banyak bezanya dengan calon UMNO yang menang. Tetapi kekalahan calon Radikal iaitu Aziz bin Ibrahim dengan mendapat 578 undi berbanding dengan undi yang didapati oleh calon parti tersebut yang menang iaitu Dr. N.K. Menon sebanyak 1,149 menimbulkan tanda tanya. Memandangkan Parti Radikal adalah parti yang popular pada masa itu, sebahagian besar yang menyokong Dr. N.K. Menon itu adalah menyokong berdasarkan parti. Soalnya mengapakah pengundi-pengundi yang mengundi Dr. N.K. Menon tidak mengundi Aziz bin Ibrahim? Dalam hal ini ada kemungkinan pengundi-pengundi Cina memberi undi mereka kepada calon Bebas kerana terdapat seorang sahaja calon dari keturunan Cina bagi Kawasan Jelutung.

Beberapa faktor lain dapat dikemukakan bagi menerangkan kekalahan UMNO dan kemenangan Parti Radikal itu. Sebelum keputusan diumumkan pemimpin-pemimpin UMNO merasa yakin bahawa UMNO akan berjaya mendapat beberapa buah kerusi di kawasan Kelawei dan Jelutung memandangkan di kedua kawasan itu pengundi-pengundi Melayu yang berdaftar adalah melebihi pengundi-pengundi bukan Melayu.<sup>54</sup> Mungkin kerana keadaan ini pemimpin-pemimpin UMNO lebih berusaha mempengaruhi undi-undi Melayu berbanding dengan parti-parti lain yang cuba juga mempengaruhi undi-undi Melayu berbanding dengan parti-parti lain yang cuba juga mempengaruhi undi-undi Melayu selain

---

<sup>54</sup> Utusan Melayu, 27.11.1951, h.6.

dari undi-undi bukan Melayu. Dalam hal ini, Parti Radikal berjaya menarik undi Melayu sementara calon-calon UMNO cuma bergantung kepada undi Melayu sahaja.

Ada tuduhan-tuduhan di kalangan orang Melayu sendiri yang mengatakan bahawa UMNO tidak menjalankan kegiatan berkempen dengan bersungguh-sungguh sebagaimana yang dijalankan oleh dua buah parti yang lain.<sup>55</sup> Keadaan ini ada kebenarannya memandangkan kepada beberapa kelemahan yang terdapat pada UMNO. Pilihanraya Munisipal ini adalah pertama kali pernah diadakan selepas Perang Dunia Kedua dan merupakan pengalaman pertama bagi pengundi-pengundi Munisipal. Walaupun pemimpin-pemimpin parti lain juga tidak mempunyai pengalaman, tetapi parti-parti lain mempunyai pemimpin-pemimpin yang kebanyakannya mempunyai pengetahuan tinggi dan sekurang-kurangnya mempunyai pengetahuan mengenai perjalanan pilihanraya, terutamanya mereka yang telah mendapat pelajaran di luar negeri.<sup>56</sup> Tambahan pula UMNO menghadapi masalah kewangan. Calon-calon UMNO dikehendaki membiayai kempen masing-masing. Dalam keadaan yang begini, UMNO tidak dapat menyusun satu jentera pelaksanaan yang berkesan dan cekap kalau dibandingkan dengan parti-parti lain.<sup>57</sup>

---

<sup>55</sup> *Ibid.*, Parti Radikal pernah mensifatkan kegiatan UMNO sebagai 'extremely quiet' atau terlalu sepi. Lihat, *Straits Echo*, 17.10.1951, h.3

<sup>56</sup> Calon-calon Parti Radikal terdiri daripada peguam (4 orang), doktor, jurutera, jurukira dan saudagar. (Lihat Jadual I)

<sup>57</sup> Dalam Pilihanraya Munisipal 1951, seorang calon yang bertanding dikehendaki mengeluarkan wang pertaruhan sebanyak \$250.00 Lihat *Straits Echo*, 18.10.1951, h.3. Selain daripada itu, mengikut pengalaman Pilihanraya Munisipal di Singapura, anggaran perbelanjaan seseorang calon ialah antara \$1,500-\$2,000. Lihat, *ibid.*, 20.10.1951, h.3. Cawangan-cawangan UMNO dalam Munisipal tidak mempunyai tabung khas untuk menghadapi pilihanraya dan yuran dari ahli-ahli adalah terhad.

**JADUAL I**  
**Senarai Nama Calon**  
**Pilihanraya Munisipal 1951**

Nama Calon	Parti	Pekerjaan
<b>Kawasan Kelawei</b>		
Dr. S.M. Baboo	UMNO	Doktor
C.O. Lim	PR	Peguam
Low Beng Kooi	PR	Jurukira
A. C. Reutens	PR	Saudagar
Wanchik Abidin	UMNO	Suri Rumahtangga
Nancy Yeap	PR	Peguam
Yeoh Oon Chuan	PBPP	Guru
<b>Kawasan Jelutung</b>		
Aziz bin Ibrahim	PR	Penerbit/Pencetak
Dr. Cheah Cheng Poh	Bebas	Doktor
Che Din Pawanteh	UMNO	Kerani
P.U. David	PBPP	Guru
Jaswant Singh	PBPP	Penulis Awam
Dr. N.K. Menon	PR	Doktor
Ismail bin Che Mat	UMNO	Penolong Superintendan Pos
A. Rajagopal	PBPP	Wakil Insuran
<b>Kawasan Tanjung</b>		
A.M.A. Bakar	UMNO	Saudagar
A. Balakrishnan	PBPP	Wakil Insuran
Khoo Yat See	Bebas	Saudagar
Lee Thean Chu	PR	Peguam
M.E.M. Meers Hussein	PR	Peguam
N. Ponnudurai	PBPP	Pembantu Pejabat
S. Mohamad Ismail	Bebas	Saudagar
Tan Chin Cheng	PR	Pembantu Jurutera
Tan Heng Chew	PBPP	Penyelia Bangunan

Sumber: Warta Negara dan *Straits Echo*.

Bagaimanapun pilihanraya itu telah sekurang-kurangnya memberi pengalaman politik kepada penduduk Melayu di kawasan Munisipal. Pengalaman pilihanraya ini meluas ke kawasan Bukit Mertajam dan Butterworth apabila pilihanraya diperkenalkan di kawasan tersebut kemudiannya. Bagi pemimpin-pemimpin Melayu, setidak-tidaknya mereka mula menyedari bahawa adalah sukar bagi UMNO memenangi pilihanraya yang akan datang tanpa bekerjasama dengan orang bukan Melayu. Walaupun kelemahan itu disedari dengan adanya kerjasama dengan NML, tetapi keputusan pilihanraya Munisipal yang pertama itu telah meyakinkan mereka bahawa kerjasama yang serupa itu adalah juga perlu di kawasan lain. Kesedaran ini telah mendorong pemimpin UMNO bekerjasama dengan parti-parti bukan Melayu dalam Pilihanraya Munisipal seterusnya. Kesannya sekurang-kurangnya sehingga tahun 1957, ternyata kerjasama seperti itu mendatangkan faedah kepada UMNO.<sup>58</sup> Kerjasama seumpama itu dalam keadaan yang lebih luas diteruskan oleh pemimpin UMNO dalam Pilihanraya Majlis Negeri Pulau Pinang dan kemudiannya dalam Pilihanraya Persekutuan.

#### *Pilihanraya Majlis Negeri Pulau Pinang.*

Pilihanraya ini diadakan pada 19 Februari 1955 untuk memilih empat belas daripada dua puluh lima orang wakil ke dalam Majlis Negeri Pulau Pinang. Lapan daripada kerusi yang dipertandingkan itu terdapat di Pulau Pinang, sementara enam lagi ialah di Seberang Perai. UMNO Bahagian Pulau Pinang telah menubuhkan perikatan bersama pertubuhan politik bukan Melayu iaitu Parti Radikal, NML, *Malayan Indian Congress* (MIC) dan *Malayan Chinese Association* (MCA). Sementara itu UMNO Bahagian Seberang Perai juga telah menubuhkan Perikatan bersama MIC dan MCA.

Penubuhan Perikatan itu tidak keseluruhannya disambut baik oleh orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai. Penerimaan Parti Radikal sebagai salah satu anggota Perikatan dilihat sebagai

---

<sup>58</sup> Calon-calon yang berjaya dalam Pilihanraya Munisipal tahun-tahun berikutnya: 1952, A.M.A. BAKAR (NML), C.O. Lim (Parti Radikal), dan Rajagopal (PBPP); 1953, H.E. Tyeb Khan (NML), S.M. Hussain (UMNO), dan Nyak Hashim bin Nyak Puteh (UMNO); 1954, S.M. Mohamed Idris (UMNO), G.H. Goh (Parti Radikal), dan Abdullah Ariff (UMNO)



**JADUAL II**  
**Keputusan Pilihanraya Munisipal 1951**

Nama Calon	Parti	Undi Yang Diperolehi
<b>Kawasan Kelawei</b>		
Dr. S.M. Baboo	UMNO	587
C.O. Lim	PR	719*
Low Beng Kooi	PR	449
A.C. Reutens	PR	831*
Wanchik Abidin	UMNO	516*
Nancy Yeap	PR	1,142*
Yeoh Oon Chuan	PBPP	396
<b>Kawasan Jelutung</b>		
Aziz bin Ibrahim	PR	578
Dr. Cheah Cheng Poh	Bebas	949*
Che Din bin Pawanteh	UMNO	941
P.U. David	PBPP	838
Jaswant Singh	PBPP	570
Dr. N.K. Menon	PR	1,149*
Ismail bin Che Mat	UMNO	987*
A. Rajagopal	PBPP	828
<b>Kawasan Tanjung</b>		
A.M.A. Bakar	UMNO	1,163
A. Balakeishnan	PBPP	777
Khoo Yat See	Bebas	1,144
Lee Thean Chu	PR	2,241*
M.E.M. Meera Hussain	PR	2,054*
N. Ponnudurai	PBPP	1,792*
S. Mohamed Ismail	Bebas	660
Tan Chin Cheng	PR	1,228
Tan Heng Cjew	PBPP	1,077

\*Calon-calon yang berjaya.

Sumber: *Penang Government Gazette*, 14.12.1951.

membahayakan kedudukan UMNO, terutamanya pemimpin UMNO kerana pemimpin Parti Radikal kebanyakannya terdiri daripada mereka yang berpendidikan tinggi. Tambahan pula, Parti Radikal adalah lebih berpengaruh di kalangan orang Cina dan parti ini dilihat sebagai sebuah Parti Cina. Kebimbangan ini terutamanya wujud di Kawasan Jelutong, iaitu kawasan kegiatan golongan yang terpengaruh dengan perjuangan PKMM yang terjelma di dalam pertubuhan SPMJ. Walaupun golongan ini kecil, tetapi kerana kegiatan mereka yang aktif telah sedikit sebanyak menggugat kedudukan UMNO di kawasan tersebut. Lebih-lebih lagi, ada di antara pemimpin SPMJ yang menjalankan kegiatan yang bertentangan dengan kepentingan UMNO.<sup>59</sup> Bagaimanapun keretakan. UMNO yang disebabkan oleh kemasukan Parti Radikal itu dapat diatasi sebelum pilihanraya walaupun tidak memberi kepuasan kepada semua pihak kerana masih terdapat beberapa orang pemimpin-pemimpin SPMJ yang tidak mahu menerima Parti Radikal di dalam Perikatan.<sup>60</sup> (Ada di antara ahli SPMJ yang juga menjadi ahli UMNO).

Hasil daripada tolak-ansur antara pertubuhan yang bergabung di dalam Perikatan, di Pulau Pinang UMNO mendapat 3 kerusi, MCA 3, Parti Radikal 1, dan NML 1. Sementara bagi Seberang Perai, UMNO mendapat 3 kerusi, MCA 2 dan MIC 1.<sup>61</sup> Pembahagian kerusi ini dianggap oleh sebahagian daripada orang Melayu sebagai merugikan orang Melayu. Anggapan ini timbul kerana daripada lapan kerusi yang dipertandingkan di Pulau Pinang cuma tiga sahaja yang diuntukkan bagi calon Melayu (UMNO) — dua daripadanya adalah Melayu Peranakan — sementara di Seberang Perai

---

<sup>59</sup> Lihat surat pembaca 'Pemuda UMNO Pulau Pinang' kepada akhbar Utusan Melayu, 24.2.1955, h.4. Lihat juga, surat pembaca Misbah Tahir kepada akhbar Utusan Melayu, 2.3.1955, h.4. Juga, keterangan Nyak Hashim bin Nyak Puteh. Temutanya di rumah beliau pada 5.1.1977. Mengenai Nyak Hashim bin Nyak Puteh, lihat Lampiran A.

<sup>60</sup> Keterangan Md Desa bin Hussain. Temutanya di rumah beliau pada 21.11.1976. Mengenai Md Desa bin Hussain, lihat Lampiran A.

<sup>61</sup> Walaupun MIC menjadi anggota Perikatan Pulau Pinang, permohonannya untuk meletakkan calonnya tidak diterima. Keadaan ini adalah kerana kerusi untuk orang-orang India diberi kepada NML. Berbanding dengan MIC, NML telah membuktikan pengaruhnya di kalangan orang India Muslim di Kawasan George Town sebagaimana ternyata dengan kemenangannya dalam Pilihanraya Munisipal tahun 1952 dan 1953. Tindakan ini menimbulkan perselisihan di dalam Perikatan di antara MIC dengan Perikatan Pulau Pinang dan Seberang Perai sehinggakan dikatakan MIC mengambil sikap tidak bekerjasama dengan Perikatan dalam menghadapi Pilihanraya Majlis Negeri Pulau Pinang. Lihat, Warta Negara, 28.2.1955, h.3

Kawasan	Calon-Calon	Parti	Undi Yang Diperolehi
S. Perai Selatan	N. Doraisamy	Bebas	677
	Sulaiman Pelastin	P/UMNO	2,076*
	Lim Teik Hoe	PBPP	821
	Mohd bin Hj. Arshad	PBSP	214
S. Perai Tengah	Mohd Noor Hamzah	P/UMNO	MTB*

\*Calon-calon yang berjaya  
 MTB Menang tanpa bertanding  
 Sumber: *Penang Government Gazette*, 1955.

calon UMNO. (Mengenai keputusan sepenuhnya lihat Jadual III). Sulaiman Pelastin mendapat 2,076 undi, Hashim bin Awang 15,891 undi dan Nyak Hashim bin Nyak Puteh 4,328 undi. Masing-masing mendapat kelebihan undi tidak kurang dari 1,500. Kelebihan undi terbanyak diperolehi oleh Hashim bin Awang apabila beliau mendapat lebih dari 14,000 undi. Dua orang calon yang bertanding di bawah PBSP iaitu Ibrahim bin Darus (Seberang Perai Utara) dan Mohd bin Haji Arshad (Seberang Perai Selatan) masing-masing cuma mendapat 597 undi (lawannya mendapat 15,891) dan 214 undi (lawannya mendapat 2,076 undi).

Ketiga-tiga calon yang bertanding di bawah Parti Negara juga ditewaskan oleh calon Perikatan dalam pertandingan satu-lawan-satu. Tetapi kekalahan M. Shariff bin W. Mohd adalah meranjatkan penyokong-penyokong Parti Negara.<sup>63</sup> Penentangannya adalah seorang bukan Melayu dari Parti Radikal yang diwakilinya dicurigai tentang kejujurannya memasuki Perikatan. Kawasan Jelutong itu sendiri mempunyai pengundi-pengundi yang ramai terdiri dari orang Melayu. Tambahan pula, M. Shariff bin

<sup>63</sup> Keterangan Sheikh Ahmad Baldram. Temutanya di pejabat beliau pada 20.11.1976.

W. Mohd mempunyai latar belakang perjuangan yang cemerlang.<sup>64</sup> Keadaan ini menyakinkan Parti Negara bahawa calonnya akan menang di Kawasan Jelutong. Bagaimanapun Dr. N.K. Menon juga dapat dikatakan sebagai calon yang telah dikenali oleh pengundi-pengundi kerana beliau merupakan wakil Kawasan Jelutong dalam Majlis Munisipal sejak tahun 1951.

Parti Negara mendapat 3,139 undi berbanding dengan Perikatan yang mendapat 12,371 undi dari jumlah pengundi yang turun mengundi seramai 15,901 orang. Keputusan ini ialah bagi tiga kawasan di mana calon Parti Negara turut bertanding. (Mengenai keputusan sepenuhnya lihat Jadual III). Keadaan yang hampir sama juga dialami oleh Parti Buruh di Seberang Perai. Di keempat kawasan yang Parti Buruh turut bertanding (termasuk PBPP), daripada jumlah pengundi yang turun mengundi seramai 30,020 orang, calon Parti itu hanya mendapat 4,033 undi berbanding dengan 24,274 yang diperolehi oleh calon-calon Perikatan.

Dengan keputusan itu ternyata Parti Buruh dan Parti Negara tidak mendapat sokongan penduduk Pulau Pinang dan Seberang Perai sebagaimana yang diharapkan. Hakikat bahawa kedua parti tersebut hanya bertanding di beberapa kawasan sahaja menunjukkan adanya kesedaran di kalangan pemimpin kedua parti itu mengenai kedudukan ini. Sebagai parti yang baru dibentuk, keanggotaannya adalah agak terhad dan kegiatan-kegiatannya tertumpu di beberapa kawasan tertentu sahaja.<sup>65</sup> Dalam keadaan menghadapi pilihanraya kedua parti itu menghadapi krisis dalaman. Walaupun PBPP dan PBSP dapat dikatakan mempunyai landasan perjuangan yang sama, tetapi kedua-duanya tidak dapat mewujudkan satu bentuk bersefahaman. Keadaan ini ternyata apabila kedua-dua parti tersebut meletakkan calon masing-masing

---

<sup>64</sup> M. Shariff bin W. Mohd adalah Setiausaha Kesatuan Pekerja-Pekerja Pelabuhan Pulau Pinang. Beliau telah berjaya mendesak Pemerintah British supaya membawa perselisihan di antara pekerja-pekerja dan Majikan Pelabuhan Pulau Pinang ke dalam Mahkamah Perusahaan yang ditubuhkan oleh Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu. Lihat, Utusan Melayu, 19.2.1955, h.3. Sheikh Ali Baldram, bekas Pegawai Penerangan Parti Negara (1955) menyatakan kekalahan M. Shariff bin W. Mohd itu adalah kerana faktor peribadi. Walaupun calon tersebut diketahui jasanya di dalam Kesatuan Pekerja-pekerja Pelabuhan, tetapi tidak ramai pekerja-pekerja pelabuhan yang tinggal di kawasan pilihanrayanya. Tambahan pula, sebagai seorang pekerja pelabuhan berbanding dengan Dr. N.K. Menon kedudukan sosialnya agak rendah.

<sup>65</sup> Ahli-ahli PBSP dikatakan tidak melebihi 50 orang. Lihat, Warta Negara, 17.2.1955, h.1.

di kawasan yang sama iaitu kawasan Seberang Perai Selatan. Sementara itu perletakan jawatan dan seruan yang dibuat oleh Ketua Penerangan dan Pegawai Kebajikan Parti Negara Seberang Perai sedikit sebanyak memberi kesan walaupun Parti negara tidak bertanding di kawasan Seberang Perai.<sup>66</sup>

Kelemahan kedua parti tersebut telah membantu kemenangan UMNO dan Perikatan. Bagaimanapun peranan UMNO sendiri tidak kurang pentingnya bagi menentukan kemenangan tersebut. Sebagai pertubuhan yang agak lama ditubuhkan (1948), UMNO sudah mempunyai banyak cawangan dan ahli-ahli di sekitar Pulau Pinang dan Seberang Perai.<sup>67</sup> Dalam keadaan ini UMNO dapat mengadakan jentera pilihanraya yang berkesan berbanding dengan parti-parti lawannya. Isu kemerdekaan yang dikemukakan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dapat menarik hati pengundi-pengundi.<sup>68</sup> Kejayaan UMNO yang menyakinkan orang Melayu itu dapat dilihat dari peratus mereka yang keluar mengundi. (Mengenai hal ini lihat Jadual IV). Dari jadual ini ternyata peratus penduduk yang keluar mengundi adalah lebih tinggi di kawasan luar bandar daripada kawasan bandar. Keempat-empat kawasan yang diketahui mempunyai ramai pengundi Melayu iaitu Pantai Barat (Balik Pulau), Seberang Perai Utara (Kepala Batas), Seberang Perai Selatan (Nibung Tebal) dan Batu Kawan, tidak kurang daripada 80 peratus pengundi telah keluar mengundi. Peratus ini adalah tinggi berbanding dengan pencapaian tertinggi di kawasan bandar sebanyak 78 peratus iaitu di kawasan Bukit Mertajam dan peratus itu juga melebihi peratus purata bagi keseluruhan Negeri Pulau Pinang iaitu 73 peratus.

---

<sup>66</sup> Abdul Majid bin Sheikh Daud, Ketua Penerangan dan Pegawai Kebajikan Parti Negara dikatakan bukan sahaja meletak jawatan dan menarik diri dari parti tersebut, tetapi juga telah mengeluarkan siaran kepada pegawai-pegawai Melayu di dalam parti menyeru mereka menarik diri dari Parti Negara dan masuk UMNO. Lihat, Utusan Melayu, 27.1.1955, h.6. Kenyataan ini diakui oleh Sheikh Ali Baldram.

<sup>67</sup> Pada tahun 1950, UMNO Bahagian Pulau Pinang mempunyai 28 buah cawangan, 12 buah cawangan Kaum Ibu dan 24 cawangan Pemuda UMNO. Sementara itu, pada tahun yang sama UMNO Bahagian Seberang Perai mempunyai 18 cawangan Pemuda UMNO. Lihat, Fail UMNO/(P), Bil. 5/1950, dan Bil. 16/1950.

<sup>68</sup> Tuanku Abdul Rahman, selaku Presiden UMNO pada masa itu, mengeluarkan kenyataan: "Jika tuan-tuan berkehendakkan kemerdekaan, maka undilah calon-calon Perikatan dan jika tak mahu undilah calon-calon yang dikemukakan oleh lain-lain parti." Lihat, Warta Mingguan, 13.2.1955, h.3. Tunku Abdul Rahman bersetuju 'kemerdekaan' sebagai faktor terpenting yang mempengaruhi kemenangan Perikatan. Keterangan Tunku Abdul Rahman. Temutanya di rumah beliau pada 7.1.1977. Mengenai Tunku Abdul Rahman, lihat Lampiran A.

**JADUAL IV**  
**Bilangan Pengundi Yang Keluar Mengundi**  
**Dalam Pilihanraya Majlis Mesyuarat**  
**Negeri Pulau Pinang**  
**1955**

Kawasan	Pengundi Berdaftar	Yang Mengundi	Peratus Pengundi Yang Mengundi
Tanjung Timur	10,536	6,403	60.78
Tanjung Barat	6,897	3,515	50.99
Kelawai	3,274	2,250	68.72
Jelutong	9,837	5,981	60.60
Pantai Barat	7,451	6,282	84.31
S. Perai Utara	19,176	16,388	85.00
Butterworth	8,088	5,499	69.90
Bukit Mertajam	7,693	6,099	78.00
Batu Kawan	4,403	3,660	83.20
S. Perai Selatan	4,562	3,991	87.40
Pantai Selatan )			
Pantai Timur )			
Pantai Utara )	17,444	(Menang Tanpa Bertanding)	
Pantai Tengah )			
S. Perai Tengah )			
	99,361	60,068	73.33

Sumber: *Straits Echo*, 21.2.1955, h.3

Dengan keputusan pilihanraya itu orang Melayu Negeri Pulau Pinang mempunyai enam orang wakil yang dipilih (tiga dari Pulau Pinang dan tiga dari Seberang Perai) berbanding dengan lapan orang wakil bukan Melayu yang dipilih iaitu lima Cina, dua India dan seorang India Muslim.

*Pilihanraya Persekutuan 1955*

Pilihanraya ini diadakan pada 27 Julai 1955 bagi memilih 52 orang wakil dari negeri-negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu

untuk menduduki kerusi Majlis Perundangan Persekutuan. Negeri Pulau Pinang diperuntukkan empat kerusi iaitu dua di Pulau Pinang dan dua lagi di Seberang Perai. Tiga buah parti iaitu Perikatan, PBSP dan Parti Islam seTanah Melayu (PAS), selain daripada calon-calon Bebas telah menyertai pilihanraya ini. Perikatan bertanding di keempat-empat kawasan. Dua daripadanya ialah calon UMNO iaitu S.M. Zainal Abidin di kawasan Pulau Pinang dan Hashim bin Awang di kawasan Seberang Perai Utara. Parti-parti lain juga meletakkan calon masing-masing di kawasan-kawasan yang tertentu sahaja. (Mengenai hal ini lihat Jadual V).

Berbanding dengan Pilihanraya Negeri bulan Februari, bilangan parti yang mengambil bahagian dalam pilihanraya ini adalah kurang. Parti Negara yang dijangka bertanding tidak berbuat demikian walaupun parti tersebut meletakkan calon-calonnya di negeri lain. Sementara PBSP yang telah bertanding dalam empat daripada enam kawasan di Seberang Perai dalam Pilihanraya Negeri tidak bertanding. Walaupun terdapat faktor-faktor lain yang berperanan, tetapi dapat dikatakan bahawa keputusan Pilihanraya Negeri bulan Februari itu merupakan faktor yang paling berpengaruh dalam menentukan keadaan ini. Sekurang-kurangnya, pilihanraya tersebut telah memperlihatkan kesedaran berpolitik di kalangan pengundi-pengundi Pulau Pinang dan Seberang Perai.<sup>69</sup>

Pilihanraya ini juga merupakan pertandingan di antara tokoh kuat parti-parti politik yang bertanding. Masing-masing mencalonkan pegawai-pegawai tinggi parti dan juga tokoh yang terkenal di kawasan masing-masing. Perikatan mencalonkan Zainal Abidin bin Sutan Maidin (Pengerusi UMNO Pulau Pinang), Hashim bin Awang (Pengerusi UMNO Seberang Perai), Chee Swee Ee (Naib Pengerusi MCA Pulau Pinang) dan Tay Hooi Soo (Setiausaha MCA Pulau Pinang). Parti Buruh Pulau Pinang pula mencalonkan Ooi Theam Siew (Anggota Majlis Kerja Kebangsaan Parti Buruh Tanah Melayu). Parti PAS pula mencalonkan Haji Zabidi bin Haji Ali (Ahli Jawatankuasa Kerja PAS). Sementara itu dua orang calon bebas ialah Isa bin Sulaiman (Bekas Setiausaha

---

<sup>69</sup> Sebuah akhbar tempatan melaporkan sikap orang ramai berhubung dengan keputusan seperti berikut: '...it will be a sheer waste of good money for any other political party it fight the Alliance for the Federal seats'. atau [adalah membazirkan wang bagi sesebuah parti politik menentang Perikatan di dalam Pilihanraya Persekutuan] Lihat, *Straits Echo*, 21.2.1955, h.3.

PKMM Perak) dan Cheah Phee Aik (Pemegang Amanah *Penang Government Clerical and Administrative Services Union*).

Pertandingan yang agak menarik berlaku di kawasan Pulau Pinang dan Seberang Perai Selatan. Di kawasan George Town pertandingannya adalah di antara calon-calon Cina. Hashim bin Awang telah menang tanpa bertanding di kawasan Seberang Perai Utara. Kawasan Pulau Pinang mempunyai pengundi Melayu seramai 14,663 orang dan bukan Melayu seramai 12,673 (Mengenai pecahan pengundi mengikut kaum, lihat Jadual VI). Oleh sebab kedua calon yang bertanding itu adalah Melayu maka sebahagian besar kemenangan mana-mana calon banyak bergantung kepada sikap orang bukan Melayu terutamanya orang Cina. Adalah dijangka juga bahawa besar kemungkinan calon UMNO akan mendapat undi orang Cina berdasarkan sifatnya sebagai anggota Perikatan. Bagaimanapun sikap orang Melayu agak sukar untuk ditentukan kerana calon Perikatan iaitu Zainal Abidin bin Sutan Maidin bukan seorang penduduk tempatan tetapi tinggal di George Town.<sup>70</sup> Zainal Abidin bin Sutan Maidin pula adalah Melayu Peranakan dan dikatakan sebagai pemimpin yang lebih mementingkan diri sendiri.<sup>71</sup> Kedua faktor ini mempengaruhi kedudukannya di kalangan orang Melayu terutamanya di kawasan Balik Pulau dan Bayan Lepas iaitu di kawasan yang menjadi bekas kubu PKMM. Tambahan pula calon Bebas yang menentanginya ialah Mohamed Isa bin Sulaiman iaitu seorang tokoh yang agak lama menetap di Balik Pulau dan merupakan bekas pegawai PKMM. Ahli-ahli UMNO yang terdiri daripada bekas ahli-ahli PKMM juga merasa kecewa dengan sikap UMNO Pusat terhadap Dr. Burhanuddin, bekas pemimpin PKMM sebagaimana yang

---

<sup>70</sup> Pada masa itu timbul tuntutan dari penduduk kawasan tersebut supaya calon-calon dipilih dari penduduk-penduduk tempatan. Keterangan Sheikh Al Baldram. Temutanya di pejabat beliau pada 2.1.1977. Dalam Pilihanraya Negeri bulan Februari, calon-calon UMNO yang bertanding berasal dari George Town iaitu Nyak Hashim bin Nyak Puteh, S.M. Hussain, dan Aziz bin Ibrahim. S.M. Hussain dan Aziz bin Ibrahim menang tanpa bertanding.

<sup>71</sup> Anggapan kedua itu timbul dari dua perkara. Pertama, tindakan UMNO mencalonkan S.M. Hussain dan Aziz Ibrahim dalam Pilihanraya Negeri. Kedua-dua mereka mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Zainal Abidin bin Sultan Maidin iaitu saudara dan menantunya. Keterangan Sheikh Ali Baldram. Kedua, sikap beliau yang tidak mahu bertanding dalam pilihanraya-pilihanraya yang telah diadakan, tetapi sebaliknya menerima tawaran untuk bertanding dalam Pilihanraya Persekutuan. Ini menimbulkan anggapan bahawa beliau memilih sesuatu yang lebih tinggi. Lihat, *Warta Negara*, 272.1955, hal. 1



tersiar di dalam lidah rasmi UMNO Malaya Merdeka.<sup>72</sup>

Kawasan Seberang Perai Selatan mempunyai seramai 15,576 orang pengundi Melayu, 7,662 orang bukan Melayu. Ini bermakna kemenangan seseorang calon itu banyak bergantung kepada keputusan pengundi Melayu. Apa yang menarik bagi kawasan ini ialah Perikatan mencalonkan seorang bukan Melayu bagi menentang seorang calon Melayu dari PAS. Dalam perkara ini peranan Perikatan atau UMNO yang paling rumit ialah untuk meyakinkan orang Melayu supaya mengundi calon bukan Melayu. Peranan ini lebih sukar lagi dengan adanya Haji Zabidi bin Haji Ali sebagai calon PAS sebagai pencabar, walaupun kekuatan PAS belum diuji memandangkan parti ini belum pernah menyertai pilihanraya di Negeri Pulau Pinang sebelum ini. PAS bukan sahaja merupakan parti Melayu dan menyuarakan perjuangan yang berlandaskan Islam, tetapi kelahirannya juga adalah hasil dari perpecahan UMNO.<sup>73</sup> Dengan kelahiran itu, orang Melayu di Seberang Perai adalah terbahagi dua, satu pihak menyokong UMNO dan satu pihak lagi terutamanya mereka yang menerima pendidikan agama telah menyertai PAS.

Perpecahan di kalangan orang Melayu bertambah, khususnya di Seberang Perai, apabila isu *Malaya Merdeka* dan 'Fatwa Pilihanraya' timbul. Kesan daripada satu rencana dalam *Malaya Merdeka*, ahli-ahli UMNO bekas ahli PKMM dikatakan telah menarik diri dari UMNO dan tidak akan bekerjasama dengan UMNO dalam menghadapi pilihanraya. Lebih buruk lagi, terdapat kebimbangan bahawa golongan ini akan bekerjasama dengan calon bukan UMNO. Perkembangan ini dilihat oleh Tunku Abdul Rahman, Yang Dipertua UMNO Malaya sebagai mengancam perpaduan UMNO. Untuk mengembalikan keyakinan bekas ahli PKMM itu, dalam satu kempen mengumumkan bahawa perjuangan UMNO adalah sebagai lanjutan dari perjuangan

---

<sup>72</sup> Satu rencana dalam *Malaya Merdeka* telah menulis sesuatu yang dikatakan 'menghina' Dr. Burhanuddin bekas pemimpin PKMM berhubung dengan kehadirannya sebagai wakil Konggres Pemuda Melayu Semenanjung di Persidangan Bandung bulan April 1955. Perbuatan itu telah menimbulkan tindakbalas di kalangan bekas ahli-ahli PKMM. Lihat, *Warta Negara*, 18.5.1955, h.1.

<sup>73</sup> Keterangan Tunku Abdul Rahman. Tun Abdul Razak bin Dato' Hussain pernah menyatakan bahawa 'PAS itu anak UMNO, akan tetapi anak itu sekarang telah menanduk ibunya'. Lihat, *Warta Negara*, 6.7.1955. Temutanya di rumah Tunku Abdul Rahman pada 7.1.1977. Mengenai Tunku Abdul Rahman, lihat Lampiran A.

**JADUAL V**  
Keputusan Pilihanraya Persekutuan  
Negeri Pulau Pinang  
1955

Nama Calon	Parti	Undi Yang Diperolehi
George Town Chee Swee Ee Ooi Theam Siew Cheah Phee Aik	P/MCA PBPP Bebas	7,253* 2,650 429
Pulau Pinang S.M. Zainal Abidin Mohamed Isa Sulaiman	P/UMNO Bebas	14,865* 2,925
S. Perai Utara Hashim bin Awang	P/UMNO	MTB
S. Perai Selatan Tay Hooi Soo Hj Zabidi bin Hj Ali	P/MCA PAS	15,697* 3,525

\*Calon-calon yang berjaya  
MTB Menang Tanpa Bertanding  
Sumber: *Straits Echo*, 28.7.1955, h.1.

**PKMM.<sup>74</sup>**

Satu lagi isu yang menghairahkan lagi suasana pilihanraya khususnya di Seberang Perai ialah mengenai fatwa pilihanraya yang dikeluarkan oleh beberapa orang pemimpin agama di saat-saat akhir kempen pilihanraya. Fatwa ini dikeluarkan bersama oleh Haji Abdullah Fahim (Mufti Pulau Pinang dan Seberang Perai), Haji Mohd. Salleh Masri (Ahli Majlis Penasihat Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai) dan Abdul Halim Al Hadi (Guru Besar

<sup>74</sup> Keterangan Tunku Abdul Rahman. Lihat juga, *Warta Negara*, 12.6.1955, h.2.

**JADUAL VI**  
**Bilangan Pengundi**  
**(Ikut Kaum)**  
**Pilihanraya Persekutuan Negeri**  
**Pulau Pinang 1955**

Kawasan	Melayu	Cina	India	Lain	Jumlah
George Town	3,410	13,912	2,452	242	20,016
Pulau Pinang	14,663	10,604	1,626	443	27,336
S. Perai Utara	20,594	5,534	1,932	141	28,201
S. Perai Selatan	15,576	5,027	2,585	50	23,238
Jumlah	54,243	35,007	8,595	876	98,791

Sumber: *Straits Echo*, 25 Julai, 1955, h. 10.

Daerattul Maarif Al Wattaniah, Kepala Batas, Seberang Perai,<sup>75</sup> setelah dikatakan disuruh oleh golongan tertentu dengan tujuan hendak menyokong itu, menguatkan perjuangan UMNO menuntut kemerdekaan.<sup>76</sup>

Fatwa tersebut diterbitkan sepenuhnya oleh akhbar *Warta Negara* pada 26 Julai 1955. Antara lain fatwa itu menyatakan:

...tiap-tiap pengundi yang beragama Islam lelaki dan perempuan yang mempunyai hak undi menurut undang-undang Pilihanraya Persekutuan yang telah disahkan wajib menjalankan hak undinya dengan turun ke tempat mengundi dan membuang undinya pada hari dan waktu yang telah ditetapkan; wajib hanya memilih calon yang terdiri dari orang Islam sahaja; sesiapa juga di antara orang Islam yang memberi hak undinya kepada orang yang bukan Islam adalah dianggap bahawa orang itu telah melakukan satu perkara yang berlawanan dengan kehendak ayat-ayat Allah....<sup>77</sup>

Dalam hubungannya dengan pilihanraya ternyata fatwa tersebut

<sup>75</sup> *Warta Negara*, 26.7.1955, h.6

<sup>76</sup> *Utusan Melayu*, 25.7.1955, h.1. Lihat juga, *Warta Negara*, 26.7.1955, h.1

<sup>77</sup> Mengenai Fatwa Pilihanraya selanjutnya, lihat Lampiran L.

lebih memberi keuntungan kepada calon PAS daripada calon UMNO. Dengan itu sewajarnya pemimpin-pemimpin PAS menyatakan sokongan mereka kepada kandungan fatwa itu.<sup>78</sup> Pemimpin-pemimpin UMNO Seberang Perai pula cuba menyakinkan pengundi-pengundi Melayu bahwa fatwa itu adalah salah. Mereka meletakkan tanggungjawab mengeluarkan fatwa itu kepada pemimpin-pemimpin PAS dan mensifatkan mereka sebagai penipu dan pencuri yang membuat dakwah palsu semata-mata hendak mengelirukan pengundi-pengundi UMNO di kampung-kampung.<sup>79</sup> Apa yang menarik ialah beberapa hari kemudian fatwa itu disusuli dengan satu penafian oleh Haji Abdullah Fahim. Bersama dengan penafian itu juga dinyatakan bagaimana beliau sampai mengeluarkan fatwa itu. Antara lain Haji Abdullah Fahim disebut sebagai berkata:

Surat itu (fatwa) dibacakan kepada saya kerana katanya hendak menyokong dan menguatkan perjuangan UMNO menuntut kemerdekaan dan sebab itulah mereka datang meminta sokongan saya. Oleh kerana saya percaya di atas bacaannya, maka saya pun menurunkan tandatangan.<sup>80</sup>

Bagi Haji Abdullah Fahim penafian itu nampaknya merupakan usahanya untuk melepaskan tanggungjawabnya terhadap kekeliruan yang telah ditimbulkan oleh fatwa tersebut. Dari keterangan di atas ternyata Haji Abdullah Fahim tidak benar-benar menyedari kandungan dan implikasi fatwa tersebut selain daripada sekadar mengetahui tujuan fatwa itu sebagai menjaga kepentingan perjuangan UMNO. Memandangkan kepada implikasi fatwa itu adalah jelas bahawa orang yang datang itu sebagaimana yang didakwa oleh Haji Abdullah Fahim adalah bukan orang UMNO. Dalam hal ini mungkin orang-orang PAS lebih bertanggungjawab menerbitkan fatwa itu. Tetapi apa yang menarik ialah penafian itu dibuat tanpa merujuk kepada mana-mana ayat Quran walaupun beliau seorang Mufti yang berwibawa untuk berbuat demikian. Ini mungkin disebabkan masa untuk membuat penyelidikan terhad

---

<sup>78</sup> Ahmad bin Awang, Timbalan Yang Dipertua PAS, bersetuju dengan Fatwa tersebut dan menyatakan bahawa Fatwa itu dikeluarkan oleh orang-orang yang tidak menyebelahi mana-mana parti. Lihat, *Warta Negara*, 26.7.1955, h.1.

<sup>79</sup> *Utusan Melayu*, 25.7.1955, h.1.

<sup>80</sup> *Ibid*, h.1.

memandangkan tarikh pilihanraya sudah dekat. Penafian Haji Abdullah Fahim itu sekadar menyatakan 'adalah memilih calon yang terdiri dari orang kafir yang terikat dengan UMNO itu tidaklah menjadi haram, bahkan itulah jalan yang dikhendaki oleh masa dan siasah kerana mencapai kemerdekaan Tanah Melayu'.<sup>81</sup> Lebih menarik lagi ialah tidak seperti fatwa yang lebih bersifat berkecuali dalam penghuraiannya, penafian Haji Abdullah Fahim merujuk kepada UMNO dan perjuangannya serta terdapat unsur-unsur pertahankan parti tersebut.

Penafian Haji Abdullah Fahim tidak dipersetujui oleh Haji Mohd Salleh Masri dan Abdul Halim Al Hadi. Kedua mereka menekankan bahawa ayat-ayat di dalam fatwa itu cukup terang dan jelas tiada berhajat kepada takwil lagi.<sup>82</sup> Mereka mensifatkan penafian itu sebagai terpaksa oleh sesuatu sebab yang tertentu. Bagaimanapun sejauh mana kebenaran dakwaan itu adalah sukar untuk ditentukan tetapi ada pendapat yang mengatakan bahawa penafian itu bukan dikeluarkan oleh Haji Abdullah Fahim tetapi oleh orang-orang yang mahu menjaga kepentingan UMNO.<sup>83</sup> Soal siapakah yang mengeluarkan dan siapa pula yang menafikan fatwa itu adalah kurang penting jika dilihat dalam pergolakan yang ditimbulkannya, walaupun pergolakan itu berlaku dalam masa beberapa hari sahaja sebelum pilihanraya dilangsungkan.

Ketiga-tiga parti yang bertanding adalah dengan manifestonya sendiri. Pada umumnya manifesto ini memperjuangkan soal ekonomi, politik dan sosial.<sup>84</sup> Dalam kempen-kempen pilihanraya, Perikatan menekankan isu kemerdekaan Tanah Melayu dan cuba menakutkan pengundi-pengundi bahawa cara yang berkesan untuk mendapat kemerdekaan ialah melalui Perikatan.<sup>85</sup> Sementara itu sesuai dengan namanya matlamat perjuangan PAS ialah untuk mencapai cita-cita Islam. Parti Buruh pula lebih menekankan perjuangan bagi menunjukkan kehidupan kaum buruh. Calon-calon Bebas yang tidak mempunyai manifesto tertentu masih

---

<sup>81</sup> Warta Negara, 25.7.1955, h.1

<sup>82</sup> *Ibid.*, 26.7.1955, h.1

<sup>83</sup> Ada pendapat yang mengatakan bahawa surat penafian itu dibuat oleh Ahmad bin Haji Abdullah (anak kepada Haji Abdullah Fahim) atas nama Haji Abdullah Fahim dengan tujuan untuk meletakkan tanggungjawab itu kepada PAS dan menjaga politik UMNO sendiri. Keterangan Sheikh Ali Baldram.

<sup>84</sup> Mengenai kandungan Manifesto Parti-Parti Perikatan, dan PAS, lihat Lampiran M dan N.

<sup>85</sup> Warta Negara, 15.7.1955, h.3

mempunyai cita-cita untuk memperbaiki berbagai aspek kehidupan pengundi-pengundi.

Keputusan pilihanraya telah menunjukkan bahawa Perikatan berjaya mendapat ketiga-tiga kerusi Persekutuan yang diperbandingkan itu. Perikatan mendapat 37,815 undi berbanding dengan 9,528 undi yang diperolehi oleh kesemua calon-calon bukan Perikatan. Di kedua kawasan Pulau Pinang dan Seberang Perai Selatan, calon-calon Perikatan telah berjaya mendapat bilangan undi yang banyak. (Mengenai keputusan sepenuhnya lihat Jadual V).

Suatu perkara yang menarik ialah kemenangan calon Perikatan, Tay Hooi Soo di kawasan yang sebahagian besarnya pengundi-pengundi terdiri dari orang Melayu. Tay Hooi Soo mendapat 15,697 undi berbanding dengan undi yang didapati oleh Haji Zabidi bin Haji Ali sebanyak 3,525. Beberapa faktor dapat dikemukakan bagi menghuraikan kemenangan Tay Hooi Soo dan kekalahan Haji Zabidi bin Haji Ali itu. Mengikut keterangan Haji Zabidi bin Haji Ali sendiri, pada awalnya beliau yakin akan menang di dalam pilihanraya tersebut memandangkan sebahagian besar pengundi-pengundinya adalah orang Melayu. Tetapi pada saat-saat akhir beliau menyedari kemenangan adalah di pihak Perikatan sendiri yang berjaya mengadakan satu jentera pilihanraya yang lebih berkesan. Ranting-ranting UMNO boleh dikatakan telah ditubuhkan dan bergerak di kawasan kediaman Melayu. Sumber kewangan Perikatan dan UMNO sendiri lebih kukuh berbanding dengan PAS. PAS pula tidak mempunyai jentera pilihanraya yang berkesan memandangkan kesulitan kewangan yang dihadapi olehnya. Ini disebabkan parti PAS baharu sahaja ditubuhkan. Dalam hal ini PAS kekurangan tenaga kerja dan kemampuan untuk mempercekapkan organisasinya. Di samping itu ahli-ahli PAS tidak mahu diri mereka dikenali sebagai ahli PAS kerana pengaruh UMNO adalah kuat dan mungkin mereka dipulaukan sekiranya diketahui mereka itu ahli PAS.<sup>86</sup>

UMNO juga berjaya mempengaruhi alim ulamak di Seberang Perai. Umpamanya Ahmad bin Abdullah dan Haji Ahmad Maliki adalah pemimpin-pemimpin agama yang dihormati dan disegani. Mereka itu juga cergas dalam kegiatan politik. Walaupun PAS

---

<sup>86</sup> Keterangan Haji Zabidi bin Haji Ali. Temutanya di rumah beliau pada 23.11.1976.

sendiri mempunyai pemimpin-pemimpin agama seperti Mohd Salleh Masri tetapi kebanyakan mereka itu tidak begitu cergas dalam kegiatan politik dan mereka hanya dapat mempengaruhi sebahagian kecil sahaja daripada orang Melayu. Tunku Abdul Rahman dan pemimpin-pemimpin UMNO pula telah berjaya menyakinkan pengundi-pengundi Melayu bahawa fatwa yang dikeluarkan itu adalah tidak benar dengan memberi alasan dan penekanan bahawa matlamat Perikatan ialah untuk mencapai kemerdekaan.

Dari keputusan pilihanraya itu ternyata bahawa PAS masih belum dapat mempengaruhi pengundi-pengundi Melayu secara berkesan walaupun isu-isu keagamaan dan cita-cita Islam menjadi manifesto perjuangan mereka. Sebaliknya pengundi-pengundi Melayu lebih tertarik pada isu kemerdekaan yang dibawa oleh UMNO. Hal yang hampir sama berlaku juga di kawasan pilihanraya Pulau Pinang. Perjuangan kemerdekaan yang diasaskan kepada prinsip-prinsip kerjasama antara kaum lebih menarik perhatian orang Melayu daripada perjuangan kemerdekaan ala PKMM yang lebih mirip pada Indonesia. Bagaimanapun bilangan undi yang didapati oleh Haji Zabidi bin Haji Ali dan Mohamed Isa bin Sulaiman, walaupun agak kecil kalau dibandingkan dengan undi yang didapati oleh calon-calon Perikatan menunjukkan bahawa politik yang berteraskan Melayu masih mempunyai pengikut.

Dari perbincangan ini dapatlah dikatakan bahawa jangka masa tahun 1951-1955 memperlihatkan proses mendemokrasikan kegiatan politik yang bermula pada peringkat Munisipal, kemudiannya Negeri dan Persekutuan. Proses ini tidak kurang menimbulkan konflik di kalangan orang Melayu terutamanya berhubung dengan soal kepimpinan. Konflik ini lebih ketara apabila proses mendemokrasikan itu menuju ke arah pembentukan politik bekerjasama antara kaum. Dalam pilihanraya Negeri dan Persekutuan, unsur-unsur anti politik bekerjasama ini mencabar konsep Perikatan dan menambahkan keghairahan suasana pilihanraya. Bagaimanapun unsur-unsur ini tidak dapat mempengaruhi sikap orang Melayu dengan berkesan kerana kemerdekaan yang dilaungkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO lebih menarik dan lebih menyakinkan pengundi. Melalui Pilihanraya Persekutuan, orang Melayu Negeri Pulau Pinang telah memberi mandat kepada pemimpin-pemimpin Perikatan untuk memperjuangkan kemerdekaan,

an Tanah Melayu. Sikap dan kepercayaan orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai terhadap pemimpin-pemimpin UMNO dan Perikatan setidak-tidaknya telah membantu dan memudahkan proses ke arah kemerdekaan menjelang Ogos 1957.



## PENUTUP

Di antara 1945 hingga 1957 memperlihatkan adanya kegiatan politik orang Melayu yang lebih cergas dan berani daripada sebelumnya, sekurang-kurangnya dari segi penyertaan mereka dalam arena politik. Kegiatan ini wujud dalam suasana selepas perang di mana kebimbangan satu kaum mencurigakan satu kaum yang lain. Hakikat ini melahirkan satu bentuk pergerakan politik orang Melayu yang lebih merupakan politik gerakbalas.

Ada dua unsur yang ketara yang mempengaruhi perkembangan pergerakan politik Melayu Negeri Pulau Pinang yang membezakannya dengan pergerakan politik Melayu di Negeri-Negeri lain di Tanah Melayu. Pertama unsur Melayu Jati yang menguasai kawasan luar bandar. Secara perbandingan golongan ini mempunyai sikap kompromi yang terbatas dan mempunyai sikap, nilai dan pandangan hidup yang lebih mirip kepada keIslaman dan keMelayuan. Keadaan ini adalah banyak dipengaruhi oleh alam persekitaran dan pendidikan yang mereka terima. Bagaimanapun disebabkan oleh tekanan Pemerintah British golongan ini tidak dapat meluaskan pengaruhnya dengan lebih berkesan.

Kedua, unsur Melayu Peranakan yang menguasai kawasan bandar George Town dan sekitarnya. Golongan ini lebih kecil dan lebih dikenali sebagai DKK dan DKA. Mereka dapat dibezakan dengan Melayu Jati melalui sifat-sifat fizikal yang menunjukkan adanya perkahwinan campur Melayu-India dan Melayu-Arab. Pendidikan Barat yang mereka terima telah membentuk sikap, nilai dan pandangan hidup yang lebih condong kepada keInggerisan di samping mempunyai sikap kompromi yang tinggi. Pendidikan Barat juga menjadikan mereka dianggap sebagai tokoh yang mempunyai kemampuan yang lebih untuk menjadi pemimpin oleh kedua golongan tersebut. Tambahan pula keadaan ekonomi orang Melayu Peranakan ini adalah jauh lebih baik daripada orang

Melayu jati. Keadaan ini memungkinkan mereka berpolitik, iaitu satu kegiatan yang mahal pada masa itu. Sifat dan corak kepimpinan Melayu Negeri Pulau Pinang dalam jangka masa yang dibincangkan ini lebih dipengaruhi oleh sikap, nilai dan pandangan hidup mereka. Tidaklah keterlaluan kalau dikatakan bahawa dalam hirarki politik Melayu Negeri Pulau Pinang golongan Melayu Peranakan menguasai barisan pemimpin, dan Melayu Jati menduduki lapisan massa.

Pada peringkat awal perkembangan pergerakan politik Melayu terdapat kerjasama antara kedua golongan ini dalam usaha menentang unsur-unsur luar iaitu kerajaan dan Pemerintah British serta orang bukan Melayu yang mengancam kepentingan politik orang Melayu. Ini ternyata dengan adanya perpaduan menentang Malayan Union dan *Secession Movement* yang berakhir dengan kejayaan bagi orang Melayu. Bagaimanapun pada peringkat kemudiannya apabila kompromi politik di antara orang Melayu dengan orang bukan Melayu cuba diwujudkan dalam bentuk Perikatan, ketegangan di antara kedua golongan itu muncul semula. Keadaan ini adalah disebabkan sikap kompromi yang berbeza. Ini dapat disaksikan dalam konflik-konflik yang timbul menjelang pilihanraya, tetapi ketegangan itu telah dapat dikawal kemudiannya apabila kedua golongan itu meletakkan keyakinan mereka kepada kemerdekaan iaitu isu yang diperjuangkan oleh UMNO untuk memenuhi hasrat dan cita-cita orang Melayu. Justeru itu selepas kira-kira dua belas tahun bergolak, pergerakan politik orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai mulai reda sebagaimana yang dapat dilihat dari segi sokongan yang diberikan kepada UMNO dalam Pilihanraya Persekutuan 1955.

# BIBLIOGRAFI

## SUMBER AWALAN

- Al Ikhwan, 16.9.1926–16.2.1931, Pulau Pinang, 1926–1931.  
Department of Public Relations Files, 1948.  
Federation of Malaya, *A Report on the 1947 Census of Population*, Govt. Printer, K.Lumpur, 1949.  
Idaran Zaman, 19.2.1925–2.5.1925, Pulau Pinang, 1925.  
Information Department Files, 1946.  
Majlis, 4.2.1936–20.5.1936, 2.12.1946–10.1.1949, K.Lumpur, 1936, 1946–1949:  
Malaya, *British Military Administration*, Vol.1, No. 1, Nov. 1945.  
*Malay Mail*, 13.9.1945–13.11.1951, Singapore, 1945–1951.  
*Malayan Daily Express*, 10.2.1931, K.Lumpur, 1931.  
*Malayan Observer*, 5.9.1946, K.Lumpur, 1946.  
Malayan Union Files, 1946–1948.  
Pelita Malaya, 19.4.1946, K.Lumpur, 1946.  
*Penang Gazette*, 13.10.1945, Penang, 1945.  
*Penang Government Gazette*, 1955.  
Penang Malay Association, *The Penang Malay Association*, (Buku Perlembagaan), Penang, 1927.  
Registrar of Societies Files, 1950.  
Saudara, 6.9.1929–23.10.1937, Pulau Pinang, 1929–1937.  
Seruan Rakyat, 30.10.1945–29.12.1945, Ipoh, 1945.  
Souter, J.P., "An authentic (but condensed) report of the circumstances that led to the formation of the Penang Secession Committee in December 1948, the aim being secession from Federation of Malaya", (satu laporan yang dikemukakan kepada Persatuan Sejarah Pulau Pinang). 1963.  
Straits Echo, 11.10.1945–28.7.1955, Penang, 1945–1955.  
Suara UMNO, 15.2.1951, K.Lumpur, 1951.  
*Sunday Gazette*, 28.8.1948–13.2.1949, Penang, 1948–1949.  
United Malay National Organization (UMNO) Files, UMNO Sepuluh Tahun 1946–1956, Daud Press, P.Pinang, 1956.  
Utusan Melayu 16.2.1948–25.2.1955, Singapura, 1948–1955.  
Warta Mingguan, 13.2.1955–27.2.1955, P.Pinang, 1955.  
Warta Negara, 16.2.1946–26.7.1955, P.Pinang, 1946–1955.

## SUMBER PENDUA

- Abdul Aziz bin Mat Ton, "Al Iman Sepintas Lalu", dalam *Jurnal Sejarah*, Universiti Malaya, K.Lumpur, Jil XI, 1972/73.  
Ahmad Boestamam, *Tujuh Tahun Malam Memanjang*, Penerbitan Amir Enterprise, K.Lumpur, 1976.

- \_\_\_\_\_, "Gerakan Nasionalisme di Malaysia", dalam Dewan Masyarakat, K.Lumpur, Nov. 1971.
- Gibbs, H.A.R., *Modern Trend In Islam*, University of Chicago Press, Chicago, 1947.
- Gould, J., & Kolb, W.L., *A Dictionary of Social Sciences*, Tavistock Publication Ltd., London, 1959.
- Ibrahim bin Haji Yaakob, *Melihat Tanah air*, Percetakan Timur, Kuantan, 1975.
- Kornhauser, W., *The Politics of Mass Society*, Routledge & Kegan Paul, London, 1965.
- Lasswell, H.D., & Lerner, D., *World Revolutionary Elites*, the M.I.T. Press, Massachusetts, 1965.
- Leeds, C.A., *Political Studies*, The Garden City Press, London, 1975.
- Maxwell, W.G., *Treaties and Engagement Etc.*, London, 1924.
- Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation*, Penerbit Universiti Malaya, K.Lumpur, 1974.
- Mohamed Yunus Hamidi, *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*, Pustaka Antara, K.Lumpur, 1961.
- Mohammad Hassan bin Tok Kerani Mohd Arshad, *Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, K.Lumpur, 1968.
- Morais, J.V., *Hidup Melayu*, (tiada tarikh dan penerbit) Ipoh, 1946.
- Persatuan Al Ikhwan Al Masakin, *Jubli Mas Lima Puluh*, (Buku Cenderamata Persatuan), 1976.
- Png Poh Seng, "The Straits Chinese in Singapore: A Case Study of Local Identity and Socio-Cultural Accommodation", dalam *Journal of Southeast Asian History*, Vol. X, No. 1.
- Pye, L., & Verba, S., (eds.), *Political Culture and Political Development*, Princeton University Press, Princeton, 1966.
- Rachmanmat, (penyusun), *Sejarah Malaysia Moden*, Penerbitan Adabi, Petaling Jaya, 1976.
- Rahmat bin Saripan, "Kemajuan Pelajaran: Satu Tinjauan Penting dalam Kegiatan Bercorak Politik Kebangsaan Melayu di Tahun-tahun 1930-an", dalam *Jurnal Sejarah*, Universiti Malaya, Jil. XI, 1972/73.
- Roff, W.R., *The Origins of Malay Nationalism*, University of Malaya Press, Singapore, 1967.
- Rubin, A.R., *The International Personality of the Malay Peninsula*, Penerbitan Universiti Malaya, K.Lumpur, 1974.
- Shariff bin Wahab, "Muhammad Abduh Pelupur Kaum Muda", dalam *Kiblat*, K.Lumpur, Julai 1976.
- Thomasz, F.A., *A School Geography and History of Penang*, the Methodist Printing House, Singapore, 1917.
- Yeap Joo Kin, *The Patriach*, Times Printers, Singapore, 1975.
- Zainal Abidin bin Ahmad (ZAABA), "Recent Malay Literature", dalam *JMBRAS*, 1940.
- Zainal Abidin bin Abdul Wahid, (ed.), *Glimpses of Malaysia History*, Dewan Bahasa & Pustaka, K.Lumpur, 1970.

#### LATIHAN ILMIAH

- Abdul Malek bin Md. Hanafiah, *Perjuangan Kesatuan Melayu Muda, 1937—1945*, Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974.

## TEMUTANYA

**Abdul Rahim Khan**

**Tarikh Lahir :** 1925, di Pulau Pinang

**Pendidikan :** Sekolah Melayu Jalan Baharu, Pulau Pinang.  
Penang Free School, Pulau Pinang.

**Pekerjaan :** Bekas Kerani di pejabat Perbendaharaan Negeri Pulau Pinang (1945–1961). Sekarang bekerja sebagai Penolong Setiausaha Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Pulau Pinang.

**Pengalaman Politik :** Beliau menjadi ahli UMNO sejak ditubuhkan hingga sekarang dan pernah memegang beberapa jawatan termasuk Setiausaha Pilihanraya (1951–1955). Sekarang memegang jawatan Pegawai Penerangan UMNO Jelutong dan Setiausaha UMNO Pulau Pinang.

**Tarikh**

**Temutanya :** 21.11.1976

**Alamat :** No. 33, Jalan Selamat, Pulau Pinang.

**Ahmad bin Noordin**

**Tarikh Lahir :** 1913, di Pulau Pinang

**Pendidikan :** Sekolah Melayu Permatang Damar Laut, Pulau Pinang; Sekolah Melayu Datuk Keramat, Pulau Pinang; Government English School, Pulau Pinang; Hutching School, Pulau Pinang; dan Penang Free School, Pulau Pinang.

**Pekerjaan :** Bekas Operator Telefon, Kerani Majlis Munisipal George Town, Pegawai Penilaian, dan Penolong Setiausaha Majlis Luar bandar. Sekarang bersara dan bekerja sebagai Setiausaha Kerja UMNO.

**Pengalaman Politik :** Pernah memegang jawatan sebagai Penolong Setiausaha UMNO Pulau Pinang, Setiausaha UMNO Kampung Dodol, Setiausaha UMNO Bahagian Pulau Pinang, dan Pengerusi Tetap UMNO. Sekarang masih bergiat dalam politik sebagai Setiausaha Kerja UMNO.

**Tarikh Temutanya :** 19.11.1976

**Alamat :** Pejabat: Ibu Pejabat UMNO Pulau Pinang, Jalan Macalister, Pulau Pinang.  
Rumah: No. 297E, Jalan Kampung Dodol, Pulau Pinang.

#### **Hashim bin Sulaiman**

**Tarikh Lahir :** 1912, di Balik Pulau, Pulau Pinang.

**Pendidikan :** Sekolah Melayu Sungai Pinang, Pulau Pinang; Daerattul-Maarif Kepala Batas, Seberang Perai; Sekolah Al-Masyhur, Pulau Pinang; dan Anglo Chinese School, Pulau Pinang.

**Pekerjaan :** Pernah bekerja sebagai Operator Telefon, agen kepada akhbar Utusan Melayu dan majalah Kalam, dan menjalankan perniagaan. Sekarang bekerja sebagai seorang guru di Sekolah Nahdatun Al Shun Al Dinnah, Balik Pulau, Pulau Pinang.

**Pengalaman Politik :** Pernah menjadi ahli jawatankuasa Kesatuan Melayu semasa pendudukan Jepun bagi Mukim Balik Pulau; salah seorang pengasas PKMM Cawangan Balik Pulau dan menjadi pengerusinya (1945-1949). Sekarang tidak cergas dalam politik.

**Tarikh :** 2.6.1976

**Temutanya :** 1.11.1976

**Alamat :** No. 593A, Air Putih, Balik Pulau, Pulau Pinang.

#### **Ibrahim bin Mahmood**

**Tarikh Lahir :** 1908, di Pulau Pinang

**Pendidikan :** Sekolah Melayu Tanjung Tokong, Pulau Pinang;

Sekolah Al-Masyhur, Pulau Pinang; dan Anglo Chinese School, Pulau Pinang.

**Pekerjaan** : Bekas guru di Sekolah Al-Masyhur; sidang pengarang akhbar Warta Negara; pengarang *Penang Shinbun* (edisi Melayu); pengarang Warta Negara; pengarang Suara UMNO dan kemudiannya Suara Merdeka; dan menulis beberapa buah buku. Sekarang bekerja di Bahagian Penyelidikan Ibu Pejabat UMNO bagi menyiapkan buku UMNO 30 tahun.

**Pengalaman Politik** : Pernah memegang jawatan Timbalan Pengerusi KMPP; salah seorang pengasas UMNO; berjuang menentang Malayan Union (1945–1948); wakil tetap Pulau Pinang ke persidangan UMNO (1946–1950); dan Pegawai Penerangan UMNO Malaya (1951). Sekarang tidak cergas dalam politik.

**Tarikh Temutanya** : 5.1.1977

**Alamat** : No. 184A, Tanjung Tokong, Pulau Pinang.

**Mohamad Ali bin Arshad**

**Tarikh Lahir** : 1909, di Gurney Drive, Pulau Pinang.

**Pendidikan** : Sekolah Melayu Kampung Jawa, Pulau Pinang; dan Anglo Chinese School, Pulau Pinang.

**Pekerjaan** : Bekas seorang guru bahasa Inggeris di Sekolah Al-Masyhur, Pulau Pinang; kerani pejabat daerah; dan Penolong Setiausaha Majlis Hal-Ehwal Agama Islam Pulau Pinang. Sekarang bekerja sebagai Bendahari Madrasah Fakiyatid Daimiah, Permatang Pauh, Bukit Mertajam.

**Pengalaman Politik** : Salah seorang pengasas Persatuan Melayu Dinding, Perak (1929) dan PKMM cawangan Bukit Mertajam; menjadi pengerusi PKMM cawangan Bukit Mertajam (1945–1949); dan ahli Parti Rakyat Se-Malaya (1953–1955) dan pernah menjadi pengerusinya. Sekarang tidak cergas dalam politik.

Tarikh : 4.11.1976  
Temutanya  
Alamat : No. 609, Permatang Pauh, Bukit Mertajam, Seberang Perai.

#### Mohd Desa bin Hussain

Tarikh Lahir : 1921, di Jelutung, Pulau Pinang.  
Pendidikan : Sekolah Melayu Jelutung, Pulau Pinang; Sekolah Al-Masyhur, Pulau Pinang; dan, Sekolah Pondok Haji Arshad Bawai.  
Pekerjaan : Bekas pekerja kapal, pekerja pelabuhan, budak pejabat dan ahli bomba. Selepas tahun 1946 beliau bekerja sendiri sehingga sekarang.  
Pengalaman Politik : Pernah menjadi ahli KMM, PKMM, SEBERKAS, SPMJ, UMNO dan Parti Sosialis. Pernah memegang beberapa jawatan termasuk Setiausaha dan Timbalan Pengerusi PKMM, Timbalan Pengerusi Persatuan Melayu Semenanjung dan merangkap Setiausaha Agungnya; ahli jawatan-kuasa Parti Radikal, Pre-Council kepada Dr. N.K. Menon iaitu calon Parti Radikal bagi Kawasan Pilihanraya Munisipal Jelutung; membantu merangka satu memorandum 19 perkara mengenai orang-orang Melayu untuk dihantar ke Persidangan Negara-Negara Afro-Asia (April 1955); dan pernah bertanding dalam pilihanraya 1973 menentang calon UMNO Senu Abdul Rahman. Sekarang tidak cergas dalam politik.

Tarikh : 21.11.1976  
Temutanya  
Alamat : No. 281D, Jalan Madrasah, Jelutung, Pulau Pinang.

#### Mohamad Noor bin Mohammad

Tarikh Lahir : 1901, di Pulau Pinang.  
Pendidikan : Sekolah Melayu Bayan Lepas, Pulau Pinang; Penang Free School, Pulau Pinang.



**Pekerjaan** : Bekas guru di Penang Free School dan memegang beberapa jawatan kerajaan termasuk Pegawai Nazir bagi sekolah-sekolah. Sekarang bertugas di Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

**Pengalaman Politik** : Pernah menjadi ahli PMA, Parti Negara, dan UMNO; memegang beberapa jawatan termasuk Setiausaha PMA, dan ahli jawatankuasa kerja UMNO Malaya. Sekarang tidak cergas dalam politik.

**Tarikh Temutanya** : 7.5.1976

**Alamat** : No. 7A, Jalan Western, Pulau Pinang.

**Mohamed Nor bin Ahmad**

**Tarikh Lahir** : 1911, di Pulau Pinang.

**Pendidikan** : Sekolah Melayu Gopeng, Perak; Sekolah Melayu Tanjung Rambutan Perak; Sekolah Melayu Chowrasta, Pulau Pinang; dan, Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak.

**Pekerjaan** : Bekas guru di Sekolah Melayu Chowrasta; Pelawat Pekerjaan Tañgan dan Senaman Sekolah-Sekolah Melayu; Guru Besar Sekolah Jepun; Pelawat Sekolah-Sekolah Bahasa Jepun; Penolong Penge-tua Maktab Latihan Guru (Jepun); dan, Guru Besar Sekolah Umum Jelutung (1952-1962) sebelum bersara. Sekarang membuat pekerjaan sendiri.

**Pengalaman Politik** : Pernah memegang beberapa jawatan dalam Per-satuan Guru-guru Pulau Pinang dan Seberang Perai seperti Penolong Setiausaha, Naib Yang Dipertua dan Yang Dipertua. Pernah memegang beberapa jawatan dalam Persatuan guru-guru semenanjung seperti Naib Yang Dipertua dan Yang Dipertua KPGMS; Setiausaha PMA (1945) dan bertanggungjawab merombak Perlembagaan PMA (1946). Salah seorang pengasas UMNO Pulau Pinang; Ahli Jawatankuasa Tertinggi UMNO (1957); Pegawai Penerangan Perikatan

(1963); dianugerahkan Tokoh Guru (1975).  
Sekarang menjadi Yang Dipertua PMA.

Tarikh : 2.6.1976

Temutanya : Temutanya bersurat bertarikh 25.10.1976.

Alamat : No. 69, Jalan Permai, Gelugor, Pulau Pinang.

#### **Mohamad Zain bin Ahmad**

Tarikh Lahir : 1906, di Singapura

Pendidikan : Sekolah Melayu Kampung Gelam, Victoria Bridge School, dan Raffles School, Singapura; Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak.

Pekerjaan : Bekas guru Sekolah Inggeris Bukit Mertajam dan Penolong Nazir Sekolah-Sekolah Melayu. Sekarang membuat kerja sendiri.

Pengalaman Politik : Pernah menjadi ahli PMA, KMM, dan KMPP. Salah seorang pemerhati ke Kongres Melayu di Kelab Sulaiman (1946). Sekarang tidak cergas dalam politik.

Tarikh : 31.10.1976

Temutanya : Temutanya secara bersurat bertarikh 10.6.1976.

Alamat : No. 618, Mukim II, Teluk Bahang, Pulau Pinang.

#### **Nyak Hashim bin Nyak Puteh**

Tarikh Lahir : 1906, di Pulau Pinang.

Pendidikan : Sekolah Melayu Jalan Carnavon, dan Penang Free School, Pulau Pinang.

Pekerjaan : Bekas kerani di pejabat pos sebelum bersara dan mencebur diri dalam perniagaan pada tahun 1947. Pekerjaan sekarang ialah berniaga.

Pengalaman Politik : Menjadi ahli UMNO dan pernah memegang jawatan Naib Pengerusi UMNO Pulau Pinang; pernah menjadi Ahli Majlis Munisipal (1954) dan Majlis Negeri Pulau Pinang (1955). Sekarang tidak cergas dalam politik.

Tarikh : 5.1.1977  
Temutanya  
Alamat : No. 11, Jelutung, Pulau Pinang.

#### Omar bin Ahmad

Tarikh Lahir : 1901, di Bukit Mertajam, Seberang Perai.  
Pendidikan : Sekolah Melayu Bagan Tuan Kecil, Seberang Perai dan King Edward School, Taiping, Perak.  
Pekerjaan : Pernah bekerja sebagai Jurukur Aprentis, Draftman, Assistant Land Bailiff dan Pegawai Penempatan sebelum bersara pada tahun 1952.  
Pengalaman Politik : Pernah menjadi ahli PMSP dan salah seorang pengasas UMNO Bukit Mertajam; ahli Jawatankuasa UMNO Bukit Mertajam; dan pada tahun 1972 dilantik sebagai ahli dan penasihat seumur hidup kepada UMNO cawangan tersebut. Sekarang tidak cergas dalam politik.

Tarikh : 9.4.1976  
Temutanya : 4.11.1979  
Alamat : No. 377, Jalan Tanah Liat, Bukit Mertajam, Seberang Perai.

#### P.U. David

Tarikh Lahir : 1910, di Kuala Kangsar, Perak.  
Pendidikan : Anglo Chinese School, Ipoh, Perak dan, mengikuti kursus perguruan.  
Pekerjaan : Bekas guru di Anglo Chinese School, Pulau Pinang (Kemudiannya Methodist Boys' School) dan Guru Besar Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris, Sungai Siput Perak. Sekarang bersara dan bekerja sebagai pembantu di salah sebuah percetakan di Pulau Pinang.  
Pengalaman Politik : Salah seorang pengasas PBPP (1951) bertanding dalam Pilihanraya Majlis Munisipal (1951) sebagai calon PBPP; ahli Majlis Munisipal (1956-1958); Pemangku Setiausaha MIC Pulau Pinang; Pre Council Perikatan Pulau Pinang. Dalam Kesatuan

- Pekerjaan** : Bekas guru agama (1942–1964); sekarang menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.
- Pengalaman Politik** : Pernah menjadi ahli jawatankuasa Persatuan Melayu Seberang Perai (1947–1948); salah seorang pengasas dan Yang Dipertua Perikatan Penanam-Penanam Padi Melayu Seberang Perai (1948–1951); Yang Dipertua Pertubuhan Tani Malaya (1951–1955); bertanding dalam Pilihanraya Negeri (1955) sebagai calon PAS; pernah menduduki Jawatankuasa Pergerakan Pemuda Melayu Seberang Perai, jawatankuasa dan Pegawai Penerangan PAS (1951–1957), Pemangku Setiausaha Agung PAS (1956), Ahli Jawatankuasa Perhubungan PAS Negeri Trengganu (1972–1976), dan calon Barisan Nasional dalam Pilihanraya Kebangsaan 1974. Sekarang menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang masih cergas dalam politik.
- Tarikh Temutanya** : 23.11.1976
- Alamat** : No. 1439, Kampung Pertama, Seberang Perai.

## SURAT KEPADA PERDANA MENTERI BRITISH

Prime Minister Attlee London,

We are losing confidence in the Labour Government for flouting the sovereign rights of nine Malay Rulers and the political rights of the Malay race by the dictatorial and arbitrary enforcement of Malayan Union against the will of Malay Rulers and Malay Congress representing over 2,000,000 Malay.

It is established beyond doubt that Sir Harold MacMichael employed duress over the Malay Sultans unconstitutionally depriving them of their independence and sovereign rights guaranteed by sacred treaties by His Majesty's Government.

We demand the trial of Sir Harold MacMichael in the House of Commons on one side as against the nine Sultans as the other party as complainants Malaya will deteriorate into another Indonesia if Hitlerian political methods are resorted to by Labour Government as against the will of the entire Malay race.

The entire Islamic world will revolt against the continuance of such a high handed policy in Malaya.

Editor, Islamic Voice of Malaya, Penang.

ISLAMIC VOICE OF MALAYA,

Sole Proprietor, Editor, Printer &  
Publisher.

Sumber: Department of Public Relation Files, 1948.

**UCAPAN DR. K.M. ARIFF KETIKA  
MERAIKAN COL. REES WILLIAMS DI  
E & O HOTEL PULAU PINANG PADA  
26 MEI 1946.**

Kerja tuan di negeri ini boleh membawa makna perbalahan yang terpendam di antara bangsa-bangsa ataupun kesejahteraan di dalam lapangan politik. Tuan lihat di dalam lawatan tuan yang orang-orang Melayu sedang menunjukkan tenaga dan kebolehan di dalam politik sebagai yang belum pernah mereka tunjukkan dahulu. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang baharu bertubuh itu iaitu yang mengandungi semua persekutuan-persekutuan Melayu yang menjadi suara orang ramai di semenanjung, memadailah bagi menunjukkan perubahan yang telah datang ke atas orang-orang Melayu semenanjung. Pengertian yang sepenuh-penuhnya dari hal rancangan-rancangan Malayan Union itu hanya telah difahamkan beransur-ansur. Pada mulanya telah disangkakan bahawa Malayan Union itu hanyalah hendak meluaskan persekutuan negeri-negeri Melayu yang ada itu supaya meliputi semua negeri-negeri Melayu di semenanjung di bawah satu pusat pentadbiran dengan Pulau Pinang dan Melaka dimasukkan sama kerana kesenangan pentadbiran dan dengan sangkaan yang silap itu Malayan Union itu telah disambut dengan gembiranya oleh orang-orang Melayu yang berkemajuan dan sekurang-kurangnya diterima sebagai satu perkara yang tak dapat tiada oleh puak kanan daripada bangsa Melayu. Tetapi beransur-ansur telah terang bahawa Union itu maknanya tiada kurang daripada menghaluskan negeri-negeri Melayu.

Mengikut perkataan keputusan yang telah disahkan oleh Kongres Melayu Se-Malaya di Kuala Lumpur dan dihantar kepada Perdana Menteri, maka cadangan-cadangan itu samalah seperti memilik terus dan perkara mewujudkan kerakyatan Malayan Union itu akhirnya akan menghapuskan wujudnya ketuanan sembilan buah negeri Melayu iaitu melanggar dasar-dasar perjanjian yang telah dibuatnya. Bahawa oleh British yang sendiri sangat

sayang akan perlembagaan negeri yang beraja dan sayang kepada segala adat istiadat yang ada di dalam negeri-negeri yang beraja itu patutlah menjadi orang-orang yang mula-mula sekali faham akan kemarahan orang-orang Melayu apabila mereka lihat yang binaan politik bangsa mereka dibuang sebagai sampah tawarikh. Tiada menjadi bijak mempermudah-mudahkan perasaan kebangsaan atas perkara-perkara sebagai ini. Perasaan itu adalah tersemai dari dahulu lagi dan tersemai dengan dalamnya pada masa ini dan Sultan-Sultan itu serta dengan dalam mereka adalah bermakna sama kepada orang-orang Melayu sebagaimana baginda King dan segala-gala bercorak dengan nama England itu kepada bangsa Inggeris.

Sesungguhnya kami orang-orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai ialah 'rakyat baginda King tetapi kami ada mengambil berat atas taraf raja-raja Melayu, kami tiada boleh duduk diam kepada perubahan yang akan dibawa oleh rancangan Union itu dan pada penting ini kami cuba memberi faham kepada tuan pandangan orang-orang Melayu kepadanya. Kami berharap bahawa tuan akan menghalusi baik-baik perkara itu dan kerja tuan itu boleh menjadi sebab membawa kesejahteraan kepada tempat yang aman di dalam dunia ini.

Sumber: Warta Negara, 27.5.1946.

**UCAPAN IBRAHIM BIN MAHMOOD  
PADA PERHIMPUNAN RAKSAKA DI  
PADANG SEKOLAH FRANCIS LIGHT  
SEBAGAI MENYAMBUT DATO' ONN  
DAN MELAHIRKAN PERASAAN  
MENENTANG MALAYAN UNION**

Yang Berhormat Dato' Onn.

Adalah kami sekalian umat Melayu seluruh Pulau Pinang, kemudian daripada mengucap syukur kepada Allah Subhanawataala dengan hati yang riang gembira dan tulus ikhlas mengucapkan selamat datang Dato' yang terhormat ke Pulau Pinang ini.

Sungguhpun kami di dalam kawasan yang berlainan kedudukannya di dalam siasah daripada lain-lain negeri Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu ini, akan tetapi, sebagai bangsa Melayu tetap berdiri sebagaimana pendirian saudara-saudara kami umat Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu ini, di belakang Dato' dan pada hari ini kami berikrar di hadapan Dato' taat setia kami akan kami mengaku akan bekerjasama dengan Dato' dengan segala daya upaya kami di dalam segala muslihat bangsa dan tanahair Melayu yang dikasihi itu.

Perkara Malayan Union yang meluputkan hak kuasa Raja-Raja dan rakyat Melayu di atas Tanah airnya sendiri dan sebagai akibatnya menghapuskan nama Melayu daripada muka bumi ini, kami sebagai bangsa Melayu, bersama-sama menyertai dan akan sehidup semati dengan sekalian saudara-saudara kami umat Melayu semenanjung di dalam perjuangan melawan Malayan Union itu kerana kami juga tetap hendak menjadi Melayu dan tidak rela hendak menjadi Malayan.

Sungguhpun negeri kami ini lain corak siasahnya daripada lain-lain negeri Melayu, akan tetapi, dengan bijaksana Dato' telah menyatukan umat Melayu semenanjung ini menjadi satu, begitulah harapan kami dengan bijaksana Dato' juga akan dapat menyatukan negeri kami ini dengan lain-lain negeri Melayu di dalam kedudukan



siasah menurut perubahan masa sekarang ini. Kami penuh yakin ke atas Dato' dan kami berasa megah dan bertuah mendapat seorang pemimpin yang handal dan tulus ikhlas kepada bangsa seperti Dato'.

Sebagai penutup ucapan ini, kami ucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas kesudian Dato' melawat ke Pulau Pinang ini dan kami doakan mudah-mudahan dipanjangkan umur Dato' dengan sihat dan bertambah-tambah tenaga dan berjaya segala cita-cita dan pekerjaan Dato' wassallam.

**Hidup Melayu, Hidup Dato' Onn.**

Sumber: Warta Negara, 3.6.1946.

**UCAPAN CIK HASNAH BINTI HAJI  
ISHAK SELAKU WAKIL KAUM IBU DI  
PERHIMPUNAN RAKSASA  
ORANG-ORANG MELAYU BAGI  
MENYAMBUT DATO' ONN DAN  
MELAHIRKAN PERASAAN  
MENENTANG MALAYAN UNION**

Pemimpin Melayu Raya yang berhormat Dato' Onn dan Sidang Majlis yang terhormat.

Pada petang yang berbahagia dan saat yang mulia ini, di masa umat Melayu berhimpun beribu-ribu sebagai menyambut pemimpin yang tunggal iaitu Dato' Onn, ialah sebagai seorang pemimpin yang sangat cinta kepada bangsa, dan cintakan tanahair.

Tuan-tuan yang terhormat,

Umat Melayu Raya telah jatuh dan mundur ke belakang, oleh sebab mereka itu telah lupa akan tarikh keemasan pahlawan-pahlawan keperwiraan datuk nenek mereka, yang mana bumi yang mereka pijak ini ialah harta pesaka mereka, kita umat Hang Tuah yang gagah berani dan pahlawan Melayu yang sangat bersemangat itu.

Sekarang telah tiba masanya waktu kaum Melayu buat menebus semua keperwiraan bangsa kita dan kemuliaan bangsa kita Melayu.

Tuan-tuan yang terhormat,

Kita umat Melayu jikalau ingin kepada kemajuan dan mahu kepada taraf yang mulia di muka bumi ini, hendaklah kita bersungguh-sungguh menyokong dan menjadi tulang belakang bagi pemimpin-pemimpin kita Melayu Raya hari ini ialah yang Berhormat Dato' Onn, kita patut menangis di atas nasib kaum kita yang telah lalu. Kita mesti menyesal atas kelalaian kita di atas kebodohan kita yang semuanya itu adalah timbul dari kita sendiri.

Kaum ibu yang terhormat,

Insaflah wahai kaum ibu seluruhnya bahawa masa ini adalah masa yang sangat genting, masa yang maha sulit dan rumit kepada

bangsa kita Melayu, maka kewajipan kita sebagai kaum ibu di zaman yang genting ini adalah sangat besar dan berat pula. Saya berani berkata di tangan kitalah wahai kaum ibu dalam cara perkongsian hidup dengan kaum lelaki terletak keselamatan negeri bahkan kemerdekaan. Kedudukan kita kaum ibu di dalam pergerakan sekarang ini adalah kedudukan yang sangat penting, iaitu kita kaum ibu mesti turut bersama-sama mendirikan persatuan yang kukuh, teguh, untuk membela nasib negeri dan bangsa kerana agama Islam pun memang membenarkan supaya kaum ibu turut mengambil bahagian, turut bergerak, lebih-lebih lagi di dalam perkara dan di dalam hal yang menimpa kita sekarang, bahkan jika kita kaum ibu mesti turut bersama-sama mendirikan persatuan zaman baginda itu sentiasa sedia berdiri menyokong segenap perjalanan, mengambil bahagian di dalam perjuangan.

Maka pada petang ini di hadapan pemimpin kita yang terhormat saya berseru dengan kata, hidup Melayu.

Marilah kita wahai kaum ibu turut bekerja berdiri teguh di barisan belakang menegakkan benteng perjuangan kita dengan mengaku taat setia bertulus ikhlas kepada pemimpin kita yang berhormat dalam segala perkara kepentingan negeri kita, dan kami dari pihak kaum ibu Pulau Pinang mengucapkan segunung terima kasih atas kedatangan dan ketibaan pemimpin kita mudah-mudahan Allah memberi sokongan yang sepenuh-penuhnya kepada perjalanan cadangannya. Hidup Melayu.

Sumber: Warta Negara, 4.6.1946.

UCAPAN ISHAK BIN CHE MAT  
WAKIL KANAK-KANAK LELAKI PULAU  
PINANG DI PERHIMPUNAN RAKSASA  
ORANG-ORANG MELAYU BAGI  
MENYAMBUT DATO' ONN DAN  
MELAHIRKAN PERASAAN  
MENENTANG MALAYAN UNION

Yang terhormat Dato' Onn, tuan-tuan cerdik pandai dan ibu bapa kami sekalian.

Kami kanak-kanak lelaki dari seluruh Pulau Pinang dengan hati yang gembira dan sepenuh-penuhnya tulus ikhlas mengucapkan selamat datang kepada Dato' yang budiman.

Adalah hari ini suatu hari perayaan yang belum pernah kami rasai selama hidup kami. Oleh kerana dapat kami menentang wajah yang terhormat Dato', pemimpin dan pembela bangsa Melayu dan negara yang sudah diketahui oleh umat Melayu seluruh semenanjung ini.

Kami walaupun masih di dalam alam kanak-kanak lagi, akan tetapi tahu juga kami apa kewajipan dan hak tanggungjawab kami terhadap bangsa dan tanahair kami yang dicintai.

Tanahair, tempat yang memberi kami makan minum, tanahair yang memberi kami serba kesenangan dan kemakmuran sekarang hendak 'diMalayanUnionkan' oleh kerajaan penaung kita. Maka Dato' telah mengadap hadapan dengan sifat seorang hulubalang Melayu menangkis segala sepak terajang Malayan Union itu kerana hendak menegakkan hak-hak pusaka kami yang telah turun-temurun itu, oleh ini kami percaya dengan sepenuh-penuhnya yakin Dato'lah yang akan membela nasib kami sehingga kami dewasa, dan dapatlah diri kami berjuang dengan segala apa rupa perjuangan sekalipun.

Asuhlah kami dari sekarang, mudah-mudahan dapat kami menjadi bumiputera yang berharga kepada bangsa dan tanahair, seperti pahlawan-pahlawan kita yang telah lalu riwayatnya, supaya

zaman gemilang kita yang telah silam itu bercahaya balik dengan tidak kunjung padam.

Kami sudah dengan menuntut berbanyak-banyak ampun dan maaf kepada yang terhormat Dato' dan ibu-ibu bapa kami sekalian, Hidup Melayu.

Sumber: Warta Negara, 5.6.1946.

To,  
The Right Honourable Arther Greech Jones, P.C., M.P.,  
His Majesty's Secretary of State for the Colonies,  
Colonial Office,  
London, S.W.1.

The Humble Petition of  
The Chinese Town Hall, Penang  
The Chinese Chamber of Commerce, Penang  
The Straits Chinese British Association,  
Penang.

Respectfully Sheweth:

Your Petitioners comprise seven (7) delegates from each of the above association, appointed to scrutinise and report on the "Constitutional Proposals for Malaya" published in the Malayan Union Government Gazette dated the 24th. December, 1946.

2. The Chinese Town Hall is a body created with the approval of Government about 70 years ago to look after the interests of the Chinese Community.

3. The Chinese Chamber of Commerce, as its name implies, represent the commercial interests of the Chinese in the Settlement of Penang.

4. The Straits Chinese British Association is an association of Chinese born in the Straits Settlements with sister association in Singapore and Malacca and, as such, looks after the interests of Chinese British subjects and protects their special rights and privileges.

5. The above-named three representative bodies practically constitute the mouthpiece of the entire Chinese community of Penang and Province Wellesley. They have been recognised as such by the Local Government and are accorded the privilege of nominating a representative each to serve on the George Town Munisipal Commission, Penang. Furthermore, the three said bodies are also jointy given the privilege of nominating two Chinese Members of the Settlement Advisory Council, Penang.

6. For the purpose of considering the "Constitutional Proposals for Malays" (hereafter referred to as "the Proposals") the 21 delegates from the above-named three Associations have formed a combined Committee designated the "Penang Chinese Constitutional Consultative Committee" (hereafter referred to as "this Committee").

7. From the point of view of the Chinese inhabitants, the most important part of the Proposals relates to the vital question of citizenship "would not effect or impair, in any respect whatever, the status of British subjects in the Settlements or the status of subjects of the Rulers in the Malay States" (Para. 81) is a terminological inexactitude, which is intended to disarm criticism or to lull suspicion. A correct view of the true state of affairs, however, is disclosed by the fact that the inalienable rights of British subjects are effected or impaired in as much as certain categories of British are not entitled to citizenship automatically. They have to acquire citizenship by application and must process the following qualifications: (a) residence in the territory for ten out of the fifteen years preceeding the application (b) good character and (c) an adequate knowledge of the Malay or English language. It will thus be observed that the prescriptive rights of British subjects are whittled down, and if such a calamity can befall them, the harm which may be inflicted on those who are not British subjects may be left to the imagination. Another matter that gives rise to apprehension is that the citizenship Proposals, especially the clause about qualification of good character and the provision for the loss of citizenship (para. 92), may open the door to abuses and lead to great injustice.

8. It is stated that citizenship "could be a qualification for electoral rights, for membership of Councils and for employment in Government services and it could confer other privileges and impose obligations" (para. 81). On the other hand the disabilities to which inhabitants (including certain categories of British subjects) who are not admitted to citizenship will be subjected, may be surmised by a reference to legislation in certain provinces of the Dominion of Canada where persons who are denied citizenship are prohibited from being employed on public works and forbidden the practice of certain profession such as engineering, law and pharmacy. Citizenship under the Proposals is therefore a snare and a delusion.

9. This Committee deprecates the animosity of certain persons in England who, even before the re-occupation of this

country, had been conducting an anti-Chinese campaign in England. The dual object of the campaign was to stir up ill-feeling against the Chinese in Malaya on account of their numerical strength and vast economic interests, and to invent a pretext to keep them down. In furtherance of their campaign the protagonists had stooped to misrepresentation and distortion of facts. Even the Parliamentary debates on Malaya on certain occasions were marred by a deplorable exhibition of ill-will towards the Chinese, who are filled with more sorrow than anger and console themselves with the reflection — “Magna est veritas et praevalabit”.

The proposals are vitiated by anti-Chinese bias. The provisions for the acquirement and loss of citizenship, the immigration policy contemplated (para. 93), and the ridiculously inadequate representation of Chinese interests on the Federal Legislative Council (para. 64) are unmistakable indications of anti-Chinese bias.

10. Chinese contribution towards the opening up and economic development of Malaya is a fine record which was acknowledged by successive Governors and other high-ranking administrators. Chinese fighting in the defence of Singapore and the heavy casualties suffered by them, Chinese friendship for the British during the enemy occupation at great personal risks, Chinese organisation of the underground resistance movement have been requited with hatred. They are law-abiding and have great respect for constituted authority. They pursue their different callings peaceably and they are productive sources of government revenue. Inhabitants of such character are valuable assets to any country. But in this country they are to be suppressed, because they are too good, and denied citizenship. Talk of their submerging other races is utterly preposterous. The franchise, even if granted to every adult Chinese in Malaya, cannot give them power to submerge other races, since safeguards in the form of proportional communal representation can be provided in the Constitution.

11. It is a matter for congratulation that a large section of the Malay population, represented by the influential Malay Nationalist Party, has a better appreciation of realities and a clearer vision of what lies before the Malays. It fully recognises that the salvation of the Malays and the advancement of Malaya towards ultimate self-government within the framework of the British Commonwealth of Free Nations lie in co-operation among the different races, with



equal rights for all citizens, and living in harmony in the spirit of reciprocity.

It is inconceivable that the British, with the memory of their experiences in South Africa under the Boer Government, can have desired to place the Chinese community in an identical position which they themselves had found intolerable.

12. This Committee considers that the Proposals are to the detriment of the Chinese Community and therefore decided at one of its meetings to pass the following resolution:—

“That thus Committee is satisfied that the “Constitutional Proposals for Malaya” as published in the Malayan Union Government Gazette dated 24th December 1946 is a direct violation of the solemn undertakings to which His Majesty’s Government was a party in Article 73 entitled “Declaration regarding Non-self-Governing Territories” in the Charter of the United Nations, and that this violation is of such paramount importance as affecting the well-being of half the inhabitants of Malaya that a Petition can be presented to His Majesty’s Secretary of State for the Colonies asking that His Majesty be pleased to appoint a Royal Commission to make full enquiries regarding the provisions in the said “Constitutional Proposals for Malaya” and matters connected therewith”.

It is hoped that His Majesty’s Government will advise His Majesty to appoint the Royal Commission asked for.

13. This request for the appointment of a Royal Commission has received the support of a Conference of all the Chinese Chambers of Commerce of Malaya and it would appear from the debates in both Houses of Parliament that many Members were also in favour of the appointment of such a Commission. It has been suggested that a Royal Commission will consist of people who do not understand conditions in this part of the world but this Committee is of opinion that such ignorance will be the best safeguard of the interests of the various races. The Royal Commission will be able to study local conditions with an open mind without any pre-conceived ideas.

14. Considering that Ceylon has been visited by two Commissions which reported in 1928 and 1945 and that a Royal

Commission also visited the West Indies a few years ago there is justification for the appointment of a Royal Commission to visit Malaya.

15. If the Proposals are implemented regardless of the wishes of the majority of the inhabitants, it can mean only one thing and that is — moral bankruptcy of British statesmanship. This Committee has full confidence that His Majesty's Government will be guided by Edmund Burke's dictum: "Magnanimity in Politics is not seldom the truest wisdom; and a great empire and little minds go ill together".

And your Petitioners will as in duty bound ever humbly pray.  
Dated at Penang the 1th Day of March, 1947.

For and on behalf of the  
Penang Chinese Constitutional  
Consultative Committee.

(Lim Keong Lay)  
Chairman

(Chew Boon Ee)  
Hon. Secretary

Sumber: Full Malayan Union, 1947.

**PETITION FOR SECESSION  
AS COMPILED AND AGREED TO BY THE  
PENANG AND PROVINCE WELLESLEY  
SECESSION COMMITTEE**

The members of the Penang and Province Wellesley Secession Committee, elected at a public meeting of the people of this Settlements held on the 13th. day of December, 1948, respectfully beg to place before you the following facts and submissions, as being representative of the opinion and the views of the majority of the informed people in all walks of life of this Settlements, for your kind and sympathetic Consideration, and for the consideration of His Majesty the King in Council and, if the case so required, that of the British House of Parliament.

1. The majority of the informed people of this Settlement, assembled in a public meeting on the 13th. day of December 1948, expressed themselves unequivocally on the issue of the Secession of the Settlement of Penang from the Federation of Malaya and passed the following resolution by an overwhelming majority:—

“At a public meeting of the inhabitants of Penang and Province Wellesley (known as the Settlement of Penang) held at the Chinese Town Hall on December 13th., 1948, it is resolved that the settlement of Penang do adopt all constitutional means for obtaining the secession of the Settlement of Penang from the Federation of Malaya and the reversion to the colony of the Straits Settlements, as such secession from the Federation of Malaya and reversion to the Straits Settlements would be in the best interests of Penang and Province Wellesley”.

“It is further resolved that a representative committee be elected, with power to co-opt, to act upon such resolution”.

2. Penang Island with an area of 110 square miles was founded by Francis Light in A.D. 1786. In 1800, Province Wellesley was

